LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

LAPORAN TAHUNAN | ANNUAL REPORT

LTAT 2018



LTAT akan melaksanakan Pelan Transformasi untuk mencapai sasaran menjadi sebuah organisasi pengurusan dana bertaraf dunia.

With an ultimate aim to become a world-class fund management organisation, LTAT will embark on its Transformation Plan.

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2018

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

KANDUNGAN >>

LAPORAN TAHUNAN 2018

>> MAKLUMAT KORPORAT

004 Dasar Kualiti
005 Pernyataan Pengerusi
006 Latar Belakang
008 Pernyataan Urus Tadbir Korporat
016 Pernyataan Kawalan Dalaman
018 Lembaga
023 Panel Pelaburan
025 Lembaga Risiko
026 Pengurusan Atasan
027 Pengurusan Kanan
031 Struktur Organisasi
032 Perutusan Pengerusi
035 Ulasan Ketua Eksekutif
043 Laporan Penilaian Hasil dan Impak
050 Analisis Prestasi Kewangan
050 • Prestasi Kewangan Lima Tahun LTAT
052 • Prestasi Kewangan Lima Tahun Kumpulan

063 Sijil ISO 9001:2015
064 Sijil ISO/IEC 20000-1:2011
065 Sijil ISO/IEC 27001:2013

245 Aktiviti Sepanjang Tahun

>> PENYATA KEWANGAN

056 • **Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan LTAT bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

061 • **Penyata Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan)**

062 • **Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan LTAT**

067 **Penyata Kewangan Kumpulan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

068 • Penyata Kedudukan Kewangan

070 • Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain

072 • Penyata Perubahan Ekuiti

076 • Penyata Aliran Tunai

080 • Nota-nota kepada Penyata Kewangan

193 **Penyata Kewangan LTAT bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

194 • Penyata Kedudukan Kewangan

196 • Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain

197 • Penyata Perubahan Ekuiti

199 • Penyata Aliran Tunai

201 • Nota-nota kepada Penyata Kewangan

DASAR KUALITI

LTAT adalah komited untuk menjadi sebuah organisasi berwibawa dan mencapai tahap pengurusan dana wang caruman anggota angkatan tentera yang tinggi bagi memenuhi ekspektasi pelanggan dari segi pemberian perkhidmatan dan pulangan wang caruman serta meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan.



PERNYATAAN PENGERUSI

Yang Berhormat
Menteri Pertahanan Malaysia.

Kami, Ahli-Ahli Lembaga Tabung Angkatan Tentera, dengan segala hormatnya, mengikut Seksyen 17(4) Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), mengangkatkan kira-kira Lembaga bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2018.

Bagi pihak Lembaga,



JENERAL DATO' SERI DIRAJA TAN SRI (DR.) MOHD ZAHIDI BIN HAJI ZAINUDDIN (BERSARA)
Pengerusi

LATAR BELAKANG

Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang lebih dikenali dengan singkatan LTAT, telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Parlimen, iaitu Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101).

OBJEKTIF LTAT

LTAT mempunyai dua objektif. Objektif pertama ialah mengadakan faedah persaraan dan faedah-faedah lain untuk pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan satu skim simpanan untuk Anggota Kerahan Angkatan Sukarela.

Objektif sampingan ialah untuk menggalakkan pembangunan sosioekonomi dan kebajikan anggota tentera yang akan atau telah bersara serta Anggota Kerahan Angkatan Sukarela.

CARUMAN

Di bawah skim LTAT, pencarum dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencarum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan.

VISI

Menjadi sebuah organisasi pengurusan dana yang berjaya dan dicontohi oleh badan-badan Kerajaan dan korporat.

MISI

LTAT mempunyai tiga misi penting seperti berikut:

1. Mengadakan faedah persaraan dan sosio ekonomi yang bermutu tinggi untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia.
2. Membantu dalam pembangunan negara melalui pelaburan yang berhemat dan menguntungkan.
3. Menerapkan nilai kualiti dan budaya kerja cemerlang dalam kalangan pekerja dan bekerja secara berpasukan dengan penuh dedikasi, tanggungjawab, disiplin, amanah, proaktif, dan inovatif ke arah pencapaian yang cemerlang dan berterusan.

LATAR BELAKANG

FAEDAH-FAEDAH BAGI ANGGOTA YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pengeluaran Sekaligus Termasuk Dividen dan Bonus

Pencarum wajib yang bertaraf tidak berpencen akan dibayar semua wang simpanannya dan caruman Kerajaan termasuk dividen dan bonus terkumpul secara sekaligus apabila pencarum meninggal dunia (kepada waris), berhenti atau bersara daripada perkhidmatan, atau telah mencapai umur 50 tahun.

Pencarum wajib yang berpencen akan hanya dibayar wang simpanannya termasuk dividen dan bonus yang terkumpul sahaja secara sekaligus tanpa sumbangan Kerajaan apabila pencarum meninggal dunia (kepada waris), berhenti atau bersara daripada perkhidmatan atau telah mencapai umur 50 tahun. Wang sumbangan Kerajaan dibayar kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP untuk bayaran pencen bulanan.

Pencarum sukarela boleh mengeluarkan wang simpanannya pada bila-bila masa dan diberikan kelonggaran untuk menjadi ahli bagi kali kedua walaupun telah membuat pengeluaran caruman kali pertama.

Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya

Semua pencarum secara automatik mendapat lindungan di bawah Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya LTAT. Skim ini membolehkan sejumlah wang dibayar kepada pencarum yang diberhentikan atas sebab kecacatan fikiran atau tubuh badan, atau kepada waris pencarum yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

Pengeluaran Sebahagian Caruman Untuk Membeli Rumah

Pencarum dibenar mengeluarkan tidak melebihi 40% daripada carumannya sahaja atau 10% daripada harga harta tak alih yang mana lebih rendah, untuk pembelian rumah kediaman pertama atau sebidang tanah untuk membina rumah kediaman.

FAEDAH-FAEDAH BAGI ANGGOTA TENTERA YANG AKAN DAN TELAH BERSARA

Program Latihan Peralihan Bagi Anggota Tentera Yang Akan Dan Telah Bersara

Pelbagai program latihan peralihan bagi anggota tentera yang akan dan telah bersara untuk menyediakan mereka untuk kerjaya kedua di Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), sebuah perbadanan milik penuh LTAT yang telah ditubuhkan dalam tahun 1994.

PERBADANAN MILIKAN PENUH LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)

Perbadanan Perwira Niaga Malaysia atau PERNAMA, sebuah perbadanan milik penuh LTAT yang ditubuhkan dalam tahun 1983, mengendalikan rangkaian kedai-kedai runcit di kem-kem Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di seluruh negara untuk menjual barangan pengguna, sebahagiannya bebas cukai, kepada anggota angkatan tentera, veteran dan keluarga mereka.

Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)

Perbadanan Perwira Harta Malaysia atau PPHM, sebuah lagi perbadanan milik penuh LTAT, yang ditubuhkan dalam tahun 1984, menjalankan aktiviti perniagaan berhubung dengan pengambilan, pembelian, pemilikan, penyewaan, pemajakan, pembangunan dan penjualan harta, menawarkan perkhidmatan pengurusan projek hartanah serta menjalankan aktiviti penyelenggaraan harta bagi pihak LTAT.

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera atau PERHEBAT, perbadanan milik penuh ketiga LTAT yang ditubuhkan dalam tahun 1994, menawarkan pelbagai program latihan dalam bidang kemahiran teknikal, vokasional dan keusahawanan untuk anggota angkatan tentera yang akan dan telah bersara.

Alamat
Tingkat 12
Bangunan LTAT
Jalan Bukit Bintang
Peti Surat 11542
50748 Kuala Lumpur

Juruaudit
Ketua Audit Negara, Malaysia

Bank Utama
Affin Bank Berhad

Portal Rasmi
www.ltat.org.my

PERNYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

KOD

Ahli Lembaga LTAT memberi komitmen sepenuhnya dalam memastikan piawaian urus tadbir korporat yang paling tinggi dan aplikasi yang efektif, selaras dengan Prinsip Amalan Terbaik Urus Tadbir Korporat seperti yang digariskan dalam Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia, diamalkan di Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Kumpulan sebagai satu bahagian penting dalam pelaksanaan tanggungjawabnya dalam mengendalikan aset dan mentadbir wang pencarum LTAT. Ahli Lembaga LTAT dengan sukacitanya melaporkan bahawa LTAT dan Kumpulan telah menerima pakai prinsip-prinsip dan mematuhi amalan terbaik seperti yang digariskan di dalam Kod tersebut.

AHLI LEMBAGA

Komposisi Ahli Lembaga, Panel Pelaburan, dan Pengurusan

LTAT mengiktiraf kepentingan peranan yang dimainkan oleh ahli Lembaga, Panel Pelaburan dan Pengurusan dalam pembentukan, penentuan hala tuju dan operasinya. Ahli Lembaga LTAT dianggotai oleh:

i. Pengerusi, iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan atau wakil yang dilantik oleh Menteri.

ii. Timbalan Pengerusi, iaitu wakil daripada Kementerian Pertahanan.

iii. Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

iv. Ketua Eksekutif yang merupakan seorang ahli ex-officio.

v. Empat (4) orang ahli yang dilantik oleh Menteri untuk mewakili pencarum, seorang daripadanya hendaklah Panglima Angkatan Tentera.

vi. Beberapa orang ahli lain, tidak melebihi empat (4) orang yang dilantik oleh Menteri.

Pada tahun 2018, LTAT juga melantik dua (2) orang ahli Lembaga bebas yang berpengalaman dan mahir dengan pelbagai latar belakang kewangan, ekonomi dan komersial yang amat penting untuk mencapai kejayaan strategik LTAT.

Ahli Lembaga bertanggungjawab sepenuhnya atas keseluruhan urus tadbir korporat LTAT dan Kumpulan termasuk hala tuju pembangunan strategiknya serta menetapkan matlamat untuk pengurusan dan memantau pencapaian matlamat tersebut.

Integriti Ahli Lembaga

Keputusan ahli Lembaga tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dan sekiranya terdapat percanggahan kepentingan, ahli Lembaga yang berkenaan dikehendaki untuk mengecualikan diri dalam apa-apa pertimbangan (kecuali atas undangan Lembaga) dan pengundian dalam perkara yang melibatkan kepentingan mereka, kepentingan peribadi atau yang berkaitan dengan pemegang saham yang diwakili mereka.

Lembaga ialah badan yang dibentuk untuk mentadbir LTAT mengikut apa-apa jua cara yang dapat memajukan kepentingan pencarum dan juga warga kerja yang akan bersara, pesara ATM dan anggota Kerahan Angkatan Sukarela. Fungsi Lembaga juga adalah untuk menggubal dasar pentadbiran dan pengurusan serta memastikan LTAT mencapai objektifnya dengan sempurna dan cemerlang.

Ketua Eksekutif yang dilantik oleh Lembaga yang tertakluk kepada kelulusan Menteri, hendaklah bertanggungjawab atas pengurusan dan operasi LTAT dan melaksanakan semua dasar serta strategi yang ditetapkan oleh Lembaga.

Mesyuarat Ahli Lembaga

Ahli Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali bagi setiap enam (6) bulan berdasarkan Seksyen 4 (4) di bawah Jadual Pertama 4 (1) Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101). Pengerusi atau seseorang ahli yang bertugas sebagai Pengerusi semasa Pengerusi tidak ada dan tiga (3) orang ahli lain boleh dijadikan korum pada mana-mana mesyuarat Lembaga. Pada setiap mesyuarat, ahli Lembaga menimbang dan membuat keputusan bagi cadangan yang berkaitan dengan operasi dan pentadbiran, dasar serta isu semasa dan strategi LTAT serta meluluskan penyata kewangan LTAT.

Kesemua ahli Lembaga diberi maklumat yang tepat dan lengkap sebelum tiap-tiap mesyuarat bagi membolehkan mereka mendalami isu-isu yang akan dibincangkan untuk membolehkan mereka membuat keputusan yang tepat serta dapat mengambil bahagian sepenuhnya dalam mesyuarat berkenaan. Bagi membantu Lembaga menjalankan tugasnya, Lembaga boleh mendapatkan khidmat dan nasihat profesional yang bebas dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti yang dinyatakan dalam peruntukan dalam Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) di bawah seksyen 5 (3) dan dibiayai perbelanjaannya oleh LTAT.

PERNYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

Persaraan dan Pelantikan Semula

Ahli Lembaga, sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) di bawah Seksyen 4(3) (d) (selain Panglima Angkatan Tentera) dan (e) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun, sebagaimana yang ditentukan dalam surat pelantikan mereka dan mereka layak dilantik semula. Pelantikan Panglima Angkatan Tentera adalah atas jawatannya.

Imbuhan Ahli Lembaga

Ahli Lembaga yang telah dilantik boleh dibayar elaun, termasuk elaun perjalanan dan elaun hidup, sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

PANEL PELABURAN

Panel Pelaburan ialah badan yang dibentuk mengikut Seksyen 6 (1), (2) dan (3) Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) untuk membantu Lembaga melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengenai perkara yang berkaitan dengan bidang pelaburan LTAT.

Panel Pelaburan adalah terdiri daripada:

i. Pengerusi yang dilantik oleh Menteri atas nasihat Lembaga;

ii. Panglima Angkatan Tentera;

iii. Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan; dan

iv. Dua (2) orang Ahli yang berpengalaman dalam perniagaan atau kewangan yang dilantik oleh Menteri.

Mesyuarat Panel Pelaburan

Mesyuarat Panel Pelaburan biasanya diadakan sebelum Lembaga bermesyuarat dan apabila dikehendaki oleh Lembaga. Pengerusi dan dua (2) orang ahli lain adalah mencukupi untuk dijadikan korum dalam sesuatu mesyuarat Panel. Bagi tahun 2018, Panel Pelaburan telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali.

Persaraan dan Pelantikan Semula

Seseorang ahli Panel Pelaburan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh LTAT dan layak dilantik semula.

Imbuhan Panel Pelaburan

Panel Pelaburan yang dilantik layak dibayar elaun, termasuk elaun perjalanan dan elaun hidup, sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

JAWATANKUASA LEMBAGA

Ahli Lembaga dalam menjalankan tugasnya, boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa terdiri daripada mana-mana orang yang difikirkan layak oleh Lembaga untuk membantu dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan urus tadbir korporat dilaksanakan dengan baik dan teratur. Jawatankuasa penting yang diwujudkan untuk membantu ahli Lembaga dalam pentadbirannya adalah seperti berikut:

- Lembaga Risiko
- Jawatankuasa Pelaburan
- Jawatankuasa Audit
- Lembaga Perolehan
- Jawatankuasa Temu Duga
- Jawatankuasa Lembaga Tatatertib
- Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun
- Jawatankuasa Skim Gaji dan Perkhidmatan
- Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Kualiti
- Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Teknologi Maklumat
- Jawatankuasa Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat
- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih

Lembaga Risiko

Lembaga Risiko telah ditubuhkan pada penghujung tahun 2018 sebagai salah satu inisiatif di bawah Pelan Transformasi LTAT. Mesyuarat Lembaga 03/2018 pada 30 November 2018 telah meluluskan penubuhan Lembaga Risiko.

Lembaga Risiko akan mengawasi dan mengesyorkan dasar dan prosedur pengurusan risiko LTAT.

Jawatankuasa Pelaburan

Mesyuarat Lembaga 03/2018 pada 30 November 2018 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa ini berperanan untuk membantu Panel Pelaburan dan Lembaga dalam mempertimbangkan peluang-peluang pelaburan dalam sektor hartanah, sekuriti tersenarai dan tindakan korporat (*corporate exercise*) lain serta meluluskan pengambilalihan, pelupusan dan perbelanjaan modal selaras dengan had kuasa yang diwakilkan kepadanya dan selaras dengan strategi yang ditentukan oleh Lembaga.

PERNYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit ditubuhkan bagi membantu Lembaga dalam mengkaji, menilai, dan melaporkan perkara berkaitan dengan pengauditan yang merangkumi pelan audit, dasar dan prosedur dalaman, membincang tentang laporan audit dalaman dan laporan Ketua Audit Negara mengenai laporan kewangan dan memastikan keberkesanan sistem kawalan dalaman terhadap aktiviti LTAT.

Komposisi Jawatankuasa Audit

Pengerusi

YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Ahli

YBhg. Lt. Jen. Dato' Hasagaya bin Abdullah
Timbalan Panglima Tentera Darat

YBhg. Dato' Asri bin Hamidon
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) Malaysia

Encik Akhramsyah Muammar Ubaidah bin Sanusi

Lembaga Perolehan

Lembaga Perolehan terdiri daripada ahli yang dilantik oleh ahli Lembaga untuk mengelolakan perolehan LTAT bernilai melebihi RM500,000 tetapi tidak melebihi RM200 juta bagi satu-satu jenis item, atau satu-satu kelas jenis item, atau satu-satu projek, atau satu-satu kontrak. Perolehan yang nilainya melebihi RM200 juta dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga. Keahlian dan bidang kuasa Jawatankuasa Perolehan LTAT adalah seperti berikut:

Komposisi Lembaga Perolehan

1. Had jumlah kewangan **melebihi RM500,000** tetapi **tidak melebihi RM200 juta.**

   Pengerusi

   YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali
   Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

   Ahli

   YBhg. Lt. Jen. Dato' Sri Ackbal bin Haji Abdul Samad TUDM
   Timbalan Panglima Tentera Udara

   YBhg. Lt. Jen. Dato' Hasagaya bin Abdullah
   Timbalan Panglima Tentera Darat

   YBrs. Puan Nik Amlizan binti Mohamed
   Ketua Eksekutif

2. Bagi perolehan LTAT **tidak melebihi RM100,000** adalah memadai bagi LTAT menggunakan borang Pesanan Rasmi dan ditandatangani oleh Pegawai yang diberi kuasa.

3. Bagi perolehan LTAT **melebihi RM100,000** tetapi **tidak melebihi RM500,000** bagi setiap jenis item, projek atau kontrak, hendaklah ditimbangkan dan disetuju terima oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang keahliannya dilantik oleh Ketua Eksekutif.

4. Bagi tender bernilai **melebihi RM200 juta**, akan dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga.

Jawatankuasa Temu Duga

Jawatankuasa Temu Duga terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Lembaga yang bertanggungjawab bagi menemu duga, melantik, dan mengesahkan jawatan pegawai-pegawai LTAT.

Komposisi Jawatankuasa Temu Duga

i. Bagi Gred 26 ke atas Jawatankuasa Temu Duga terdiri daripada ahli-ahli seperti yang berikut:

   Pengerusi

   YBhg. Lt. Jen. Dato' Sri Ackbal bin Haji Abdul Samad TUDM
   Timbalan Panglima Tentera Udara

   Ahli

   YBhg. Lt. Jen. Dato' Hasagaya bin Abdullah
   Timbalan Panglima Tentera Darat

   YBhg. Laksamana Madya Datuk Khairul Anuar bin Yahya
   Timbalan Panglima Tentera Laut

   YBrs. Puan Nik Amlizan binti Mohamed
   Ketua Eksekutif

ii. Lembaga menurunkan kuasa kepada Ketua Eksekutif untuk menemu duga, melantik, dan mengesahkan jawatan bagi Gred 23 dan ke bawah. Komposisi Jawatankuasa adalah seperti berikut:

   Untuk Gred 23:

   a. Ketua Eksekutif/Timbalan Ketua Eksekutif sebagai Pengerusi

   b. Pengurus Besar Pelaburan

   c. Pengurus Besar (Operasi)

   Untuk Gred 21 ke bawah:

   a. Ketua Eksekutif/Timbalan Ketua Eksekutif sebagai Pengerusi

   b. Pengurus Besar Pelaburan

   c. Pengurus Besar (Operasi)

   d. Pengurus Tenaga Manusia dan Pentadbiran

PERNYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

Jawatankuasa Lembaga Tatatertib

Jawatankuasa Tatatertib bertanggungjawab untuk menimbang dan menentukan hukuman tatatertib ke atas pegawai dan kakitangan LTAT yang telah melanggar syarat perkhidmatan dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Komposisi Jawatankuasa Tatatertib (Berkuatkuasa pada 11 Oktober 2017 selepas pindaan)

i. Bagi Pegawai Kumpulan A (Gred 27 dan ke atas)

   a. Timbalan Pengerusi Lembaga sebagai Pengerusi

   b. Dua (2) orang ahli Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga

   c. Ketua Eksekutif

   d. Timbalan Ketua Eksekutif yang hendaklah menjadi Setiausaha

ii. Bagi Pegawai Kumpulan B (Gred 26 dan ke bawah)

   a. Ketua Eksekutif sebagai Pengerusi

   b. Timbalan Ketua Eksekutif

   c. Seorang pegawai Gred 29 yang hendaklah menjadi Setiausaha

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

Jawatankuasa ini dilantik oleh Lembaga dan dianggotai oleh sekurang-kurangnya enam (6) orang Pegawai Gred 21 ke atas. Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab membantu Ketua Eksekutif untuk mengawasi, mengesan, dan menyelia semua urusan kewangan dan akaun supaya berjalan lancar dan menepati kehendak Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) dan Peraturan Kewangan yang sedia ada. Jawatankuasa ini perlu menyediakan laporan suku tahunan untuk dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Jawatankuasa Skim Gaji Dan Perkhidmatan

Objektif

Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Lembaga dengan tujuan untuk membuat kajian lanjut bagi syor-syor tertentu berkenaan dengan skim perkhidmatan LTAT.

Pengerusi

YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

Ahli

YBhg. Lt. Jen. Dato' Sri Ackbal bin Haji Abdul Samad TUDM
Timbalan Panglima Tentera Udara

YBhg. Laksamana Madya Datuk Khairul Anuar Bin Yahya
Timbalan Panglima Tentera Laut

YBrs. Puan Nik Amlizan binti Mohamed
Ketua Eksekutif

Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)

Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan objektif-objektif berikut:

i. Mengkaji keperluan Seksyen Integriti termasuk mengemas kini Pelan Integriti LTAT (PIL) agar bersesuaian dengan perkembangan semasa;

ii. Mengkaji perancangan aktiviti integriti oleh Seksyen Integriti yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan serta penyelarasan di antara Ketua Audit Dalaman dengan JITU LTAT melalui perkongsian Laporan Audit Dalaman supaya tindakan pembetulan dan pencegahan dapat dilaksanakan secara bersepadu yang mana laporan tersebut akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

   Melalui kerjasama ini, setiap isu yang berbangkit dapat diselesaikan lebih awal di setiap peringkat seterusnya dapat mengelakkan teguran oleh juruaudit luar, Jabatan Audit Negara (JAN);

iii. Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan, antara lain, sumber-sumber yang berikut:

   a. Enam terma rujukan pemantapan keutuhan sistem pengurusan integriti LTAT;

   b. Laporan auditan antaranya termasuklah Laporan Ketua Audit Negara, Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan serta Laporan Audit Dalaman; dan

   c. Mesyuarat-mesyuarat peringkat pengurusan LTAT mengenai tadbir urus, antaranya termasuklah Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPKA) dan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPAA).

iv. Mengambil tindakan susulan terhadap pelaksanaan dan keberkesanan cadangan-cadangan penyelesaian kepada isu serta inisiatif-inisiatif yang diputuskan oleh JITU LTAT, Jawatankuasa Kerja kepada JITU Peringkat Kementerian dan JITU Peringkat Kebangsaan bagi memantapkan keutuhan sistem pengurusan pematuhan integriti LTAT.

Laporan berkaitan aktiviti integriti akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga (3) bulan dan melaporkan status tindakan kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus Kementerian Pertahanan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Lembaga dengan tujuan untuk mengawasi pelaksanaan isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan risiko termasuk membangunkan Rangka Pengurusan Risiko, menyemak infrastruktur pengurusan risiko, menyediakan syor-syor berkaitan risiko bagi aktiviti-aktiviti perniagaan sedia ada dan baru dan melaporkan isu-isu berkaitan dengan risiko kepada ahli Lembaga.

PERNYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Kualiti

Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Kualiti ini ditubuhkan untuk membuat penambahbaikan pada keseluruhan sistem pengurusan kualiti bagi membolehkannya meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kepada pencarum.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh Timbalan Ketua Eksekutif selaku Wakil Pengurusan dan Pengerusi, Pengurus-Pengurus Kanan, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai yang dilantik oleh pengurusan bagi membincangkan dan menilai semula sistem pengurusan wang caruman ahli dan memastikan LTAT mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015.

Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Teknologi Maklumat

Jawatankuasa Khas Sistem Pengurusan Teknologi Maklumat ditubuhkan dalam tahun 2009 bertujuan untuk membuat pemantauan dan penambahbaikan pada keseluruhan sistem pengurusan teknologi maklumat bagi membolehkannya meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat kepada pegawai, kakitangan dan pencarum LTAT.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh Timbalan Ketua Eksekutif selaku Wakil Pengurusan dan Pengerusi, Pengurus-Pengurus Kanan, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai yang telah dilantik oleh pengurusan bagi membincang dan menilai semula sistem pengurusan teknologi maklumat di LTAT dan memastikan LTAT mengekalkan pensijilan ISO/ IEC 20000-1:2011.

Jawatankuasa Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat

Jawatankuasa Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ditubuhkan dalam tahun 2014 bertujuan untuk membuat pemantauan dan penambahbaikan pada keseluruhan sistem pengurusan keselamatan maklumat bagi meningkatkan tahap keberkesanan dalam melindungi aset maklumat LTAT daripada semua ancaman sama ada secara dalaman atau luaran, sengaja atau tidak sengaja serta komited untuk memastikan kerahsiaan maklumat dapat dikekalkan.

Jawatankuasa ini diketuai oleh Timbalan Ketua Eksekutif selaku Wakil Pengurusan LTAT dan ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan dan wakil yang dilantik oleh Ketua Jabatan bagi membincang dan menilai semula sistem pengurusan keselamatan maklumat di LTAT dan memastikan LTAT mengekalkan pensijilan ISO/IEC 27001-1:2013.

Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih

Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih ditubuhkan bertujuan untuk merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset alih LTAT.

Jawatankuasa ini diketuai oleh Pengurus Besar (Operasi) selaku Pengerusi dan Wakil Pengurusan LTAT dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pengurus-pengurus dan wakil yang dilantik oleh Ketua Jabatan dan hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN PENGAUDITAN

Laporan Kewangan

LTAT sebagai sebuah badan berkanun dikehendaki untuk mengemukakan akaunnya kepada Pejabat Ketua Audit Negara bagi tujuan pengauditan setiap tahun. Akaun yang telah diaudit akan dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan.

Lembaga juga perlu memastikan yang semua rekod perakaunan dilaporkan dengan tepat dan memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai status LTAT setakat akhir tahun kewangan, berdasarkan piawaian perakaunan yang diguna pakai.

Sebagai mematuhi peruntukan dalam Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), ahli Lembaga hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:

- Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan sebelum bermula setiap tahun kewangan, menimbang dan meluluskan suatu anggaran perbelanjaan Lembaga (termasuk perbelanjaan modal) bagi tahun yang berikutnya;

- Lembaga bertanggungjawab mengarahkan supaya penyata kewangan dan juga laporan kewangan LTAT lain disediakan menurut piawaian perakaunan yang bersesuaian dan diluluskan;

- Lembaga hendaklah memastikan kesemua laporan kewangan diaudit setiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau seseorang juruaudit lain yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan;

- Selepas berakhir setiap tahun kewangan, setelah diaudit, Lembaga hendaklah mengarahkan supaya satu salinan penyata akaun itu dihantar kepada Menteri bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan audit. Menteri hendaklah mengarahkan supaya satu salinan bagi tiap-tiap penyata dan pandangan itu dibentangkan di dalam setiap satu Mesyuarat Parlimen; dan

- Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari bulan Jun setiap tahun, mengarahkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan aktiviti LTAT dalam tahun kewangan yang lalu dan mengandungi sebarang maklumat berhubungan dengan perjalanan dan dasar sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Menteri. Menteri hendaklah mengarahkan supaya satu salinan setiap laporan itu dibentangkan di hadapan setiap satu mesyuarat Parlimen.

PERNYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

PERKARA-PERKARA LAIN

Piagam Lembaga

Piagam Lembaga diwujudkan supaya ahli Lembaga lebih jelas tentang peranan mereka, keperluan ahli Lembaga dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dan menjalankan tugas mereka kepada organisasi, dan amalan operasi Lembaga. Dalam memenuhi tanggungjawab yang dinyatakan dalam Piagam Lembaga, ahli Lembaga perlu melaksanakan tugas dengan berintegriti, jujur dan profesional mengikut undang-undang dalam menunaikan kepentingan para pencarum, pekerja dan pihak berkepentingan yang lain. Piagam Lembaga juga berfungsi sebagai rujukan kepada Lembaga dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Perhubungan Dengan Juruaudit

Lembaga mewujudkan satu hubungan yang rasmi dan telus dengan Pejabat Ketua Audit Negara dan Juruaudit swasta bagi anak syarikat LTAT. Penemuan audit bagi LTAT diteliti oleh Ketua Eksekutif sebelum tindakan susulan dijalankan. Jawapan kepada penemuan audit akan dibentangkan secara rasmi dalam Mesyuarat Penutupan Audit dan pemantauan berterusan dijalankan oleh pegawai di setiap bahagian dan jabatan bagi teguran audit yang diterima.

Komunikasi Dengan Pencarum

Lembaga mengiktiraf akan pentingnya Lembaga Tabung Angkatan Tentera dalam memberi maklumat yang tepat berkenaan dengan prestasi dan perkara lain yang melibatkan kepentingan pencarum LTAT. Antara kaedah yang digunakan untuk berkomunikasi dengan pencarumnya berkenaan aktiviti dan prestasi kewangan LTAT adalah melalui Laporan Tahunan, Penyata Caruman Ahli, Hari Bersama Pelanggan, Kenyataan Akhbar, Portal Rasmi, Taklimat, Media Sosial (Facebook, Twitter, Instagram) dan pengumuman melalui media.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA MENGENAI LAPORAN KEWANGAN

Lembaga adalah bertanggungjawab memastikan Penyata Kewangan disediakan berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan dan bersesuaian serta memberikan gambaran benar dan saksama berkenaan kedudukan Kewangan LTAT dan Kumpulan. Ini termasuk keputusan dan Penyata Aliran Tunai bagi LTAT dan Kumpulan bagi tahun Penyata Kewangannya. Lembaga hendaklah memastikan bahawa proses penyediaan penyata kewangan adalah berasaskan konsep usaha yang berterusan (going concern concept) berdasarkan jangkaan munasabah dan dengan sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasi dalam jangka masa tertentu. Lembaga juga bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengambil langkah bagi memastikan keselamatan aset Kumpulan dan mengurangkan risiko operasi dan kewangan.

KAWALAN DALAMAN

Lembaga telah mengambil tanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai, dan mengkaji kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman LTAT bagi mematuhi undang-undang, peraturan, dan garis panduan yang berkenaan. Maklumat berkenaan sistem kawalan dalaman LTAT dibentangkan menerusi Pernyataan Kawalan Dalaman dalam Laporan Tahunan yang memberikan tinjauan menyeluruh berhubung kedudukan kawalan dalaman LTAT.

10 MESYUARAT AHLI LEMBAGA

MESYUARAT KHAS 1/2018
Selasa, 17 April 2018
9.30 Pagi

MESYUARAT 1/2018
Khamis, 17 Mei 2018
9.30 Pagi

MESYUARAT KHAS 2/2018
Khamis, 30 Ogos 2018
9.30 Pagi

MESYUARAT KHAS 3/2018
Jumaat, 21 September 2018
9.30 Pagi

MESYUARAT 2/2018
Selasa, 23 Oktober 2018
5.00 Petang

MESYUARAT 3/2018
Jumaat, 30 November 2018
5.00 Petang

NAMA AHLI LEMBAGA	KEHADIRAN MESYUARAT 2018
YABhg. Jen. Dato' Seri Diraja Tan Sri (Dr) Mohd Zahidi bin Haji Zainuddin (Bersara) Pengerusi (mulai 3 Ogos 2018)	4 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi (sehingga 31 Mei 2018)	2 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Dato' Sri Halimi bin Abd. Manaf (mulai 1 Jun 2018 sehingga 16 April 2019)	2 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Dato' Asri bin Hamidon Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) Malaysia (mulai 12 Julai 2018)	2 daripada 6 mesyuarat
YM. Jen. Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (Bersara) (sehingga 19 Jun 2018)	1 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Jen. Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin Panglima Angkatan Tentera (mulai 20 Jun 2018)	3 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Lt. Jen. Dato' Seri Panglima Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi (sehingga 2 September 2018)	2 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Lt. Jen. Dato' Hasagaya bin Abdullah Timbalan Panglima Tentera Darat (mulai 1 November 2018)	1 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Laksamana Madya Datuk Anuwi bin Hassan (sehingga 12 Julai 2018)	0 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Laksamana Madya Datuk Mohd Reza bin Mohd Sany (mulai 13 Julai 2018 sehingga 30 November 2018)	4 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Lt. Jen. Dato' Sri Ackbal bin Haji Abdul Samad TUDM Timbalan Panglima Tentera Udara	5 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Dato' Sri Ghazali bin Mohd Ali (sehingga 31 Ogos 2018)	1 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Dato' Maznah binti Abdul Jalil (mulai 1 November 2018)	1 daripada 6 mesyuarat
Tuan Akhramsyah Muammar Ubaidah bin Sanusi (mulai 1 November 2018)	1 daripada 6 mesyuarat
YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok Kamaruddin (sehingga 6 September 2018)	4 daripada 6 mesyuarat
YBrs. Puan Nik Amlizan binti Mohamed Ketua Eksekutif LTAT (Ex-Officio) (mulai 1 Oktober 2018)	2 daripada 6 mesyuarat

MESYUARAT PANEL PELABURAN

MESYUARAT 1/2018
Isnin, 12 Mac 2018
9.30 Pagi

MESYUARAT 2/2018
Jumaat, 21 Disember 2018
5.00 Petang

NAMA AHLI PANEL PELABURAN	KEHADIRAN MESYUARAT 2018
YBhg. Jen. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Mohd Ghazali bin Dato' Mohd Seth (Bersara) (sehingga 30 November 2018)	1 daripada 2 mesyuarat
YM Raja Tan Sri Dato' Seri Aman bin Raja Haji Ahmad Pengerusi (mulai 1 Disember 2018)	1 daripada 2 mesyuarat
YM. Jen. Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (Bersara) (sehingga 19 Jun 2018)	0 daripada 2 mesyuarat
YBhg. Jen. Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin Panglima Angkatan Tentera (mulai 20 Jun 2018)	1 daripada 2 mesyuarat
YBhg. Dato' Asri bin Hamidon Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) Malaysia (mulai 12 Julai 2018)	0 daripada 2 mesyuarat
YBhg. Dato' Abdul Aziz bin Ibrahim (sehingga 31 Ogos 2018)	1 daripada 2 mesyuarat
Encik Mohd Suffian bin Haron	2 daripada 2 mesyuarat
Cik Che Zakiah binti Che Din (mulai 1 November 2018)	1 daripada 2 mesyuarat

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

TANGGUNGJAWAB

Lembaga LTAT bertanggungjawab terhadap pengekalan sistem kawalan dalaman LTAT yang sempurna dan berkesan. Sistem kawalan dalaman LTAT telah diwujudkan untuk mengurus risiko dan bukan untuk menyingkirkan terus risiko kegagalan mencapai matlamat organisasi secara mutlak. Ia hanya dapat memberikan jaminan keberkesanan organisasi yang munasabah dan bukan jaminan terhadap salah nyata atau kerugian ketara.

CIRI-CIRI UTAMA KAWALAN DALAMAN

Ciri-ciri utama kawalan dalaman LTAT adalah seperti berikut:

- Terma rujukan yang jelas menggariskan peranan dan tanggungjawab ahli Lembaga, Panel Pelaburan dan Jawatankuasa Audit;
- Struktur organisasi yang jelas menggariskan had kuasa dan tanggungjawab di semua peringkat untuk memastikan akauntabiliti pengurusan risiko dan kawalan;
- Tanggungjawab Lembaga dan Panel Pelaburan yang berkaitan dicatatkan dalam Pernyataan Urus Tadbir Korporat;
- Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan secara tetap untuk mengkaji, menilai, dan memberi pertimbangan terhadap laporan audit dalaman dan laporan pejabat Ketua Audit Negara tentang laporan kewangan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman terhadap aktiviti LTAT dan seterusnya dibentangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Pengurusan bertanggungjawab untuk mengambil tindakan susulan pada laporan tersebut;
- Mesyuarat Pengurusan yang diadakan oleh Ketua Eksekutif dengan Pegawai-Pegawai Kanan dan Ketua-Ketua Jabatan memberi penekanan kepada proses penilaian dan pengawasan terhadap pengurusan risiko, prestasi pendapatan, perkhidmatan pelanggan, kewangan, pentadbiran, pelaburan dan sistem kualiti;
- Peraturan Kewangan menggariskan secara keseluruhan dasar dan prosedur bagi pengurusan hal ehwal kewangan dan perakaunan LTAT untuk rujukan pegawai dan kakitangan melaksanakan tanggungjawab harian dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian;
- Belanjawan tahunan disediakan oleh unit-unit operasi, dikaji semula oleh pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga;
- Manual prosedur dan arahan kerja yang didokumentasikan menggariskan dengan jelas prosedur kawalan dalaman dalam melaksanakan tugas harian bagi aktiviti-aktiviti LTAT yang merupakan sebahagian daripada Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015, ISO/IEC 20000-1:2011 dan ISO/IEC 27001:2013. Dokumen ini disemak, diaudit, dan dikemas kini dari semasa ke semasa;
- Sistem pembangunan dan penilaian program latihan pegawai dan kakitangan bertujuan memastikan kakitangan ialah kompeten dan mempunyai latihan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka;
- Sebagai usaha yang berterusan untuk meningkatkan tadbir urus korporat dalam organisasi, LTAT telah mewujudkan Dasar Pendedahan Maklumat (*Whistleblowing*) bertujuan untuk meningkatkan pencegahan dan pengesanan kesalahan, rasuah, dan salah guna kuasa secara berkesan;
- Sistem komunikasi maklumat di mana laporan kewangan bulanan, laporan syarikat-syarikat pelaburan LTAT, Petunjuk Keberkesanan Prestasi dan sebarang laporan kelemahan dan perubahan profil risiko dilaporkan kepada Pengurusan, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan;
- Polisi keselamatan teknologi maklumat menggariskan polisi dan prosedur yang penting bagi menjamin aset-aset teknologi maklumat dilindungi secukupnya dari segi kerahsiaan, keutuhan, dan ketersediaan maklumat, data, dan penggunaannya di LTAT;
- LTAT telah melaksanakan *Integrity Pact* bagi mengukuhkan lagi usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan LTAT;
- LTAT telah melantik wakil daripada ahli Lembaga dan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) untuk membantu memantapkan sistem pengurusan integriti dan meningkatkan ketelusan serta mewujudkan budaya tadbir urus yang terbaik di LTAT, Perbadanan milik penuh LTAT dan syarikat kumpulannya; dan
- LTAT telah melantik Ketua Pegawai Keselamatan Maklumat dan Pegawai Keselamatan Teknologi Komunikasi dan Maklumat yang bertanggungjawab untuk membantu Pengurusan LTAT dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem pengurusan keselamatan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT)

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

CIRI-CIRI UTAMA KAWALAN DALAMAN (sambungan)

agar dilaksanakan dengan teratur, mengikut piawaian dan mematuhi Dasar Keselamatan ICT LTAT supaya keselamatan maklumat pencarum LTAT terjamin.

FUNGSI JABATAN AUDIT DALAMAN

Fungsi utama Jabatan Audit Dalaman ialah untuk memberi jaminan yang munasabah kepada Lembaga bahawa sistem kawalan dalaman berfungsi dengan sempurna, berkesan, berintegriti, dan ketelusannya dikekalkan.

Fungsi audit dalaman ialah untuk menjalankan kajian semula pada sistem kawalan dalaman bagi aktiviti-aktiviti penting LTAT dan Kumpulannya berpandukan Pelan Tahunan Audit Dalaman yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk kelulusan. Proses audit dalaman mengambil pendekatan berasaskan risiko dan, merangka pelan dan strategi audit berasaskan profil-profil risiko berkaitan dengan unit-unit perniagaan. Audit Dalaman juga berfungsi untuk mengkaji tahap pematuhan terhadap dasar, polisi, prosedur, garis panduan serta undang-undang dan peraturan terpakai LTAT.

Semua laporan audit dalaman dibentangkan untuk perbincangan Jawatankuasa Audit. Pengurusan bertanggungjawab bagi memastikan tindakan pembetulan diambil bagi kelemahan-kelemahan yang dilaporkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Jawatankuasa Audit mempunyai akses penuh kepada kedua-dua juruaudit dalaman dan juruaudit daripada pejabat Ketua Audit Negara.

PENGURUSAN RISIKO

LTAT komited untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko memainkan peranan utama dalam usaha untuk mewujudkan satu urus tadbir korporat yang terbaik di LTAT. LTAT telah menyediakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko bagi memastikan risiko diambil kira dalam semua proses membuat keputusan dan bagi membolehkan tindakan wajar diambil untuk meminimumkan pendedahan kepada risiko setelah risiko tersebut dikenal pasti.

Sehubungan dengan itu, LTAT telah menubuhkan Lembaga Risiko di peringkat Lembaga dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko di peringkat pengurusan. Fungsi jabatan Pengurusan Risiko juga telah dipertingkatkan bertujuan agar risiko dapat diuruskan secara lebih berkesan. Memandangkan kepada cabaran masa hadapan yang lebih getir, LTAT terus memperketatkan pemantauan ke atas situasi risiko bagi memastikan langkah-langkah pengurusan risiko yang sesuai dapat diambil.

PEMANTAUAN DAN KAJIAN KECUKUPAN DAN KETELUSAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Proses-proses pemantauan, pengkajian kecukupan, dan ketelusan sistem kawalan LTAT termasuklah:

- Pengamatan yang cermat dan tindakan susulan penambahbaikan yang berterusan oleh Ketua Eksekutif, Pegawai-pegawai Kanan, dan Ketua-ketua Jabatan dalam mesyuarat Pengurusan tentang keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko;

- Pengakuan tetap oleh Ketua Eksekutif dan Lembaga mengenai keberkesanan sistem kawalan dalaman setiap tahun dalam laporan kewangan tahunan;

- Audit berkala terhadap pematuhan prosedur kawalan dalaman dan pengkajian semula semua penemuan dan syor-syor audit dalaman tersebut oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Risiko dalam mesyuaratnya yang diadakan secara tetap;

- Pengesahan pematuhan piawaian sistem pengurusan kualiti melalui persijilan ISO 9001:2015, sistem pengurusan teknologi maklumat untuk pelanggan dalaman melalui persijilan ISO/IEC 20000-1:2011 daripada Lloyd's Register Quality Assurance dan sistem pengurusan keselamatan maklumat melalui persijillan ISO/IEC 27001:2013 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd., juruaudit bertauliah oleh pihak Kerajaan; dan

- Pengesahan daripada Pejabat Ketua Audit Negara melalui Sijil Ketua Audit Negara terhadap Laporan Kewangan dan Laporan Pengurusan.

Pengurusan akan terus mengambil langkah-langkah untuk memperkukuhkan persekitaran kawalan dalaman LTAT.

KESIMPULAN

Bagi tahun 2018, terdapat kerugian disebabkan penjejasan nilai pelaburan dan ianya memerlukan usaha pengukuhan sistem kawalan dalaman LTAT dan syarikat Kumpulannya.

Sistem kawalan dalaman LTAT dan Kumpulannya meliputi pengurusan risiko serta kawalan kewangan, operasi dan pematuhan kawalan. Manakala risiko yang boleh diinsuranskan, atau perlindungan insuransnya boleh dibeli serta risiko lain yang dihadapi oleh Kumpulan (kecuali syarikat-syarikat bersekutu), dilaporkan dan diurus oleh ahli Lembaga yang berkenaan. Lembaga berpendapat bahawa sistem kawalan dalaman Kumpulan LTAT perlu dipertingkatkan untuk memperbaiki kelemahan kawalan bagi mengelakkan kepincangan pengurusan untuk memelihara pelaburan para pemegang saham, kepentingan pelanggan, dan aset-aset Kumpulan.

LEMBAGA *BOARD*

Dikemaskini setakat 30 Jun 2020.
Updated as at 30 June 2020.



YABHG. JEN. DATO' SERI DIRAJA TAN SRI (DR) MOHD ZAHIDI BIN HAJI ZAINUDDIN (Bersara)

Pengerusi
Chairman

P.G.A.T., P.M.N., P.S.M., D.S.A., S.P.M.K., S.P.M.S., S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., S.S.M.Z., S.P.K.K., S.P.T.S., D.H.M.S., P.N.B.S., D.P.T.S., P.A.T., J.S.D., P.M.P., K.A.T., A.M.N., A.M.K., D.P.K.T (Brunei)., O.N.M (Perancis)., ndc., jssc., psc., MSc., FMIM

(mulai 3 Ogos 2018)
(from 3 August 2018)



YBHG. DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan
Secretary General to the Ministry of Defence

Timbalan Pengerusi
Deputy Chairman

S.M.W., P.S.D., J.S.D., D.I.M.P., P.P.T., A.M.T.

(mulai 17 April 2019)
(from 17 April 2019)

LEMBAGA
BOARD



YBHG. DATO' ASRI BIN HAMIDON

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) Malaysia
Deputy Secretary General to the Treasury (Investment) Malaysia

S.D.K., D.S.A.P

(mulai 12 Julai 2018)
(from 12 July 2018)



YBHG. JEN. TAN SRI DATO' SERI PANGLIMA HAJI ZULKIFLI BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

Panglima Angkatan Tentera
Chief of the Defence Forces

P.G.A.T., P.S.M., P.J.N., S.P.K.K.., S.I.M.P., D.P.P.N., D.G.P.N., S.P.M.T., S.P.T.S., S.S.T.M., D.H.M.S., P.S.A.T., D.G.M.K., D.P.M.S., D.P.T.S., P.A.T., J.S.M., K.M.N., B.S.K., A.M.K., P.J.M., rcds., mpat., lmt., FCILT MM (AIM)., Manila ADBM (wales)

(mulai 20 Jun 2018)
(from 20 June 2018)

LEMBAGA
BOARD



YBHG. LT. JEN. DATO' HASAGAYA BIN ABDULLAH

Timbalan Panglima Tentera Darat
Deputy Chief of the Army

P.S.A.T., D.S.A.P., D.M.S.M., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., P.J.M., P.N.B.B., (Cambodia) PPS MDef Studies (Canberra) MSS in Def Studies (UKM) MSc National Security and War Studies (NDU Islamabad) nswc mpat

(mulai 1 November 2018)
(from 1 November 2018)



YBHG. LAKSAMANA MADYA DATUK KHAIRUL ANUAR BIN YAHYA

Timbalan Panglima Tentera Laut
Deputy Chief of the Navy

P.S.D., P.S.A.T., P.A.T., J.S.D., K.M.N., P.J.M., P.P.S., P.P.A., M.A. Defence (UKM)., Adv Dip BA., mpat., fndu.psc

(mulai 1 Disember 2018)
(from 1 December 2018)

LEMBAGA
BOARD



YBHG. LT. JEN. DATO' SRI ACKBAL BIN HAJI ABDUL SAMAD TUDM

Timbalan Panglima Tentera Udara
Deputy Chief of the Air Force

P.J.N., S.S.A.P., S.I.M.P., P.S.A.T., D.S.A.P., D.I.M.P., P.A.T., J.S.M., S.A.P., S.M.P., K.A.T., A.M.N., A.A.P., P.J.M., P.P.S,. P.P.A., dssc (Aust), psc (NZ)., tp (UK)., TUDM

(mulai 21 Disember 2016)
(from 21 December 2016)



YBRS. PUAN NIK AMLIZAN BINTI MOHAMED

Ketua Eksekutif (Ex-Officio) LTAT
LTAT's Chief Executive (Ex-Officio)

(mulai 1 Oktober 2018)
(from 1 October 2018)

LEMBAGA
BOARD



YBHG. DATO' MAZNAH BINTI ABDUL JALIL

D.S.A.P.

(mulai 1 November 2018)
(from 1 November 2018)



ENCIK AKHRAMSYAH MUAMMAR UBAIDAH BIN SANUSI

(mulai 1 November 2018)
(from 1 November 2018)

PANEL PELABURAN
INVESTMENT PANEL



YM RAJA TAN SRI DATO' SERI AMAN BIN RAJA HAJI AHMAD

Pengerusi
Chairman

D.P.M.P., S.P.M.P., P.S.M.

(mulai 1 Disember 2018)
(from 1 December 2018)



YBHG. JEN. TAN SRI DATO' SERI PANGLIMA HAJI ZULKIFLI BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

Panglima Angkatan Tentera
Chief of the Defence Forces

Ahli
Member

P.G.A.T., P.S.M., P.J.N., S.P.K.K.., S.I.M.P., D.P.P.N., D.G.P.N., S.P.M.T., S.P.T.S., S.S.T.M., D.H.M.S., P.S.A.T., D.G.M.K., D.P.M.S., D.P.T.S., P.A.T., J.S.M., K.M.N., B.S.K., A.M.K., P.J.M., rcds., mpat., lmt., FCILT MM (AIM)., Manila ADBM (wales)

(mulai 20 Jun 2018)
(from 20 June 2018)

PANEL PELABURAN
INVESTMENT PANEL



ENCIK MOHD SUFFIAN BIN HARON

Ahli
Member

(mulai 1 Januari 2015)
(from 1 January 2015)



CIK CHE ZAKIAH BINTI CHE DIN

Ahli
Member

(mulai 1 November 2018)
(from 1 November 2018)

LEMBAGA RISIKO
RISK BOARD



YBHG. DATO' MAZNAH BINTI ABDUL JALIL

Pengerusi
Chairperson

D.S.A.P.

(mulai 1 November 2018)
(from 1 November 2018)



YBHG. LT. JEN. DATO' SRI ACKBAL BIN HAJI ABDUL SAMAD TUDM

Timbalan Panglima Tentera Udara
Deputy Chief of the Air Force

Ahli
Member

P.J.N., S.S.A.P., S.I.M.P., P.S.A.T., D.S.A.P., D.I.M.P., P.A.T., J.S.M., S.A.P., S.M.P., K.A.T., A.M.N., A.A.P., P.J.M., P.P.S,. P.P.A., dssc (Aust), psc (NZ)., tp (UK)., TUDM

(mulai 21 Disember 2016)
(from 21 December 2016)



CIK CHE ZAKIAH BINTI CHE DIN

Ahli
Member

(mulai 1 November 2018)
(from 1 November 2018)



YBRS. PUAN NIK AMLIZAN BINTI MOHAMED

Ketua Eksekutif (Ex-Officio) LTAT
LTAT's Chief Executive (Ex-Officio)

Ahli
Member

(mulai 1 Oktober 2018)
(from 1 October 2018)

PENGURUSAN ATASAN
TOP MANAGEMENT



YBrs. PUAN NIK AMLIZAN BINTI MOHAMED

Ketua Eksekutif
Chief Executive

YBhg. DATUK ZAKARIA BIN SHARIF

Timbalan Ketua Eksekutif
Deputy Chief Executive

D.M.S.M., K.M.N.

PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT



MOHD SAIFUL RAZIFF BIN ZAINON

Pegawai Khas kepada Ketua Eksekutif
Special Officer to Chief Executive



MOHD YUNUS BIN AHMAD

Pengurus Besar (Operasi)
General Manager (Operation)



SAIRA BANU BINTI CHARA DIN

Pengurus Besar Pelaburan
(Pengurusan Aset)
General Manager Investment (Asset Management)

PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT



ZAIRUDDY BIN ZAINAL

Pengurus Besar Pelaburan
(Pembangunan Pelaburan)
General Manager Investment
(Investment Development)



KHAIRUL ANWAR BIN ISMAIL

Penolong Pengurus Besar Pelaburan
(Pembangunan Pelaburan)
Assistant General Manager Investment
(Investment Development)



MUSA BIN BACHIK

Penolong Pengurus Besar
(Kewangan)
Assistant General Manager
(Finance)

PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT



JASNI BIN SAMI

Penolong Pengurus Besar
(Strategi Korporat)
Assistant General Manager
(Corporate Strategy)



ABDUL SHUKUR BIN AZIZ

Penolong Pengurus Besar
(Pengurusan Risiko dan Pematuhan)
Assistant General Manager
(Risk Management and Compliance)

PENGURUSAN KANAN
SENIOR MANAGEMENT



ZULKIFLI BIN ISMAIL

Penolong Pengurus Besar
(Pengurusan Pencarum)
Assistant General Manager
(Contributors Management)




AHMAD SHAKIF BIN MOHD NAWI

Penolong Pengurus Besar
(Pengurusan Teknologi Maklumat)
Assistant General Manager
(Information Technology Management)

STRUKTUR ORGANISASI

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA



**Struktur baharu yang diluluskan Lembaga pada 28 November 2018.*

PERUTUSAN PENGERUSI



JENERAL DATO' SERI DIRAJA TAN SRI (DR) MOHD ZAHIDI BIN HJ ZAINUDDIN (BERSARA)
Pengerusi

PERUTUSAN PENGERUSI

Penghujung tahun 2018 merupakan permulaan era transformasi di Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) ke arah satu pembaharuan semenjak 46 tahun penubuhannya. Pelan transformasi LTAT ini sangat penting bagi meletakkan LTAT pada landasan yang betul sebagai sebuah organisasi pengurusan dana persaraan untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia yang sedang berkhidmat. Fokus strategi pengurusan yang baharu adalah untuk membentuk sebuah organisasi yang lebih mampan dan relevan demi menjaga kepentingan pencarumnya. Dalam tahun 2018, LTAT terpaksa berhadapan dengan cabaran getir ekoran ketidaktentuan pasaran dan ekonomi serantau yang telah berubah.

Saya telah dilantik sebagai Pengerusi LTAT pada 3 Ogos 2018. Pada 1 Oktober 2018 pula, Ketua Eksekutif LTAT yang baharu, Puan Nik Amlizan Mohamed telah memulakan tugas bagi menggantikan Ketua Eksekutif terdahulu yang telah berkhidmat selama 36 tahun di LTAT. Di bawah barisan Pengurusan yang mendapat mandat baharu untuk membawa perubahan besar kepada LTAT, saya bersama Ketua Eksekutif telah mengenalpasti beberapa kelemahan dalam urusan operasi, pengurusan dan struktur organisasi di LTAT yang mesti diatasi dan ditambah baik dalam masa terdekat. Berdasarkan kelemahan yang telah dikenalpasti tersebut serta peluang untuk pelaksanaan amalan terbaik urus tadbir korporat, LTAT merangka Pelan Transformasi 5 tahun (2019-2023) pada akhir 2018. Pelan Transformasi ini telah dibentang untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga dalam tahun 2019. Usaha ini bertujuan untuk memantapkan dan meningkatkan kecekapan operasi dan struktur organisasinya sebagai persediaan menghadapi persekitaran masa hadapan yang dijangka lebih mencabar.

Pelan Transformasi LTAT mensasarkan halatuju utamanya untuk menjadi sebuah dana persaraan untuk pegawai dan anggota Angkatan Tentera yang sedang berkhidmat. Bagi tujuan tersebut, LTAT telah mengadakan untuk julung kalinya *Board Retreat* pada awal tahun 2019 bagi membolehkan LTAT membincangkan 6 teras hala tuju strategik dan model perniagaan baharu.

Berdasarkan senario ini, bagi pihak Lembaga, saya dengan ini membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang keempat puluh enam dan Penyata Kewangan Kumpulan LTAT yang ketiga puluh tujuh bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

PRESTASI EKONOMI

Tahun 2018 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran bagi semua organisasi, tidak terkecuali LTAT. Ekonomi Malaysia berkembang dengan lebih sederhana pada kadar 4.7% berbanding 5.9% dalam tahun 2017. Walaupun ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang positif pada awal tahun 2018, namun pelbagai cabaran dari dalam dan luar negara telah diharungi dalam tahun tersebut. Perubahan besar yang berkaitan dengan dasar pentadbiran negara akibat daripada perubahan bersejarah dalam pucuk pimpinan Kerajaan Malaysia serta impak dari ketegangan perdagangan global telah mewujudkan ketidakpastian dalam ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi global juga berkembang secara sederhana pada kadar 3.7% dalam tahun 2018 berbanding 3.6% pada tahun sebelumnya akibat kesan konflik perdagangan yang semakin meningkat, harga komoditi yang tidak menentu dan pengubahsuaian dasar monetari oleh bank-bank pusat ekonomi negara maju yang menyebabkan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan.

PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018

Ketua Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Audit dengan Pendapat Berteguran ke atas Laporan Kewangan LTAT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Asas kepada teguran ini adalah disebabkan LTAT tidak membuat penjejasan nilai saham berjumlah RM957.3 juta ke atas pelaburannya dalam 2 buah syarikat subsidiari yang telah mengalami kemerosotan harga pasaran.

Pelaburan di dalam Boustead Holdings Berhad (kos pelaburan RM2.551 bilion) dan Boustead Plantation Berhad (kos pelaburan RM301.12 juta) tidak dinyatakan pada harga pasaran selaras dengan Malaysian Financial Reporting Standard (MFRS) 136 yang menyebabkan keuntungan dalam tahun semasa terlebih nyata sebanyak RM957.3 juta.

LTAT sedang menilai bagaimana pelaburan yang dinyatakan di dalam kos sejarah ini dapat di sokong melalui skop MFRS 136.

Pada masa ini, terdapat isu penumpuan pelaburan yang sangat besar dalam beberapa syarikat pelaburan LTAT. Penumpuan yang besar ini meningkatkan risiko pelaburan dan keupayaan LTAT untuk menjana pendapatan yang konsisten. Pengurusan yang baharu sedang meneliti semula aset di bawah pengurusannya dan akan menstruktur semula pelaburan-pelaburan tersebut bagi memastikan LTAT terus mendapat pulangan pelaburan yang stabil dan mampan pada masa hadapan.

PERUTUSAN PENGERUSI

PENGURUSAN PEMEGANG KEPENTINGAN

LTAT berusaha sedaya upaya agar sentiasa telus apabila berurusan dengan semua pihak berkepentingan dan mengamalkan prinsip keterbukaan dan amanah. LTAT sentiasa berinteraksi dengan sebilangan besar pemegang kepentingan bagi membantu untuk mengenalpasti, memberi keutamaan dan menangani perkara-perkara penting dalam urusan perniagaan LTAT. Penglibatan dengan pemegang kepentingan dijalankan secara kerap untuk mewujudkan persekitaran dimana mereka boleh menyuarakan pandangan dan maklum balas ke atas prestasi operasi kami. LTAT komited untuk memastikan dana wang caruman yang dipertanggungjawabkan diuruskan dengan penuh amanah, cekap dan telus di samping menyampaikan perkhidmatan dan faedah yang terbaik kepada pemegang kepentingannya.

PROSPEK TAHUN 2019

Bagi tahun 2019, ekonomi global dijangka berkembang sederhana pada kadar 3.7% manakala prospek ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 4.3% - 4.8% disokong oleh perbelanjaan sektor swasta. Pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan akan dipacu oleh sektor berteknologi tinggi bagi menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0. Ini merupakan cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini yang memerlukan mereka melakukan perubahan seiring dengan era transformasi digital untuk kekal berdaya saing. Ianya merangkumi penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, *Internet of Things* (IoT), analisa data raya (*big data*), simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan pengkomputeran awan (*cloud*) bagi memastikan peralihan Malaysia kepada negara maju dan inklusif dapat dicapai.

Pelbagai usaha sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk merealisasikan transformasi ke arah memperbaiki struktur ekonomi dan sosial negara. Bagi membantu mencapai matlamat agenda pembangunan negara demi kemakmuran dan keadilan kepada seluruh rakyat, Kerajaan juga komited untuk memastikan pentadbiran yang berasaskan prinsip kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan (CAT) akan digunapakai pada setiap peringkat Kerajaan.

Secara keseluruhannya, saya amat berharap agar LTAT dapat melaksanakan Pelan Transformasi bermula tahun hadapan dan berharap LTAT dapat meningkatkan prestasi pelaburan pada masa kini serta berupaya untuk mencapai pulangan yang optimum secara berterusan pada masa hadapan. Penumpuan juga perlu diberi penekanan untuk membina keupayaan organisasi yang melibatkan pengukuhan berterusan tadbir urus korporat LTAT.

PENGHARGAAN

Bagi pihak ahli Lembaga, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan, Ketua Eksekutif LTAT, barisan Pengurusan Kanan serta pegawai dan kakitangan LTAT yang telah memberikan komitmen yang terbaik secara berterusan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka untuk menguruskan wang caruman anggota ATM.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan Malaysia, Kementerian Kewangan, semua Jabatan dan Agensi Kerajaan, Badan-badan Perniagaan serta orang perseorangan di atas sokongan dan sumbangan berterusan mereka kepada LTAT.

Pada masa hadapan, aspirasi pihak pengurusan adalah bagi memastikan LTAT mencapai visi yang telah ditetapkan dalam usaha untuk mengekalkan pulangan yang mapan dari pelaburannya. Dengan komitmen yang diberikan oleh Lembaga Pengarah dan Panel Pelaburan serta semua pihak yang terlibat, saya yakin bahawa LTAT akan terus berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pencarum. Saya juga yakin bahawa LTAT akan berjaya merealisasikan visinya untuk menjadi sebuah organisasi pengurusan dana bertaraf dunia yang boleh dibanggakan.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada para pencarum LTAT atas keyakinan dan kepercayaan yang telah diberikan kepada LTAT. LTAT akan sentiasa berusaha untuk memenuhi cabaran semasa dan masa hadapan dan akan berusaha untuk meningkatkan keupayaan kami dalam memberikan pulangan yang terbaik kepada anda.



JENERAL DATO' SERI DIRAJA TAN SRI (DR) MOHD ZAHIDI BIN HJ. ZAINUDDIN (BERSARA)
Pengerusi

ULASAN KETUA EKSEKUTIF



PUAN NIK AMLIZAN BINTI MOHAMED
Ketua Eksekutif

ULASAN KETUA EKSEKUTIF

LAPORAN PRESTASI

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, LTAT telah memperoleh keuntungan bersih dalam tahun sebanyak RM221.0 juta, turun 51.9% berbanding RM459.5 juta yang dicapai dalam tahun sebelumnya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, LTAT telah memperoleh keuntungan bersih dalam tahun sebanyak

RM221.0 juta

turun sebanyak

- 51.9%

Bagi tahun 2018, pendapatan dividen daripada pelaburan LTAT dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu serta pelaburan dalam sekuriti yang tersenarai di Bursa Malaysia merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan LTAT dengan jumlah sebanyak RM423.9 juta, turun 19.8% berbanding RM528.5 juta bagi tahun 2017.

Dalam tahun yang dilapor, pelaburan LTAT dalam Nota Jangka Pertengahan, Bon Sukuk Al-Musyarakah dan faedah daripada pendahuluan kepada Perbadanan menghasilkan pendapatan berjumlah RM40.1 juta, meningkat sebanyak 27.3% berbanding RM31.5 juta pada tahun sebelumnya.

Hasil dari sewaan bangunan-bangunan milik LTAT bagi tahun 2018 pula mencatatkan pendapatan berjumlah RM32.7 juta, meningkat sebanyak 1.9% berbanding RM32.1 juta bagi tahun 2017.

Bagi tahun 2018, pendapatan daripada sekuriti dipegang untuk urus niaga yang diuruskan oleh LTAT dan 7 pengurus portfolio turun sebanyak 76.5% kepada RM4.8 juta berbanding RM20.4 juta bagi tahun 2017. LTAT juga telah mencatatkan kerugian dalam aktiviti penjualan saham sebanyak RM64.0 juta berbanding keuntungan sebanyak RM32.3 juta bagi tahun sebelumnya. Prestasi kedua-dua aktiviti ini tidak memberangsangkan disebabkan oleh kesan daripada prestasi pasaran saham tempatan yang tidak menentu dan konflik hubungan ekonomi di antara Negara US dan China sepanjang tahun 2018.

Selain itu, LTAT turut menjana pendapatan dari simpanan depositnya dalam bank-bank berlesen berjumlah RM3.6 juta, pendapatan dari penjualan tanah milik LTAT di Bukit Jalil, Kuala Lumpur berjumlah RM87.2 juta manakala pendapatan-pendapatan lain pula menyumbang sebanyak RM1.6 juta bagi tahun 2018.

Dividen Dan Bonus

Berasaskan kepada pendapatan yang dicapai pada tahun 2018, LTAT telah mengisytiharkan dividen kepada pencarum pada kadar 2.0% yang melibatkan pembayaran berjumlah RM161.2 juta berbanding RM686.8 juta yang dibayar pada tahun 2017.

Keuntungan Tertahan

Jumlah kerugian bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM66.5 juta, meliputi untung bersih bagi tahun berjumlah RM221.0 juta setelah ditolak baki kerugian terkumpul pada 1 Januari 2018 yang dinyatakan semula berjumlah RM287.5 juta. Baki keuntungan tertahan pada 31 Disember 2018 adalah seperti di jadual berikut:

	RM Juta	RM Juta
Baki Pada 1 Januari 2018, seperti dinyatakan semula		**(287.5)**
Untung Bersih Bagi Tahun		**221.0**
Jumlah Kerugian bagi Tahun		**(66.5)**
Pindah ke keuntungan tertahan ke atas penyahiktirafan pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain		**45.4**
Pindahan ke keuntungan tertahan	(0.7)	
Pelarasan Caruman/dividen	228.5	
Dividen pada kadar 2%	(161.2)	
Bayaran di bawah Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya	(6.8)	**59.8**
Baki Keuntungan Tertahan pada 31 Disember 2018		**38.7**

PELABURAN

Dalam tahun yang dilapor, LTAT telah membuat penambahan pelaburan dalam syarikat-syarikat sedia ada dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM211.4 juta. Pelaburan ini meliputi pelaburan ekuiti dalam syarikat-syarikat subsidiari sedia ada sebanyak RM60.2 juta, RM141.9 juta dalam pembelian pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif dan pelaburan lain-lain sebanyak RM9.3 juta.

ULASAN KETUA EKSEKUTIF

PELABURAN (sambungan)

Pada 31 Disember 2018, jumlah keseluruhan pelaburan LTAT ialah sebanyak RM9.1 bilion merangkumi pelaburan dalam pasaran ekuiti sebanyak RM5.0 bilion, pelaburan dalam harta tanah berjumlah RM1.9 bilion, pelaburan ekuiti persendirian RM1.5 billion dan pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap sebanyak RM737.4 juta.

JUMLAH KESELURUHAN PELABURAN LTAT

RM9.1

BILION

Operasi Pasaran Wang

Dalam tahun 2018, LTAT telah melabur sebanyak RM89.6 juta dalam bil-bil dagangan konvensional dan dalam deposit yang diuruskan oleh 7 pengurus portfolio berjumlah RM27.4 juta.

Dalam tahun yang dilapor, jumlah keseluruhan pelaburan LTAT dalam deposit tetap, deposit jangka pendek dan pasaran wang berjumlah RM117.1 juta, turun 10.0% berbanding RM130.1 juta pada tahun 2017.

Aset

Pada 31 Disember 2018, jumlah aset LTAT ialah sebanyak RM9.4 bilion, turun 2.1% berbanding RM9.6 bilion pada tahun 2017. LTAT juga merekodkan keuntungan tertahan dalam tahun yang dilapor berjumlah RM38.7 juta berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM170.8 juta pada tahun sebelumnya.

JUMLAH ASET LTAT

RM9.4

BILION

PRESTASI KUMPULAN

Di peringkat Kumpulan, jumlah keuntungan sebelum cukai dan zakat bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM143.5 juta, turun 91.6% berbanding RM1.7 bilion bagi tahun sebelumnya. Jumlah aset Kumpulan pula meningkat 5.8% kepada RM97.1 bilion berbanding RM91.8 bilion pada tahun sebelumnya.

AKAUN CARUMAN AHLI

Caruman Ahli

Wang caruman ahli yang diterima dalam tahun 2018 ialah berjumlah RM883.8 juta, meningkat 1.6% berbanding RM870.3 juta pada tahun 2017. Jumlah kumulatif wang caruman ahli setakat 31 Disember 2018 berjumlah RM8.82 bilion, naik 0.3% berbanding RM8.79 bilion pada tahun 2017.

Pengeluaran Caruman Tamat Perkhidmatan

Bagi tahun 2018, sebanyak 7,850 permohonan pengeluaran telah diterima daripada pencarum-pencarum yang melibatkan pengeluaran wang berjumlah RM752.4 juta, turun sebanyak 37.3% berbanding RM1.2 bilion yang dibayar kepada 8,322 pencarum pada tahun 2017.

Skim Pengeluaran Perumahan

Dalam tahun yang dilapor, sebanyak RM22.9 juta telah dikeluarkan oleh 2,692 pencarum bagi tujuan pembelian rumah kediaman pertama atau sebidang tanah untuk membina rumah kediaman, meningkat 13.9% berbanding RM20.1 juta yang dikeluarkan oleh 2,401 pencarum dalam tahun 2017.

Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya

Dalam tahun yang dilapor, sebanyak RM6.8 juta telah dibayar kepada 175 pencarum atau waris di bawah Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya, meningkat 1.6% berbanding RM6.0 juta yang dibayar kepada 183 waris/pencarum dalam tahun 2017. Daripada jumlah ini, sebanyak RM3.8 juta telah dibayar kepada 115 tanggungan pencarum yang meninggal dunia sebagai faedah kematian dan sebanyak RM3.0 juta telah dibayar kepada 60 pencarum sebagai faedah hilang upaya.

PRESTASI PERBADANAN LTAT

Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)

Bagi tahun 2018, PERNAMA telah merekodkan hasil jualan tahunan sebanyak RM308.5 juta, turun 12.1% berbanding RM351.1 juta bagi tahun 2017. PERNAMA telah menjana keuntungan sebelum cukai berjumlah RM5.7 juta, turun 74.8% berbanding RM22.6 juta pada tahun sebelumnya.

Setelah mengambil kira kedudukan keuntungan terkumpul PERNAMA bagi tahun 2018 yang turun kepada RM20.5 juta berbanding RM23.5 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, PERNAMA tidak mengisytiharkan sebarang pembayaran dividen kepada LTAT.

Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, PPHM telah mencatatkan perolehan operasi berjumlah RM16.5 juta, turun 23.2% berbanding RM21.5 juta pada tahun 2017. Perolehan operasi ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan dari kerja kontrak berjumlah RM6.0 juta, yuran pengurusan projek berjumlah RM9.2 juta, faedah simpanan di bank berjumlah RM0.3 juta, yuran pengurusan penyenggaraan bangunan-bangunan milik LTAT sebanyak RM0.4 juta dan pendapatan-pendapatan lain sebanyak RM0.6 juta.

ULASAN KETUA EKSEKUTIF

PRESTASI PERBADANAN LTAT (sambungan)

Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) (sambungan)

Dalam tahun 2018, PPHM meneruskan Projek Perpindahan Kemudahan Pangkalan Udara Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur (PUKL) dan dijangka siap sepenuhnya dalam tahun 2019. Sehingga kini, projek perpindahan PUKL ke 3 lokasi telah selesai dilaksanakan dan telah diserahkan semula kepada pihak Kerajaan, manakala 5 lokasi projek lagi pada peringkat kesiapan 99.0%. Penyerahan keseluruhan projek akan dibuat pada tahun 2019.

PPHM tidak mengisytiharkan pembayaran dividen kepada LTAT untuk tahun kewangan 2018 bagi mengambil kira kedudukan keuntungan sebelum cukai PPHM yang turun kepada RM5.4 juta bagi tahun 2018 berbanding RM18.4 juta yang dicatatkan pada tahun 2017.

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)

Bagi tahun 2018, PERHEBAT telah menerima geran tahunan sebanyak RM30.5 juta untuk membiayai program-program latihan dan operasinya.

Bagi tahun yang dilapor, PERHEBAT telah berjaya melatih seramai 9,760 orang anggota ATM yang akan bersara dan telah bersara berbanding 8,135 orang pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, bilangan pelatih PERHEBAT meningkat pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 disebabkan bilangan anggota ATM yang bersara pada tahun 2018 meningkat.

Bagi Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran (PPSEV) pula, seramai 2,047 Veteran ATM Tidak Berpencen telah mengikuti pelbagai jenis latihan berbanding 1,439 orang pada tahun sebelumnya. Program ini bertujuan untuk membantu mereka dalam bidang keusahawanan dan penempatan pekerjaan sebagai pekerja mahir.



Pelatih PERHEBAT

PEMBERIAN PELBAGAI KEMUDAHAN DAN FAEDAH TAMBAHAN

Bagi menyampaikan produk dan perkhidmatan yang terbaik secara berterusan kepada pencarum-pencarumnya LTAT menyediakan program dan kemudahan tambahan seperti berikut:

Kemudahan e-Kiosk

Perkhidmatan e-Kiosk LTAT disediakan untuk membantu pencarum-pencarum mendapatkan maklumat secara 'on-line' dengan lebih mudah dan cepat. Kemudahan yang boleh dilaksanakan melalui e-kiosk adalah termasuk menyemak kedudukan caruman, mendapatkan penyata caruman, menyemak status penamaan waris dan cap jari serta menyemak syarat-syarat kelayakan bagi pengeluaran caruman. Sehingga kini, LTAT telah berjaya menyediakan sebanyak 77 unit mesin e-Kiosk di seluruh negara untuk kemudahan pencarum-pencarumnya.

Sistem i-Wira

Sistem i-Wira adalah merupakan alternatif kepada perkhidmatan e-Kiosk. Sistem semakan atas talian ini membolehkan pencarum untuk menyemak maklumat terkini berkenaan penyata caruman LTAT, maklumat penamaan waris, maklumat unit amanah saham Affin Hwang, rekod pengeluaran caruman dan membolehkan pencarum untuk membuat aduan, pertanyaan atau cadangan dengan menggunakan pautan internet. LTAT juga bercadang untuk membangunkan sistem i-Wira menggunakan aplikasi pintar bagi memberi kemudahan kepada pencarum mencapai maklumat mengenai caruman mereka pada bila-bila masa dan dimana juga mereka berada.

Program Taklimat Dan Program Sehari Bersama Pelanggan

Dalam tahun 2018, LTAT telah berjaya mengadakan sebanyak 107 program taklimat dan program Sehari Bersama Pelanggan di unit-unit di kem ATM di seluruh Malaysia berbanding dengan sasaran sebanyak 80 program bagi tujuan menyampaikan maklumat terkini dan mendapatkan maklum balas daripada pencarum-pencarum mengenai kegiatan-kegiatan LTAT.

ULASAN KETUA EKSEKUTIF

PEMBERIAN PELBAGAI KEMUDAHAN DAN FAEDAH TAMBAHAN (sambungan)

Pengurusan Kualiti dan Pengiktirafan

Bagi tahun 2018, LTAT telah berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 bagi Skop Pengurusan Dana Wang Caruman Untuk Anggota Angkatan Tentera Malaysia dan berjaya memperbaharui pensijilan ISO/IEC 20000-1:2011 di bawah skop Pengurusan Perkhidmatan Teknologi Maklumat Untuk Pelanggan-Pelanggan Dalaman LTAT. Dalam tahun yang dilapor, LTAT juga telah berjaya memperbaharui pensijilan ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) daripada SIRIM QAS International di bawah skop Pengurusan Caruman Ahli Yang Menggunakan Sistem Caruman Ahli Bersepadu (SCAB).

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Dalam tahun 2018, LTAT telah meneruskan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporatnya (Corporate Social Responsibility (CSR)) dengan menawarkan pelbagai kemudahan dan bantuan kewangan untuk keselesaan warga tentera terutama dalam bidang latihan, pendidikan, kebajikan, pemilikan rumah mampu milik dan biasiswa kepada anak-anak warga tentera yang layak. Inisiatif-inisiatif CSR yang telah dijalankan oleh LTAT adalah seperti berikut:

Program Biasiswa dan Anugerah Kecemerlangan Pendidikan

Bagi tahun 2018, LTAT dan Yayasan LTAT telah membelanjakan sebanyak RM2.8 juta bagi membiayai pelbagai program biasiswa dan Anugerah Kecemerlangan Pendidikan kepada 2,458 orang anak-anak anggota tentera dan veteran ATM yang mencapai kejayaan cemerlang dalam pendidikan.



Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pendidikan

Bantuan Kewangan Kepada Veteran ATM

LTAT dan Yayasan LTAT telah membuat bayaran bantuan sara hidup kepada 68 orang ahli Persatuan Veteran ATM/ balu dengan jumlah bantuan sebanyak RM216,000 pada tahun 2018.

Program Rumah Mampu Milik

Sehingga kini, LTAT menerusi PPHM dan syarikat kumpulannya telah membina dan menjual sebanyak 1,888 unit rumah mampu milik kepada anggota tentera dan veteran ATM yang layak di Taman LTAT, Bukit Jalil, Kuala Lumpur, Mutiara Rini, Johor, dan Mutiara Damansara, Selangor.

Dalam tahun 2018, PPHM meneruskan kerja-kerja pembangunan 580 unit dan 2,000 unit rumah mampu milik dengan kerjasama Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di Parsel 3A dan Parsel 2C, Bukit Jalil, Kuala Lumpur untuk ditawarkan kepada anggota ATM dan veteran ATM yang layak. Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 2019.



Parsel 2C, Taman LTAT, Bukit Jalil

ULASAN KETUA EKSEKUTIF

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (sambungan)

Sumbangan-Sumbangan Lain

LTAT melalui Yayasan LTAT telah membiayai pembinaan sebuah bangunan asrama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kampus Gombak, Selangor dengan kos berjumlah RM5.0 juta dan sedang berbincang dengan pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk membiayai pembinaan sebuah bangunan asrama di UiTM kampus Puncak Alam, Selangor dengan anggaran kos berjumlah RM6.0 juta. Pendapatan hasil sewaan bangunan asrama-asrama ini akan digunakan bagi membiayai program-program biasiswa khusus untuk anak-anak warga ATM dan veteran yang layak yang sedang menuntut di institusi-institusi pengajian berkenaan. Sehingga kini, seramai 28 orang anak-anak warga ATM dan veteran telah menerima manfaat dari program ini.

Kumpulan LTAT juga membiayai pembinaan kompleks Wisma Bintara khusus untuk digunakan oleh warga bintara ATM yang terdiri daripada Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK) berpangkat Sarjan hingga Pegawai Waran Satu, di Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur dengan anggaran kos sebanyak RM30.0 juta. Bangunan kediaman serba lengkap ini masih dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya dalam tahun 2019.



Kompleks Wisma Bintara

LTAT juga telah memperuntukkan sebanyak RM1.0 juta bagi membiayai program *'Chair For Leadership Study'* untuk pelajar-pelajar di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bagi tempoh 2016-2018 dan menyumbang sebanyak RM1.1 juta kepada Persatuan Veteran ATM dan Tabung Kebajikan Angkatan Tentera bagi membiayai pelbagai kegiatan kebajikan ATM, termasuk sumbangan kepada Tabung Hari Pahlawan dan sumbangan Hari Raya. Selain itu, LTAT juga telah membayar zakat perniagaan berjumlah RM575,000 kepada Tabung Zakat ATM.

Melalui PERNAMA pula, sebanyak 50 kategori barangan ruji telah ditawarkan di bawah harga pasaran oleh PERNAMA kepada warga ATM di kedai-kedai PERNAMA di bawah program barangan harga prihatin. Program ini dilaksanakan untuk meringankan beban kos sara hidup warga tentera dalam menangani cabaran kenaikan harga barang pada masa kini. Dalam tahun 2018, PERNAMA telah membelanjakan sebanyak RM10.9 juta sebagai subsidi bagi tujuan ini.

Sehingga kini, LTAT dan syarikat kumpulannya serta Yayasan LTAT telah menyumbang sebanyak RM446.2 juta bagi membiayai pelbagai program biasiswa dan kebajikan lain kepada lebih 137,294 anggota ATM yang masih berkhidmat, veteran dan keluarga mereka yang layak.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pekerja atau sumber manusia adalah aset utama sesebuah organisasi. Ianya hendaklah dijaga, dibangunkan, diselia dan diwujudkan peluang kerjaya untuk mengekalkan mereka agar organisasi dapat membangun dan berkembang selaras dengan visi, misi dan objektif organisasi.

Bagi memastikan kelancaran perjalanan sumber manusia dalam pengurusan organisasi, LTAT telah menubuhkan Jabatan Sumber Manusia (HRD) bagi merancang, menyelaras dan melaksanakan program pembangunan sumber manusia agar pekerja dapat menggunakan kebolehan mereka untuk memajukan diri serta memberi impak positif kepada LTAT bagi mencapai objektifnya.

Penubuhan HRD juga adalah merupakan satu transformasi yang dilaksanakan di LTAT untuk mempersiapkan diri pegawai dan kakitangannya dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran terkini dalam memastikan mereka berdaya saing bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) sebagaimana yang disarankan oleh Kerajaan.

ULASAN KETUA EKSEKUTIF

PROSPEK MASA HADAPAN

Ahli Lembaga, Panel Pelaburan serta Pengurusan LTAT juga akan terus berusaha untuk mengenalpasti dan meneroka peluang pelaburan baru yang berpotensi dan menguntungkan serta berdaya maju, dan menyemak semula pelaburan semasanya bagi memastikan pelaburan LTAT dapat memberikan pulangan yang sebaiknya.

Melangkah ke hadapan, LTAT akan mengkaji semula pelaburannya selaras dengan penilaian pasaran dan menyusun semula portfolio pelaburannya untuk meningkatkan nilai aset. LTAT juga telah menggariskan enam teras strategik untuk memastikan LTAT berupaya untuk memberikan pulangan yang mampan kepada para pencarum. Rancangan transformasi baru LTAT merangkumi visi dan misi yang baharu, mengukuhkan tadbir urus korporat dan meningkatkan pengurusan yang strategik ke atas pihak berkepentingan. Ia juga termasuk meningkatkan pulangan pelaburan yang mampan, menambahbaik infrastruktur dan membangunkan pengurusan bakat. Dengan pengurusan baru dan pelan transformasi yang telah dirangka, LTAT akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memanfaatkan peluang pelaburan yang lebih menguntungkan.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Dalam tahun 2018, LTAT telah mencapai petunjuk prestasi utamanya seperti berikut:

Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran 2018	Pencapaian 2018
Kadar Dividen dan Bonus kepada Pencarum	6.5%	2.0%
Pulangan Pelaburan	8.8%	4.4%
Indeks Kepuasan Pelanggan	92.0%	97.0%
Memproses Pengeluaran Caruman, Skim Faedah Kematian & Hilang Upaya dalam tempoh 3 hari bekerja	100.0%	100.0%
Memproses Pengeluaran Perumahan dalam tempoh 3 hari bekerja	100.0%	100.0%
Nisbah Kos kepada Aset	Tidak Melebihi 1.0%	0.8%
Laporan Kewangan dan Pengurusan 2018	Sijil Audit Bersih	Pendapat Berteguran



"Sementara kami memperbaiki keadaan dalam memastikan organisasi kami berada dilandasan yang betul, saya amat mengharapkan agar pasukan saya dapat bekerja lebih kuat bagi memastikan kami dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi. Itu adalah merupakan ramuan asas yang menyumbang kepada kejayaan yang saya harapkan."

NIK AMLIZAN MOHAMED
Ketua Eksekutif
(The Edge Malaysia, 22 April 2018)

LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

PROGRAM PEMBANGUNAN e-KIOSK


PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

1. Menyemak kedudukan caruman dan mencetak penyata caruman.
2. Menyemak cap jari dan mengemaskini status penamaan waris.
3. Menyemak syarat-syarat kelayakan bagi pengeluaran caruman dan permohonan biasiswa Yayasan LTAT.
4. Mencetak penyata amanah saham.

KEMUDAHAN PAUTAN e-KIOSK

- PERNAMA — PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (PERNAMA)
- PERHEBAT — PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (PERHEBAT)
- PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA — PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA (PPHM)
- YAYASAN LTAT — YAYASAN LTAT
- AFFIN HWANG CAPITAL — AFFIN HWANG ASSET MANAGEMENT BERHAD (AHAMB)
- PPZ MAIWP PUSAT PUNGUTAN ZAKAT — PUSAT PUNGUTAN ZAKAT, MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (PPZ MAIWP)

BILANGAN PENGGUNA e-KIOSK



LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

LOKASI PENEMPATAN e-KIOSK



>> PERLIS

- Taman Intan Arau

>> PULAU PINANG

- Kem Sungai Ara, Bayan Lepas
- Pangkalan Udara Butterworth

>> KEDAH

- Kem Lapangan Terbang, Sungai Petani
- Kem Tok Jelai, Jitra
- Kem Bukit Kayu Hitam, Jitra
- PN 420, Kolej Tentera Udara Alor Star
- Kem Tanjong Gerak, Langkawi

>> PERAK

- Pangkalan Hulu, Kroh
- Pangkalan TLDM, Lumut
- Kem Sangro Circle Taiping
- TUDM Ipoh
- Kompleks Mutiara Pernama, Jalan Hospital, Ipoh
- Kem Tapah
- Kem Syed Putra, Jalan Tambun, Ipoh
- KD Malaya Lumut
- Kem Grik
- KD Pelandok, TLDM Lumut

>> KELANTAN

- Kem Desa Pahlawan, Kota Bharu
- Kem Pangkalan Chepa
- Kem Tanah Merah

>> TERENGGANU

- Kem Sri Pantai, Seberang Takir
- Pangkalan Udara Gong Kedak, Jerteh

>> PAHANG

- Kem Batu 10 Kuantan
- Markas 4 Briged, Kem Batu 3, Temerloh
- Rumah Keluarga TLDM, Taman Balok Perdana, Kuantan
- Kem Ungku Nasaruddin, Kuala Lipis
- Kem Mentakab
- Kem Bentong
- Pangkalan TUDM Batu 10, Kuantan
- Skuadron 322, Bukit Ibam
- Kem Mempaga, Pahang

>> KUALA LUMPUR & SELANGOR

- Bangunan LTAT
- Bangunan KEMENTAH
- Kem Sungai Besi
- Pangkalan TUDM Subang
- Kem Sungai Buloh
- Kem Batu Kentonmen
- Kem Wardieburn
- Unit Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Kementah
- TUDM Jugra, Banting
- UPNM Sungai Besi
- Desa Tun Hussein Onn, Jalan Jelatek
- Kem Paya Jaras, Sungai Buloh
- Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Wangsa Maju

>> MELAKA

- Kem Terendak
- Kem Sungai Udang

>> NEGERI SEMBILAN

- LATEDA Port Dickson
- Kem Rasah, Seremban
- Kem Syed Sirajuddin, Gemas
- Kem Senawang, Seremban
- Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA)
- Kem Sikamat, Seremban
- Kem Sunggala, Port Dickson
- Kedai PERNAMA, Pangkalan Udara Sendayan

>> JOHOR

- Kem Mahkota, Kluang
- Kem Sri Iskandar, Mersing
- Tanjung Pengelih
- PULADA Ulu Tiram
- Kem Tebrau, Johor Bharu
- Kem Batu 3, Jalan Mersing, Kluang
- Kem Batu Pahat, Johor

>> SARAWAK

- Kem Penrissen, Kuching
- Kem Simanggang, Sri Aman
- Kem Miri
- Kem Semenggo, Batu 8 Jalan Penrissen, Kuching
- TUDM, Kuching
- Kem Rascom, Batu 10 Sibu
- Kem Oya Batu 14 1/2, Sibu
- Kem Muara Tuang, Kuching

>> SABAH & LABUAN

- Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu
- Pangkalan TLDM Sepanggar, Kota Kinabalu
- Kem Sri Kinabatangan, Sandakan
- Kem Kabota, Tawau
- Pangkalan TUDM Labuan
- Kem TLDM Semporna
- Kem Paradise Kota Belud

LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

FAEDAH SKIM PENGELUARAN CARUMAN

PENGELUARAN CARUMAN TAMAT PERKHIDMATAN

Apabila pencarum berhenti atau bersara daripada perkhidmatan atau telah mencapai umur 50 tahun. Bagi pencarum wajib yang bertaraf pencen, wang sumbangan Kerajaan dikembalikan kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP untuk bayaran pencen bulanan.


SKIM PENGELUARAN PERUMAHAN

Pencarum dibenar mengeluarkan tidak melebihi 40% daripada carumannya atau 10% dari harga harta tak alih yang mana lebih rendah untuk pembelian rumah kediaman pertama atau sebidang tanah untuk membina rumah kediaman di atasnya.

SKIM FAEDAH KEMATIAN DAN HILANG UPAYA

Skim Faedah Kematian dibayar kepada tanggungan pencarum yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan dengan Angkatan Tentera Malaysia, manakala Faedah Hilang Upaya dibayar kepada pencarum yang diberhentikan perkhidmatan atas sebab-sebab kecacatan fikiran atau tubuh badan.


PENGELUARAN CARUMAN TAMAT PERKHIDMATAN



BILANGAN PENGELUARAN	
2014	7,030
2015	6,408
2016	11,179
2017	8,322
2018	**7,850**


LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

SKIM PENGELUARAN PERUMAHAN



BILANGAN PENGELUARAN	
2014	2,568
2015	2,055
2016	1,952
2017	2,401
2018	**2,692**

SKIM FAEDAH KEMATIAN DAN HILANG UPAYA



BILANGAN PENGELUARAN	
2014	244
2015	223
2016	225
2017	183
2018	**175**

LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

PROGRAM TAKLIMAT DAN PROGRAM SEHARI BERSAMA PELANGGAN

OBJEKTIF

Untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada anggota ATM.

Meninjau secara terus tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan dan manfaat yang disediakan oleh LTAT untuk pencarum.

Memastikan maklumat terkini sampai kepada pencarum.


IMPAK

Anggota angkatan tentera dapat berkomunikasi dengan lebih baik melalui sesi soal jawab pada setiap program.

LTAT dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dan memberi manfaat yang lebih baik kepada anggota ATM.

Meningkatkan kepuasan pelanggan.


BILANGAN PROGRAM




LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

STATISTIK PENERIMAAN BORANG KEPUASAN PELANGGAN



INDEKS KEPUASAN PELANGGAN



LAPORAN PENILAIAN HASIL DAN IMPAK

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT LTAT, SYARIKAT KUMPULAN DAN YAYASAN LTAT

LTAT dan Syarikat Kumpulan serta Yayasan LTAT terus komited untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial korporatnya dengan menawarkan pelbagai kemudahan dan bantuan kewangan kepada warga tentera terutamanya dalam bidang latihan, pendidikan, kebajikan, pemilikan rumah kediaman dan pemberian biasiswa kepada anak-anak anggota ATM yang layak dan veteran.


Sehingga 31 Disember 2018, LTAT dan Syarikat Kumpulan serta Yayasan LTAT telah membuat pembiayaan sebanyak **RM446.2 juta** kepada **137,294 penerima** bantuan yang layak dalam kalangan anggota tentera yang masih berkhidmat dan telah bersara serta ahli keluarga mereka.



Membiayai pembinaan Kompleks Wisma Bintara di Jalan Padang Tembak dengan kos sebanyak

RM30.0 juta

RM10.9 juta



Pemberian subsidi oleh PERNAMA bagi barangan ruji di bawah **Program Harga Barangan Prihatin**.

RM1.0 juta



Menawarkan tajaan bagi Program *Chair For Leadership Study* untuk pelajar-pelajar UPNM.



Pemberian bantuan sara hidup sebanyak

RM216,000

kepada **68 ahli** PVATM dan balu.



RM1.1 juta

Sumbangan kepada Tabung Pahlawan dan Tabung Kebajikan KEMENTAH.



Pembinaan **2,000 unit** rumah mampu milik di Taman LTAT, Bukit Jalil dan **304 unit** di Bandar Segari, Perak untuk warga ATM dan veteran dengan subsidi sebanyak

RM144.4 juta

RM2.8 juta



Sumbangan biasiswa dan bantuan pendidikan kepada **2,458** anak-anak warga ATM dan veteran yang layak.

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN LTAT

PENDAPATAN DAN JUMLAH PEMBAYARAN DIVIDEN (RM Juta)

		2018	*2017	2016	2015	2014
1.	**JUMLAH PENDAPATAN** (termasuk pendapatan-pendapatan lain)	**423.9**	528.5	572.3	766.8	1,015.5
2.	**PERBELANJAAN KENDALIAN**	**76.6**	66.2	77.7	63.8	63.4
3.	**NISBAH KOS KEPADA PENDAPATAN (%)**	**18.1**	12.5	13.5	8.3	6.2
4.	**NISBAH KOS KEPADA ASET (%)****	**0.8**	0.7	0.8	0.7	0.7
5.	**UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN**	**221.0**	459.5	356.2	684.5	843.2
6.	**JUMLAH DIVIDEN, BONUS DAN BONUS KHAS KEPADA AHLI (%)**	**2.0**	8.27	7.99	8.10	10.32

* Dinyatakan semula
** KPI baru bermula 2018

ASET, EKUITI DAN LIABILITI (RM Juta)


		2018	*2017	2016	2015	2014
1.	**JUMLAH ASET**	**9,380.6**	**9,620.3**	**9,380.9**	**9,352.0**	**9,318.5**
	• Aset	7,607.5	8,055.7	8,554.4	7,900.0	8,209.9
	• Aset Semasa	1,773.1	1,564.6	826.5	1,452.0	1,108.6
2.	**JUMLAH EKUITI**	**8,867.8**	**8,814.6**	**8,587.0**	**9,067.1**	**8,893.4**
	• Akaun Caruman Ahli	8,822.6	8,787.3	8,616.6	9,054.8	8,685.4
	• Kumpulan Wang Rizab	176.5	175.7	172.3	181.1	173.7
	• Rizab Pendapatan Komprehensif Lain	(170.0)	-	-	-	-
	• Rizab Sekuriti Sedia Untuk Dijual	-	22.4	(267.8)	(564.1)	(385.7)
	• Rizab Penilaian Semula Aset	-	-	-	10.6	10.5
	• Kerugian Terkumpul/Keuntungan Tertahan	38.7	(170.8)	65.9	384.7	409.5
3.	**JUMLAH LIABILITI**	**512.8**	**805.7**	**793.9**	**284.9**	**425.1**
4.	**JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI**	**9,380.6**	**9,620.3**	**9,380.9**	**9,352.0**	**9,318.5**

* Dinyatakan semula


ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN LTAT (sambungan)


ASET
(RM Juta)
Tahun berakhir 31 Disember




JUMLAH PENDAPATAN
(RM Juta)
Tahun berakhir 31 Disember



AKAUN CARUMAN AHLI
(RM Juta)
Tahun berakhir 31 Disember



JUMLAH DIVIDEN, BONUS & BONUS KHAS
(RM Juta)
Tahun berakhir 31 Disember



ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN KUMPULAN

PENDAPATAN (RM Juta)

		2018	*2017	2016	2015	2014
1.	**JUMLAH PENDAPATAN** (termasuk pendapatan-pendapatan lain)	**13,697.8**	15,002.6	13,126.7	13,001.8	14,837.3
2.	**KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT**	**143.5**	1,738.7	1,489.5	1,052.6	1,449.3
3.	**UNTUNG/RUGI BERSIH BAGI TAHUN**	**(105.8)**	1,362.3	1,161.9	777.9	1,071.4

* Dinyatakan semula

ASET, EKUITI DAN LIABILITI (RM Juta)


		2018	*2017	2016	2015	2014
1.	**JUMLAH ASET**	**97,115.6**	**91,792.5**	**89,131.2**	**87,788.8**	**85,837.5**
	• Aset	32,641.1	32,027.1	31,444.0	30,710.5	30,014.5
	• Aset Semasa	64,474.5	59,765.4	57,687.2	57,078.3	55,823.0
2.	**JUMLAH EKUITI**	**18,565.3**	**19,772.9**	**18,754.3**	**18,574.5**	**18,549.5**
	• Akaun Caruman Ahli	8,822.6	8,787.3	8,616.6	9,054.8	8,685.4
	• Rizab-Rizab	1,016.1	1,072.9	1,302.5	926.9	981.0
	• Kumpulan Wang	2.8	2.8	4.2	37.6	38.4
	• Keuntungan Terkumpul	157.8	1,061.4	691.0	1,169.3	1,597.0
	• Kepentingan Bukan Mengawal	7,503.5	7,786.2	7,077.7	6,323.6	6,252.4
	• Sukuk Kekal	1,062.5	1,062.3	1,062.3	1,062.3	995.3
3.	**JUMLAH LIABILITI**	**78,550.3**	**72,019.6**	**70,376.9**	**69,214.3**	**67,288.0**
4.	**JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI**	**97,115.6**	**91,792.5**	**89,131.2**	**87,788.8**	**85,837.5**

* Dinyatakan semula


ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN LIMA TAHUN KUMPULAN (sambungan)

JUMLAH PENDAPATAN
(RM Juta)
Tahun berakhir 31 Disember



ASET
(RM Juta)
Tahun berakhir 31 Disember





PENYATA KEWANGAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LTAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 056

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA (AKAUN INDUK DAN AKAUN KUMPULAN) 061

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LTAT 062

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 101.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari

Merujuk kepada Nota 9 di dalam Penyata Kewangan, pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dalam tujuh syarikat subsidiari pada tahun 2018 adalah berjumlah RM5.094 bilion. Termasuk dalam jumlah tersebut adalah kos pelaburan di Boustead Holdings Berhad berjumlah RM2.551 bilion dan Boustead Plantation Berhad berjumlah RM308.12 juta. Nilai pasaran pada 31 Disember 2018 bagi Boustead Holdings Berhad dan Boustead Plantation Berhad adalah masing-masing berjumlah RM1.699 bilion dan RM203.23 juta. Bagaimanapun, selaras dengan *Malaysian Financial Reporting Standard* (MFRS) 136 Penjejasan Aset, Lembaga Tabung Angkatan Tentera tidak membuat penjejasan nilai bagi Boustead Holdings Berhad berjumlah RM852.40 juta dan Boustead Plantation Berhad berjumlah RM104.89 juta. Pelaburan dalam syarikat subsidiari tersebut

yang tidak dinyatakan pada harga pasaran menyebabkan keuntungan tahun semasa terlebih nyata sejumlah RM957.29 juta.

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di Perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada Pendapat Berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan supaya memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan mengenai usaha berterusan jika berkaitan serta menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Tabung Angkatan Tentera atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap

pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), saya juga melaporkan perkara berikut:

a. **Pelaburan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera**

Mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta 101, Lembaga Tabung Angkatan Tentera boleh melabur tidak kurang daripada 70% dalam pelaburan yang dibenarkan oleh atau di bawah Akta Pemegang Amanah 1949. Bagaimanapun, Lembaga Tabung Angkatan Tentera hanya membuat pelaburan berjumlah RM2.614 bilion atau 29% iaitu kurang 41% daripada had ditetapkan.

Seksyen 15(1)(b) pula membenarkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera melabur tidak melebihi 30% dalam pelaburan ekuiti sama ada tidak disenaraikan atau disenaraikan di bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia. Bagaimanapun, Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah membuat pelaburan berjumlah RM6.408 bilion atau 71% iaitu melebihi 41% daripada had ditetapkan.

b. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta 535.

c. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 9 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

d. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

e. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Pada 30 September 2019, Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah mengistiharkan dividen bagi tahun 2018 pada kadar 2% bersamaan RM161 juta. Bagaimanapun, Laporan Cadangan Pembayaran Dividen Tahun 2018 oleh aktuari menyatakan pembayaran dividen pada kadar 2% akan menjejaskan keupayaan Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk membayar liabilitinya. Bagi merealisasikan pembayaran dividen tersebut, Kerajaan telah meluluskan permohonan Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk mengecualikan baki pembayaran dividen bagi caruman Kerajaan berjumlah RM228 juta kepada Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP). Pengecualian ini menjadikan kerugian terkumpul pada tahun 2018 berjumlah RM66 juta kepada keuntungan terkumpul RM162 juta iaitu keuntungan yang bukan daripada aktiviti utama Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Tabung Angkatan Tentera dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan Laporan ini.

(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
30 JANUARI 2020

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA
Ditubuhkan Dibawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101)

PENYATA PENGERUSI
DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA

Kami, Jen. Dato' Seri Diraja Tan Sri (Dr.) Mohd. Zahidi Bin Hj Zainuddin (Bersara) dan Lt. Jen. Dato' Sri Ackbal Bin Hj Abd Samad yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

JEN. DATO' SERI DIRAJA TAN SRI (DR.)
MOHD. ZAHIDI BIN HJ ZAINUDDIN
(Bersara)

PENGERUSI

TARIKH: 30 SEP 2019
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,

LT. JEN. DATO' SRI ACKBAL BIN
HJ ABD SAMAD

ANGGOTA LEMBAGA

TARIKH: 30 SEP 2019
KUALA LUMPUR

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA
Ditubuhkan Dibawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

Setelah kehilangan kawalan ke atas syarikat subsidiari, Kumpulan menyahiktiraf aset (termasuk muhibah) dan liabiliti, sebarang kepentingan bukan mengawal dan komponen ekuiti lain yang berkaitan dengan syarikat subsidiari daripada penyata kedudukan kewangan disatukan. Bahagian kumpulan yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula ke untung atau rugi atau keuntungan tertahan. Sebarang lebihan atau defisit yang timbul daripada kehilangan kawalan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Jika Kumpulan mengekalkan sebarang kepentingan dalam syarikat subsidiari, maka faedah itu diukur pada nilai saksama pada tarikh kehilangan kawalan dan seterusnya diambil kira sebagai ekuiti syarikat penerima pelaburan atau sebagai aset kewangan pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan. Dividen yang diterima daripada subsidiari direkodkan sebagai komponen pendapatan dalam penyata untung atau rugi.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak rosot nilai. Butiran lanjut syarikat-syarikat subsidiari disenaraikan di Nota 9.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(a) Asas Penyatuan (sambungan)

(ii) Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama

Syarikat bersekutu adalah entiti-entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan, tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas keputusan-keputusan dasar operasi dan kewangan.

Usaha sama adalah suatu perjanjian bersama di mana pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama dengan perjanjian itu mempunyai hak ke atas aset bersih usaha sama itu. Kawalan bersama adalah perjanjian kawalan perkongsian yang dipersetujui secara kontrak, yang wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan yang memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama diambil kira di dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama pada mulanya diiktiraf pada kos. Amaun dibawa pelaburan diselaraskan untuk mengiktiraf perubahan bahagian kumpulan dalam aset bersih syarikat bersekutu atau usaha sama bermula dari tarikh pengambilalihan. Muhibah berkaitan syarikat bersekutu atau usaha sama dimasukkan dalam amaun dibawa pelaburan dan tidak dilunaskan atau diuji secara individu untuk rosot nilai.

Penyata pendapatan disatukan menunjukkan bahagian Kumpulan daripada keputusan operasi syarikat bersekutu atau usaha sama. Sebarang perubahan dalam pendapatan komprehensif lain ditunjukkan sebagai sebahagian daripada Pendapatan Komprehensif Lain Kumpulan. Di samping itu, sekiranya terdapat perubahan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan mengiktiraf bahagiannya dalam perubahan tersebut, sekiranya ada, dalam penyata perubahan ekuiti disatukan. Keuntungan atau kerugian tidak direalisasi daripada urus niaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu dan usaha sama dihapuskan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya di dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan tidak perlu mengiktiraf kerugian tambahan melainkan ke satu tahap Kumpulan menanggung obligasi konstruktif atau melibatkan undang-undang atau pembayaran dibuat bagi pihak syarikat bersekutu atau usaha sama.

Penyata kewangan syarikat bersekutu dan usaha sama yang terkini digunakan oleh Kumpulan dalam mengakaunkan kaedah ekuiti. Apabila tarikh penyata kewangan yang telah diaudit digunakan tidak selari dengan Kumpulan, bahagian keuntungan diambil kira dari penyata kewangan yang telah diaudit dan penyata kewangan pengurusan sehingga akhir tempoh perakaunan. Jika perlu, pelarasan perlu dibuat ke atas penyata kewangan ini bagi memastikan keseragaman dasar-dasar perakaunan yang digunakan oleh Kumpulan adalah konsisten.

Selepas mengaplikasi kaedah ekuiti, Kumpulan menentukan sama ada perlu untuk mengiktiraf tambahan rosot nilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama. Kumpulan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama terjejas. Jika pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama terjejas, Kumpulan akan mengira amaun rosot nilai sebagai perbezaan di antara amaun yang boleh diperolehi semula daripada syarikat bersekutu atau usaha sama dengan amaun dibawa. Rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila kehilangan pengaruh signifikan atau kawalan bersama ke atas syarikat bersekutu atau usaha sama, Kumpulan mengukur dan mengiktiraf sebarang pelaburan dikekalkan pada nilai saksama. Perbezaan di antara amaun dibawa syarikat bersekutu atau usaha sama setelah kehilangan pengaruh signifikan atau kawalan bersama dan nilai saksama atau pelaburan yang dikekalkan dan hasil jualan daripada pelupusan diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(b) Aset Kewangan

Dasar perakaunan diterima pakai dari 1 Januari 2018

(i) Pengiktirafan Awal dan Pengukuran

Aset kewangan diklasifikasikan, pada pengiktirafan awal, yang kemudiannya diukur pada kos dilunaskan, nilai saksama pendapatan komprehensif lain dan nilai saksama ke untung atau rugi.

Pada pengiktirafan awal klasifikasi aset kewangan bergantung kepada ciri-ciri aliran tunai kontrak aset kewangan dan model perniagaan Kumpulan dan LTAT untuk menguruskan aset kewangan.

Dengan pengecualian akaun belum terima perdagangan yang tidak mengandungi komponen kewangan penting atau yang mana Kumpulan dan LTAT telah mengaplikasikan manfaat praktikal, Kumpulan dan LTAT pada mulanya mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam hal aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos transaksi.

Akaun belum terima perdagangan yang tidak mengandungi komponen pembiayaan penting atau Kumpulan dan LTAT telah memohon faedah praktikal diukur pada harga transaksi yang ditentukan di bawah MFRS 15.

Bagi memastikan aset kewangan diklasifikasikan dan diukur pada kos dilunaskan atau nilai saksama pendapatan komprehensif lain, ia perlu meningkatkan aliran tunai hanya pembayaran prinsipal dan faedah (SPPI) atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Penilaian ini dirujuk sebagai ujian SPPI dan dilaksanakan pada tahap instrumen.

Model perniagaan Kumpulan dan LTAT untuk menguruskan aset kewangan merujuk kepada pengurusan aset kewangan bagi menjana aliran tunai. Model perniagaan menentukan sama ada aliran tunai akan dihasilkan dari aliran tunai kontrak, penjualan aset kewangan atau kedua-duanya.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penghantaran aset dalam jangka masa yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkenaan (amalan biasa atau urus niaga), diiktiraf pada tarikh niaga iaitu, tarikh Kumpulan dan LTAT komited untuk membeli atau menjual aset itu.

(ii) Pengukuran berikutnya

Bagi tujuan pengukuran berikutnya, aset kewangan dikelaskan dalam tiga kategori:

- Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang);
- Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain tidak akan dikelas semula ke untung atau rugi kumulatif apabila berlaku penyahiktirafan (instrumen ekuiti); dan
- Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi.

1) Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang)

Kategori ini adalah relevan kepada Kumpulan dan LTAT. Kumpulan dan LTAT mengukur aset kewangan pada kos dilunaskan jika kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Aset kewangan dipegang dalam suatu model perniagaan dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai kontrak, dan
- Terma kontrak aset kewangan memanjangkan tempoh tertentu kepada aliran tunai SPPI atas amaun prinsipal yang belum dijelaskan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(b) Aset Kewangan (sambungan)

Dasar perakaunan diterima pakai dari 1 Januari 2018 (sambungan)

(ii) Pengukuran berikutnya (sambungan)

1) Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang) (sambungan)

Aset kewangan pada kos dilunaskan kemudiannya diukur dengan menggunakan kaedah faedah efektif dan tertakluk kepada rosot nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila aset tersebut dinyahiktiraf, diubah suai atau rosot nilai.

Aset kewangan Kumpulan dan LTAT pada kos dilunaskan terdiri daripada akaun belum terima (tidak termasuk prabayaran dan pendahuluan yang dibayar kepada pembekal) deposit, wang tunai dan baki bank.

2) Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain (ekuiti instrumen)

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan dan LTAT boleh memilih untuk mengklasifikasikan pelaburan ekuiti yang tidak boleh ditarik balik sebagai instrumen ekuiti yang ditetapkan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain apabila memenuhi definisi ekuiti di bawah MFRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan dan tidak dipegang untuk urus niaga. Klasifikasi instrumen ditentukan berdasarkan asas instrumen.

Keuntungan dan kerugian ke atas aset kewangan ini tidak dikelas semula ke untung atau rugi. Dividen diiktiraf sebagai pendapatan lain dalam penyata untung atau rugi apabila hak pembayaran telah dikenal pasti, kecuali apabila Kumpulan dan LTAT mendapat manfaat daripada hasil tersebut sebagai diperoleh semula sebahagian daripada kos aset kewangan, dalam hal ini, keuntungan sedemikian direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain. Instrumen ekuiti yang ditetapkan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain tidak tertakluk kepada penilaian rosot nilai.

3) Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi

Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi termasuk aset kewangan yang dipegang untuk urus niaga, aset kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal pada nilai saksama ke untung atau rugi, atau aset kewangan yang mandatori diukur pada nilai saksama. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk urus niaga sekiranya ia diperoleh untuk tujuan jualan atau belian semula dalam tempoh terdekat. Derivatif, termasuk derivatif yang diterap secara berasingan, juga diklasifikasikan sebagai dipegang untuk urus niaga kecuali ianya ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai yang efektif.

Aset kewangan dengan aliran tunai yang bukan untuk pembayaran prinsipal dan faedah dikelas dan diukur pada nilai saksama ke untung atau rugi, tanpa mengira model perniagaan. Walau apa pun kriteria bagi instrumen hutang yang diklasifikasikan pada kos dilunaskan atau pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain seperti yang dinyatakan di atas, instrumen hutang boleh ditetapkan pada nilai saksama ke untung atau rugi pada pengiktirafan awal sekiranya dapat menghapuskan atau mengurangkan ketidaksamaan perakaunan.

Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi dibawa dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dengan perubahan bersih dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(b) Aset Kewangan (sambungan)

Dasar perakaunan diterima pakai sebelum 1 Januari 2018

(i) Pengiktirafan awal dan pengukuran

Aset kewangan diiktiraf pada penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan LTAT menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak aset kewangan.

Apabila aset kewangan diiktiraf pada permulaannya,ianya diukur pada nilai saksama, manakala bagi aset kewangan bukan pada nilai saksama ke untung atau rugi, kos urus niaga dilibatkan secara langsung.

Pembelian dan penjualan pelaburan diiktiraf atau dinyah iktiraf pada tarikh urus niaga, iaitu tarikh Kumpulan dan LTAT membeli dan menjual aset tersebut.

(ii) Kategori dan Pengukuran

1) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama ke Untung atau Rugi

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi sekiranya ia dipegang untuk urus niaga atau ditentukan sedemikian semasa pengiktirafan awal. Aset kewangan dipegang untuk urus niaga adalah derivatif (termasuk derivatif yang diterap secara berasingan) atau aset kewangan diperoleh untuk tujuan jualan dalam tempoh terdekat. Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, ianya diukur pada kos ditolak rosot nilai.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih ke atas aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi tidak termasuk perbezaan tukaran, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan tukaran, faedah dan pendapatan dividen pada aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi diiktiraf secara berasingan dalam untung atau rugi sebagai sebahagian daripada kerugian atau pendapatan lain.

Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi boleh ditunjukkan sebagai aset semasa atau aset bukan semasa. Aset kewangan yang dipegang dikhususkan untuk tujuan urus niaga ditunjukkan sebagai aset semasa manakala aset kewangan yang dipegang tetapi tidak dikhususkan untuk tujuan urus niaga ditunjukkan sebagai aset semasa atau aset bukan semasa berdasarkan tarikh penyelesaian.

2) Pinjaman dan akaun belum terima

Aset kewangan tidak disebut harga dalam pasaran aktif dengan pembayaran tetap atau berjadual diklasifikasikan sebagai pinjaman dan akaun belum terima. Pinjaman dan akaun belum terima Kumpulan dan LTAT terdiri daripada akaun belum terima (tidak termasuk prabayaran dan pendahuluan dibayar kepada pembekal), deposit, tunai dan baki bank.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan akaun belum terima diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif, ditolak rosot nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan akaun belum terima dinyah iktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan akaun belum terima diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tarikh matang melebihi 12 bulan selepas tarikh pelaporan diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(b) Aset Kewangan (sambungan)

Dasar perakaunan diterima pakai sebelum 1 Januari 2018 (sambungan)

(ii) Kategori dan Pengukuran (sambungan)

3) Sekuriti sedia untuk dijual

Sekuriti sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori lain aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, sekuriti sedia untuk dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali rosot nilai, keuntungan dan kerugian tukaran asing terhadap aset kewangan dan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain adalah diiktiraf dalam untung atau rugi apabila aset kewangan dinyah iktiraf.

Pendapatan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif, ianya diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen ke atas instrumen ekuiti sedia untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi apabila Kumpulan mempunyai hak untuk menerima bayaran ditentukan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, ianya diukur pada kos ditolak rosot nilai.

Sekuriti sedia untuk dijual diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa kecuali ianya dijangka untuk direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

4) Sekuriti Dipegang Hingga Matang

Sekuriti dipegang hingga matang adalah aset-aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau berjadual dan tarikh matang yang ditetapkan di mana Kumpulan dan LTAT mempunyai tujuan dan keupayaan positif untuk memegangnya sehingga tarikh matang.

Selepas pengiktirafan awal, sekuriti dipegang hingga matang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

Semua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama ke untung atau rugi adalah tertakluk kepada penilaian rosot nilai.

(iii) Amalan Biasa Pembelian Atau Penjualan Aset Kewangan

Amalan biasa pembelian atau penjualan adalah pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak di mana terma memerlukan penghantaran aset dalam jangka masa yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran berkenaan.

Amalan biasa pembelian atau penjualan aset kewangan diiktiraf dan dinyah iktiraf, di mana sesuai dengan perakaunan tarikh niaga. Perakaunan tarikh niaga merujuk kepada:

a) Pengiktirafan aset yang akan diterima dan liabiliti dibayar pada tarikh niaga; dan

b) Penyahiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan sebarang keuntungan atau kerugian atas penjualan dan pengiktirafan penerimaan daripada pembeli untuk pembayaran pada tarikh niaga.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(b) Aset Kewangan (sambungan)

Dasar perakaunan diterima pakai sebelum 1 Januari 2018 (sambungan)

(iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tidak lagi wujud, atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak yang lain tanpa memegang sejumlah amaun yang signifikan ke atas risiko dan ganjaran daripada pemindahan tersebut. Apabila aset kewangan telah dinyah iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara amaun dibawa dan jumlah diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian yang telah diiktiraf dalam ekuiti akan diiktiraf ke untung atau rugi.

(c) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf apabila, dan hanya apabila, Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Kumpulan menentukan klasifikasi liabiliti kewangan pada pengiktirafan awal.

1) Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama Ke Untung Atau Rugi

Liabiliti kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi termasuk liabiliti kewangan yang dipegang untuk urus niaga dan liabiliti kewangan yang ditentukan pada nilai saksama ke untung atau rugi semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan yang dipegang untuk urus niaga termasuk derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai. Liabiliti derivatif pada awalnya diukur pada nilai saksama dan kemudiannya dinyatakan pada nilai saksama, dengan sebarang keuntungan atau kerugian yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih daripada derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

2) Liabiliti Kewangan Lain

Liabiliti kewangan lain Kumpulan termasuk pinjaman dan peminjaman, pemiutang perdagangan dan pemiutang lain.

Pinjaman dan peminjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, kos urus niaga bersih yang terlibat, dan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Pada awalnya, pemiutang perdagangan dan pemiutang lain diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urus niaga yang terlibat secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

Bagi liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti dinyah iktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan dinyah iktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan liabiliti kewangan yang lain dari peminjam yang sama dengan syarat yang berbeza, atau terma liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, apa-apa pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(d) Pengukuran Nilai Saksama

Kumpulan dan LTAT mengukur aset kewangan seperti derivatif dan aset bukan kewangan seperti pelaburan harta tanah, pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima dari penjualan sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran.

Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi penjualan aset tersebut atau memindahkan liabiliti sama ada:

- di dalam pasaran utama, atau;
- jika tiada pasaran utama, di dalam pasaran yang paling menguntungkan.

Pasaran utama atau paling menguntungkan mestilah boleh diakses oleh Kumpulan dan LTAT.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti diukur dengan andaian bahawa peserta pasaran akan menggunakan nilai saksama bagi menetapkan harga aset atau liabiliti, dengan andaian bahawa peserta pasaran bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset dengan baik atau menjual kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut secara baik. Kumpulan dan LTAT menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan di mana data adalah mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh dilihat dan meminimumkan penggunaan input yang tidak dapat dilihat.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan mengikut hierarki nilai saksama, berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan seperti berikut:

Tahap 1 : Harga pasaran disebut harga tidak terlaras dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.
Tahap 2 : Input selain daripada harga pasaran disebut harga yang dilihat sama ada secara langsung atau tidak langsung.
Tahap 3 : Input yang tidak dapat dilihat untuk aset dan liabiliti.

Bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Kumpulan dan LTAT akan menentukan sama ada terdapat pemindahan telah berlaku antara tahap dalam hierarki dengan pengkategorian penilaian semula (berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tarikh pelaporan.

(e) Harta Tanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Harta tanah, loji dan peralatan pada mulanya dicatatkan pada kos, selepas susutnilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk kos penggantian sebahagian loji dan peralatan dan kos pinjaman jika kriteria pengiktirafan dipenuhi.

Kos berikutnya dimasukkan ke dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang sesuai, apabila kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut dan kos aset boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti adalah dinyah iktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tahun kewangan di mana ia ditanggung.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(e) Harta Tanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai (sambungan)

Tanah milik bebas mempunyai jangka hayat kegunaan yang tidak terhad dan tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajak jangka panjang dilunaskan sepanjang jangka masa pajakan. Bangunan dalam binaan tidak disusut nilai memandangkan aset tersebut belum sedia untuk diguna. Susut nilai kerja dalam pelaksanaan bermula apabila aset sedia untuk digunakan.

Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaannya pada kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	
• Milik bebas	1.25% - 5.6%
• Pegangan pajak jangka pendek dan jangka panjang	1.25% - 20%
Kapal dan Pesawat	4.0% - 16.7%
Loji dan peralatan lain	6.0% - 33.3%

Amaun dibawa bagi harta tanah, loji dan peralatan dikaji semula bagi rosot nilai apabila terdapat peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa amaun dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula.

Nilai sisa, jangka hayat kegunaan dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan diselaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Harta tanah, loji dan peralatan yang dinyah iktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun dibawa bersih diiktiraf dalam untung atau rugi.

(f) Aset Biologi

Aset biologi merangkumi hasil yang dikeluarkan daripada kelapa sawit. Aset biologi diukur pada nilai saksama tolak kos untuk dijual. Perubahan dalam nilai saksama tolak kos untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi. Nilai saksama ditentukan berdasarkan nilai semasa aliran tunai bersih dijangka daripada aset biologi. Aliran tunai bersih yang dijangkakan dianggarkan dengan menggunakan pengeluaran yang dijangka dan anggaran harga pasaran pada tarikh pelaporan minyak sawit mentah dan kernel sawit diselaraskan untuk pengeluaran kadar penuaian dan kos pengangkutan.

(g) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos atau nilai realisasi bersih, kos ditentukan berdasarkan purata wajaran.

(i) Bahan mentah dan kerja dalam pelaksanaan, hasil ladang, barangan untuk dijual semula dan kedai pengguna

Kos termasuk semua kos sampingan yang ditimbulkan untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa dalam menghasilkan stok, termasuk caj penuaian, pembuatan dan pengangkutan, jika berkenaan.

Bagi barangan siap dibina dan kerja dalam pelaksanaan, buruh dan overhed pengeluaran yang sesuai (berdasarkan kapasiti operasi biasa) juga dimasukkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(g) Inventori (sambungan)

(ii) Pembangunan harta tanah

Pembangunan harta tanah (diklasifikasikan dalam aset bukan semasa) meliputi tabungan tanah yang dalam proses penyediaan untuk pembangunan tetapi belum dilancarkan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi biasa.

Kos yang berkaitan dengan pemerolehan tanah termasuklah harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

Pembangunan harta tanah dipindahkan kepada pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan (diklasifikasikan dalam aset semasa) pada ketika aktiviti pembangunan harta tanah telah dimulakan dan di mana ia dapat ditunjukkan bahawa aktiviti tersebut dapat diselesaikan dalam kitaran operasi biasa.

(iii) Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan

Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan terdiri daripada kos tanah dalam pembangunan beserta kos pembangunan yang berkaitan dengan keseluruhan projek dan kos langsung bangunan.

Kos pembangunan harta tanah kemudiannya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila kawalan ke atas inventori dipindahkan kepada pelanggan. Kos pembangunan harta tanah unit tidak terjual dipindahkan ke harta tanah siap sebaik sahaja pembangunan selesai.

(iv) Harta tanah siap

Kos merangkumi kos pembelian tanah termasuk semua kos berkaitan yang ditanggung selepas pembelian bagi tujuan penyediaan guna tanah, kos pembangunan yang berkaitan dengan projek dan kos langsung bangunan.

Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan biasa, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

(h) Pelaburan Harta Tanah

Pelaburan harta tanah adalah harta tanah yang dipegang untuk memperolehi pendapatan sewa atau peningkatan modal atau kedua-duanya, dan bukan untuk tujuan pengeluaran atau pembekalan bagi barangan atau perkhidmatan, pentadbiran atau operasi perniagaan.

Harta tanah yang disewakan kepada syarikat-syarikat subsidiari LTAT untuk menjalankan operasi perniagaan dianggap sebagai diduduki sendiri dan bukan pelaburan harta tanah. Pelaburan harta tanah terdiri daripada pelaburan harta tanah yang telah siap dan harta tanah yang sedang dibina atau dibangunkan untuk kegunaan masa hadapan.

Pelaburan harta tanah pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urus niaga. Pelaburan harta tanah dalam pembinaan diukur pada nilai saksama, atau apabila nilai saksama tidak dapat ditentukan dengan tepat, diukur pada kos ditolak rosot nilai.

Amaun dibawa termasuk kos menggantikan sebahagian pelaburan harta tanah yang wujud pada masa kos ditanggung jika kriteria pengiktirafan dipenuhi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(h) Pelaburan Harta Tanah (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan harta tanah diukur pada nilai saksama, yang ditentukan oleh Kumpulan dan LTAT dengan merujuk kepada bukti pasaran harga urus niaga bagi harta tanah yang serupa, dan penilaian dilakukan oleh penilai bebas berdaftar yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman terkini di lokasi dan kategori harta tanah yang dinilai. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama pelaburan harta tanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun ianya berlaku.

Pelaburan harta tanah dinyah iktiraf apabila ia telah dilupuskan atau apabila pelaburan harta tanah tersebut ditarik balik penggunaan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada pelupusan berkenaan. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh pelaburan harta tanah dinyah iktiraf.

Pemindahan dibuat kepada atau daripada pelaburan harta tanah hanya apabila terdapat perubahan dalam penggunaan. Bagi pindahan daripada pelaburan harta tanah kepada harta tanah yang diduduki pemilik, kos yang dianggarkan bagi perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam penggunaan. Bagi pindahan daripada harta tanah yang diduduki pemilik kepada pelaburan harta tanah, harta tanah diambil kira mengikut dasar perakaunan untuk harta tanah, loji dan peralatan pada tarikh perubahan dalam penggunaan.

(i) Pajakan

(i) Pajakan Kewangan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika terdapat perpindahan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan kepada Kumpulan. Pajakan kewangan adalah dipermodalkan di permulaan pajakan pada nilai saksama aset pajakan atau, yang rendah pada nilai semasa pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos langsung permulaan adalah ditambah kepada amaun dipermodalkan. Bayaran pajakan adalah diperuntukkan di antara caj kewangan dan pengurangan ke atas liabiliti pajakan untuk mencapai kadar faedah yang tetap bagi baki liabiliti. Caj kewangan dicaj ke untung atau rugi. Sewaan luar jangka dicaj ke perbelanjaan dalam tempoh ia ditanggung, jika ada.

Aset pajakan disusut nilai sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaannya. Walau bagaimanapun, jika terdapat ketidakpastian bahawa Kumpulan tidak akan memperolehi pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut akan disusut nilai ke atas baki tempoh anggaran jangka hayat kegunaan dan tempoh pajakan.

(ii) Pajakan Operasi

Pajakan aset-aset yang mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajak adalah dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan ke dalam untung atau rugi menggunakan asas kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Faedah insentif agregrat yang diperuntukkan oleh pemberi pajakan diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewaan sepanjang tempoh pajakan menggunakan asas kaedah garis lurus.

(j) Aset-Aset Tidak Ketara

(i) Muhibah

Muhibah pada mulanya diukur pada kos, adalah merupakan lebihan agregat pertimbangan belian yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf bagi kepentingan bukan mengawal, sebarang kepentingan yang dipegang sebelum ini, ke atas aset bersih yang yang diperolehi dan liabiliti yang dianggarkan. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos ditolak rosot nilai terkumpul. Muhibah tidak dilunaskan, walau bagaimanapun dikaji semula untuk rosot nilai sekurang-kurangnya setahun sekali dan apabila berlaku sesuatu atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa amaun dibawa mungkin terjejas.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(j) Aset-Aset Tidak Ketara (sambungan)

(i) Muhibah (sambungan)

Apabila muhibah membentuk sebahagian daripada unit janaan tunai dan sebahagian daripada operasi unit janaan tunai itu dilupuskan, muhibah yang berkaitan dengan operasi yang dilupuskan itu dimasukkan sebagai amaun dibawa operasi apabila menentukan keuntungan atau kerugian pelupusan operasi. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan tersebut diukur berdasarkan nilai saksama relatif operasi yang dilupuskan dan bahagian lebihan unit janaan tunai dipegang.

(ii) Perisian Komputer

Kos berkaitan penyelenggaraan program perisian komputer diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ianya berlaku. Kos pembangunan yang terlibat secara langsung dalam mereka bentuk dan penggujian produk perisian yang boleh dikenal pasti dan perisian khusus yang dikawal oleh Kumpulan diiktiraf sebagai aset tidak ketara apabila kriteria berikut dipenuhi:

- dilakukan secara teknikal bagi menyiapkan produk perisian supaya ianya boleh digunakan;
- pengurusan bercadang untuk menyiapkan produk perisian dan menggunakan atau menjualnya;
- mempunyai keupayaan untuk menggunakan atau menjual produk perisian;
- menunjukkan bagaimana produk perisian akan menjana kemungkinan faedah ekonomi masa hadapan;
- kepakaran teknikal yang mencukupi, kewangan dan lain-lain sumber bagi menyiapkan pembangunan dan untuk menggunakan atau menjual produk perisian yang tersedia; dan
- perbelanjaan yang terlibat bagi produk perisian semasa pembangunannya boleh diukur dengan tepat.

Kos langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian adalah termasuk kos pembangunan perisian dan kos overhed yang relevan.

Lain-lain perbelanjaan pembangunan yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ianya berlaku. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya.

Kos pembangunan perisian komputer dikira sebagai aset yang dilunaskan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan sepanjang anggaran hayat kegunaannya iaitu selama 5 tahun.

(iii) Hak Konsesi

Sebuah sub subsidiari Kumpulan telah diberikan konsesi yang berkaitan dengan penswastaan makmal perubatan dan Stor Kementerian Kesihatan bagi pengagihan produk perubatan terpilih kepada hospital milik Kerajaan selama 11 tahun sejak 1998. Konsesi ini telah dilanjutkan lagi bagi tempoh 10 tahun bermula 1 Disember 2009.

Hak untuk konsesi ini diambil alih merupakan sebahagian daripada penyatuan perniagaan dan pengiktirafan awal diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Nilai saksama hak konsesi dikira dengan mendiskaunkan anggaran aliran tunai bersih masa hadapan yang akan dijana dari tarikh pengambilalihan sehingga tempoh hak konsesi berakhir pada 30 November 2019.

Nilai saksama konsesi dilunaskan pada asas garis lurus sepanjang baki tempoh kontrak konsesi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(j) Aset-Aset Tidak Ketara (sambungan)

(iv) Pembangunan Dan Penyelidikan

Perbelanjaan penyelidikan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos yang dikenakan ke atas projek pembangunan (berkaitan dengan reka bentuk dan pengujian produk baharu dan lebih baik) diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut telah dipenuhi:

i. secara teknikal boleh dilaksanakan untuk menyiapkan aset tidak ketara supaya ia tersedia untuk digunakan atau dijual;

ii. pihak pengurusan berhasrat untuk menyiapkan aset tidak ketara dan menggunakan atau menjualnya;

iii. terdapat keupayaan untuk menggunakan atau menjual aset tak ketara;

iv. ia dapat ditunjukkan bagaimana aset tidak ketara akan menjana manfaat ekonomi masa depan yang mungkin;

v. sumber teknikal, kewangan dan lain-lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan menggunakan atau menjual aset tidak ketara yang sedia ada; dan

vi. perbelanjaan yang boleh dikaitkan dengan aset tidak ketara semasa pembangunannya boleh diukur dengan pasti.

Perbelanjaan pembangunan lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos pembangunan sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh yang berikutnya.

Kos pembangunan yang dipermodalkan diiktiraf sebagai aset tidak ketara dilunaskan dari tempoh di mana aset tersebut sedia untuk digunakan secara garis lurus sepanjang hayat kegunaannya, tidak melebihi 15 tahun.

(v) Hak Untuk Membekal

Perbelanjaan yang ditanggung dalam menyedia dan membekalkan perkakasan dan perisian tertentu kepada Kerajaan Malaysia menjadi sebahagian daripada obligasi kontrak biasa di bawah perjanjian konsesi, ianya dipermodalkan dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan sebarang rosot nilai terkumpul. Perbelanjaan ini dilunaskan sepanjang tempoh konsesi 20 tahun. Hak konsesi perkakasan dan perisian ini adalah milik Kerajaan Malaysia.

(vi) Lesen Pengilang Farmasi, Nama Dagangan, Harta Intelek dan Perisian

Lesen pengilang farmasi dan nama dagangan diperolehi semasa penggabungan perniagaan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.

Lesen pengilang farmasi mewakili hak untuk mengilang produk farmaseutikal di Malaysia dan Indonesia. Lesen tersebut mempunyai jangka hayat yang terhad dan dibawa pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai.

Pelunasan dikira menggunakan kaedah garis lurus bagi memperuntukkan kos lesen pengilang farmasi dalam tempoh 6 hingga 9 tahun.

Nama dagangan mewakili produk tempatan yang berjenama dan mempunyai jangka hayat yang terhad dan dibawa pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai. Pelunasan adalah dikira menggunakan kaedah garis lurus bagi memperuntukkan kos nama dagangan dalam tempoh 15 tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(j) Aset-Aset Tidak Ketara (sambungan)

(vi) Lesen Pengilang Farmasi, Nama Dagangan, Harta Intelek dan Perisian (sambungan)

Harta intelek merupakan hak paten untuk formula stevia dan mempunyai jangka hayat terhad dan kos yang dibawa ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai. Pelunasan dikira dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk memperuntukkan kos harta intelek dalam tempoh 15 tahun.

(vii) Aset Tidak Ketara Dikenal Pasti Yang Timbul Daripada Penggabungan Perniagaan

Aset tidak ketara dikenal pasti yang timbul daripada penggabungan perniagaan adalah diiktiraf pada kos. Kos bagi aset tidak ketara yang diambil alih daripada penggabungan perniagaan adalah pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Nilai saksama bagi aset tidak ketara biasanya ditentukan menggunakan pendekatan pendapatan seperti kaedah aliran tunai didiskaunkan. Aset tidak ketara dengan jangka hayat kegunaan yang terhad dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaan ekonominya. Aset tidak ketara dengan jangka hayat kegunaan yang tidak terhad tidak akan dilunaskan. Secara amnya, aset tidak ketara yang dikenal pasti dikaji semula bagi petunjuk rosot nilai atau perubahan dalam anggaran manfaat ekonomi masa hadapan.

Sekiranya petunjuk itu wujud, aset tidak ketara dianalisa untuk dinilai sama ada amaun dibawa boleh diperoleh semula sepenuhnya. Rosot nilai diiktiraf jika amaun dibawa melebihi amaun boleh diperoleh semula. Aset tidak ketara dengan jangka hayat kegunaan tidak terhad akan diuji bagi rosot nilai setiap tahun dan apabila terdapat petunjuk bahawa aset mungkin terjejas nilainya.

Aset tidak ketara dikenal pasti yang timbul daripada penggabungan perniagaan terdiri daripada jenama dan perhubungan pelanggan. Jenama dan perhubungan pelanggan dilunaskan sepanjang jangka hayat kegunaannya selari dengan corak yang menyumbang kepada aliran tunai masa hadapan seperti berikut:-

Jenama	- 3 tahun
Perhubungan pelanggan	- 7 tahun

(k) Rosot Nilai Dan Peruntukan Kerugian Kredit Dijangka Aset Kewangan

Dasar perakaunan diterima pakai dari 1 Januari 2018

Bagi akaun belum terima perdagangan dan aset kontrak, Kumpulan dan LTAT menggunakan pendekatan yang mudah dalam mengira peruntukan kerugian kredit dijangka. Oleh itu, Kumpulan dan LTAT tidak menjejaki perubahan dalam risiko kredit, tetapi mengiktiraf peruntukan kerugian berdasarkan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat pada setiap tarikh pelaporan. Kumpulan dan LTAT telah menetapkan matrik peruntukan berdasarkan sejarah kerugian kredit, diselaraskan pada faktor-faktor hadapan khusus kepada akaun belum terima dan persekitaran ekonomi.

Kumpulan dan LTAT menganggap aset kewangan itu gagal apabila bayaran kontrak melebihi 90 hari selepas tamat tempoh. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, Kumpulan dan LTAT juga boleh mempertimbangkan aset kewangan adalah gagal apabila maklumat dalaman atau luaran menunjukkan bahawa Kumpulan dan LTAT tidak mungkin menerima jumlah kontrak yang belum dijelaskan sepenuhnya, sebelum mengambil kira sebarang peningkatan kredit yang dipegang oleh Kumpulan dan LTAT. Aset kewangan dihapus kira apabila tiada jangkaan yang munasabah untuk memulihkan aliran tunai kontrak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(k) Rosot Nilai Dan Peruntukan Kerugian Kredit Dijangka Aset Kewangan (sambungan)

Dasar perakaunan yang digunakan sebelum 1 Januari 2018

1) Aset Kewangan

a) Aset kewangan yang dibawa pada kos dilunaskan

Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa rosot nilai wujud bagi aset kewangan yang dibawa pada kos pelunasan, Kumpulan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang dan keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran. Bagi sesetengah kategori aset kewangan, seperti akaun belum terima perdagangan, aset yang dinilai tidak terjejas secara individu kemudiannya dinilai untuk rosot nilai secara kolektif berdasarkan ciri-ciri risiko yang sama. Bukti objektif rosot nilai untuk portfolio akaun belum terima termasuk pengalaman masa lepas Kumpulan dalam memungut pembayaran, peningkatan bilangan bayaran lewat dalam portfolio yang melebihi purata tempoh kredit dan perubahan yang dapat dilihat dalam keadaan ekonomi negara atau tempatan yang berhubung kait dengan kegagalan dalam penerimaan balik bayaran.

Jika terdapat bukti objektif bahawa rosot nilai ke atas aset kewangan yang dibawa pada kos dilunaskan telah berlaku, amaun kerugian diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan dan anggaran nilai semasa aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset kewangan tersebut. Rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun dibawa aset kewangan dikurangkan oleh rosot nilai secara langsung untuk semua aset kewangan kecuali akaun belum terima perdagangan, di mana amaun dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Apabila akaun belum terima perdagangan tidak boleh dipungut, ia akan dihapus kira daripada akaun elaun.

Jika dalam tempoh berikutnya, amaun rosot nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf, rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya diselaraskan ke tahap di mana amaun dibawa aset tidak melebihi kos pelunasan pada tarikh diselaraskan. Amaun yang diselaraskan diiktiraf dalam untung atau rugi.

b) Aset Kewangan sedia untuk dijual

Bagi instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia untuk dijual, penurunan dalam nilai saksama daripada kos yang signifikan atau berlanjutan, kesukaran kewangan signifikan pihak yang menerbit atau menanggung obligasi, dan ketiadaan pasaran urus niaga aktif adalah pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan telah terjejas.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual terjejas, suatu amaun yang terdiri daripada perbezaan antara kos pengambilalihan (nilai bersih bayaran pokok dan pelunasan) dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dalam untung atau rugi, dipindahkan daripada pendapatan komprehensif lain dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Rosot nilai ke atas pelaburan ekuiti sedia untuk dijual tidak diselaraskan dalam untung atau rugi dalam tempoh berikutnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas rosot nilai diiktiraf dalam penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(l) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Amaun dibawa untuk aset-aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh pelaporan bagi mengenal pasti sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Jika terdapat tanda-tanda rosot nilai, amaun dibawa akan terus disusutkan kepada jumlah diperolehi semula. Rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali bagi aset yang dinilai semula, di mana penilaian semula dibawa ke pendapatan komprehensif lain.

Untuk tujuan menilai rosot nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah yang mana terdapat aliran tunai yang dapat dikenal pasti secara berasingan (Unit Penjanaan Tunai atau CGU).

Amaun yang boleh diperolehi daripada aset atau Unit Penjanaan Tunai (CGU) adalah lebih besar daripada nilai saksama yang ditolak kos pelupusan dan nilai kegunaan. Dalam menilai nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dihasilkan oleh aset didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa mengenai nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Rosot nilai diiktiraf sekiranya amaun dibawa aset atau CGU berkaitannya melebihi anggaran amaun yang boleh diperolehi semula.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya diselaraskan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk penentuan jumlah aset yang boleh diperolehi semula apabila rosot nilai terakhir diiktiraf. Jika itu berlaku, amaun aset dibawa dinaikkan kepada jumlah yang boleh diperolehi semula. Peningkatan tidak boleh melebihi amaun dibawa yang mungkin telah ditentukan (ditolak susut nilai), sekiranya tiada rosot nilai diiktiraf sebelum ini. Pelarasan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali aset tersebut diukur pada amaun dinilai semula, di mana pelarasan dianggap sebagai peningkatan penilaian semula. Rosot nilai ke atas muhibah tidak diselaraskan dalam tempoh berikutnya.

(m) Instrumen Kewangan Derivatif

Instrumen kewangan derivatif pada permulaannya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimasuki dan kemudiannya dinilai semula pada nilai saksama pada setiap akhir tempoh pelaporan. Nilai saksama diperolehi daripada harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran yang aktif, termasuk urus niaga pasaran terkini, serta teknik penilaian, termasuk model aliran tunai yang didiskaunkan dan model harga pilihan, yang mana sesuai. Semua derivatif dikelaskan sebagai aset apabila mempunyai nilai saksama yang positif manakala sebagai liabiliti apabila nilai saksamanya adalah negatif.

Risiko kadar faedah adalah risiko yang wujud apabila berlaku perubahan yang ketara terhadap kadar faedah yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan memberi kesan terhadap pulangan faedah/keuntungan yang disimpan di institusi perbankan tersebut.

LTAT hanya membuat simpanan deposit berdasarkan garis panduan polisi dan prosedur dalaman LTAT dengan institusi perbankan yang diluluskan sahaja bagi menangani risiko ini disamping membuat simpanan deposit tidak melebihi jangka masa 1 tahun.

Analisa penyimpanan deposit mengikut jangka masa:

Tahun/ Jenis Simpanan	Kurang dari 3 bulan RM'000
2018	
Deposit	**117,057**
Wang tunai dan baki bank	**15,140**
2017	
Deposit	130,070
Wang tunai dan baki bank	23,503

Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan

(a) Boustead Holdings Berhad (BHB)
(b) Power Cables Malaysia Sdn. Bhd. (PCMSB)
(c) Irat Properties Sdn. Bhd. (IPSB)
(d) Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)
(e) Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)
(f) Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)

Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan adalah terdedah kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko kecairan dan aliran tunai, risiko kadar faedah, risiko kredit, risiko pasaran dan risiko pertukaran mata wang. Objektif pengurusan risiko-risiko kewangan tersebut adalah untuk memastikan wujudnya penambahan nilai kepada pemegang-pemegang saham dengan meminimumkan kemungkinan kesan-kesan yang bertentangan dan menggugat prestasi kewangan syarikat.

(i) Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

Pengurusan risiko kecairan diamalkan secara cermat dan berhati-hati dengan mengekalkan dana pembiayaan yang ada melalui kemudahan kredit komited yang mencukupi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

47. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)

(i) Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai (sambungan)

Analisis profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan berdasarkan kontrak aliran tunai tidak terdiskaun adalah seperti di jadual berikut:

Kumpulan	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara 1-5 tahun RM'000
2018			
Pemiutang	**2,880,118**	**2,794,613**	**85,505**
2017			
Pemiutang	2,765,261	2,619,045	146,216

(ii) Risiko Kadar Faedah

Operasi PCMSB dan PPHM adalah dibiayai oleh aliran tunai dari operasi dan pinjaman-pinjaman di dalam Ringgit Malaysia (RM). Polisi kepada risiko ini adalah untuk memperolehi profil kadar faedah yang wajar melalui penggabungan kemudahan perbankan yang berkadar tetap dan berubah.

Kumpulan	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000
2018		
Deposit	**11,300**	**49,882**
Wang tunai dan baki bank	**781,848**	**698,614**
2017		
Deposit	49,882	49,882
Wang tunai dan baki bank	698,614	698,614

(iii) Risiko Kredit

Pendedahan kepada risiko kredit dikawal dengan usaha melaburkan aset-aset tunai di dalam pelaburan yang terjamin dan menguntungkan. Risiko kredit juga dikawal dengan menetapkan had kredit, mendapatkan jaminan bank di mana sesuai dan memastikan bahawa jualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan yang hanya mempunyai sejarah kredit yang bersesuaian dan melaksanakan semakan berkala ke atas kedudukan kewangan pelanggan. BHB dan PCMSB beranggapan tiada kerugian risiko kredit yang matang yang dijangkakan terbit daripada kemungkinan kegagalan pelanggan menjelaskan hutang.

(iv) Risiko Pasaran

Untuk pembelian produk utama, PCMSB menetapkan paras-paras harga tetap dan berubah yang wajar dan di mana sesuai, mendapatkan bekalan fizikal bagi mencapai paras-paras harga tersebut.

47. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)

(v) Risiko Pertukaran Mata Wang

Kumpulan BHB adalah terdedah kepada risiko mata wang asing disebabkan aktiviti-akitiviti operasi biasa, luaran dan antara Kumpulan BHB di mana mata wang denominasi berbeza dengan mata wang tempatan, Ringgit Malaysia (RM). Polisi Kumpulan BHB adalah untuk meminimumkan pendedahan operasi subsidiari-subsidiari/aktiviti-aktiviti luar negara kepada risiko transaksi dengan memadankan hasil mata wang tempatan dengan kos mata wang tempatan. Mata wang-mata wang yang menyebabkan tertimbulnya risiko ini terutamanya ialah US Dolar, Euro dan *Great Britain Pound*. Pendedahan terhadap pertukaran mata wang asing sentiasa dipastikan berada pada tahap yang boleh diterima.

(g) Affin Bank Berhad (ABB)

Kumpulan ABB telah menetapkan objektif dan polisi untuk mengurus risiko yang timbul ke atas instrumen-instrumen kewangan. Rangka kerja dan polisi-polisi pengurusan risiko Kumpulan ABB adalah berpandukan kepada objektif-objektif khusus untuk memastikan polisi-polisi pengurusan risiko yang komprehensif dan mencukupi ditetapkan untuk menangani elemen-elemen risiko-risiko utama dalam operasi Kumpulan ABB. Penentuan objektif pengurusan risiko kewangan secara menyeluruh adalah konsisten dan sejajar dengan strategi untuk mewujud dan meningkatkan nilai pemegang-pemegang saham dengan rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh dan berhemat.

Dalam mencapai objektif untuk mendapatkan pulangan maksimum bagi pemegang-pemegang saham, Lembaga Pengarah Kumpulan ABB bertanggungjawab untuk mengenal pasti elemen-elemen risiko dalam operasinya. Dengan pelbagai risiko yang dihadapi, terutamanya dalam operasi kumpulan di sektor perbankan, penekanan yang lebih diberikan kepada pentingnya pengurusan risiko yang mempunyai mekanisma yang jelas, komprehensif dengan strategi-strategi bagi mengenal pasti, mengawasi, mengurus dan mengawal faktor-faktor risiko yang relevan.

(i) Risiko Pasaran

Risiko pasaran ditakrifkan sebagai perubahan dalam nilai pasaran dagangan atau pelaburan yang wujud daripada pergerakan dalam faktor pasaran seperti kadar faedah, kadar pertukaran asing dan kadar turun naik yang tersembunyi. Kumpulan ABB terdedah kepada risiko pasaran sebahagian besarnya disebabkan oleh risiko kadar faedah dan kadar pertukaran asing.

Risiko pasaran mungkin timbul daripada risiko Pasaran dan aktiviti pelaburan (termasuk keperluan tujuan kecairan) seperti yang dinyatakan dalam Buku Perdagangan dan Pelaburan.

Rangka kerja Pengurusan Risiko Pasaran mentadbir aktiviti risiko pasaran Kumpulan ABB yang disokong oleh dasar-dasar, garis panduan dan peraturan pengurusan risiko pasaran yang diluluskan.

Parameter Kawalan Risiko ditubuhkan berdasarkan risiko yang boleh diterima, kecairan pasaran dan strategi perniagaan serta keadaan ekonomi makro. Parameter ini disemak sekurang-kurangnya sekali setahun.

Risiko pasaran wujud daripada Buku Dagangan adalah dikawal melalui Henti-rugi (‘Stop-loss’) dan Nilai Berisiko (‘VaR’) Parameter Kawalan Risiko.

Risiko kadar faedah diukur dengan menganalisa ketidakpadanan di antara perletakan kadar aset sensitif dan kadar liabiliti sensitif. Risiko-Pada-Pendapatan (‘EaR’) atau simulasi Pendapatan Faedah Bersih akan dilaksanakan untuk menilai perubahan dalam keuntungan jangka pendek di bawah pelbagai kadar. Kemungkinan kesan jangka panjang pendedahan keseluruhan dikesan dengan menilai kesan ke atas Nilai Ekonomi Ekuiti (‘EVE’), juga dikenali sebagai Nilai Ekonomi Berisiko (‘EVaR’). Had bagi EaR dan EVaR adalah ditetapkan sebagai panduan pengurusan.

Ujian tekanan berkala dilaksana untuk menentukan risiko pasaran yang timbul daripada kebarangkalian pergerakan pasaran yang tidak normal.

47. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)

(g) Affin Bank Berhad (ABB) (sambungan)

(ii) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah kebarangkalian kerugian kewangan yang disebabkan oleh kegagalan pelanggan untuk menyelesaikan obligasi kewangan dan kontrak melalui aktiviti pinjaman atau pembiayaan, lindung nilai, perdagangan dan aktiviti pelaburan. Ia termasuklah pra-penyelesaian dan risiko penyelesaian rakan niaga perdagangan. Risiko kredit berasal daripada pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan komitmen pinjaman/pembiayaan yang timbul daripada aktiviti-aktiviti pinjaman dan juga melalui transaksi kewangan dengan rakan niaga termasuklah aktiviti pasaran wang antara bank serta instrumen derivatif yang digunakan untuk tujuan lindung nilai dan sekuriti hutang.

Pengurusan risiko kredit dalam Kumpulan ABB ditadbir oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit yang disokong oleh satu polisi kredit, garis panduan dan prosedur yang diluluskan dalam memastikan objektif pinjaman keseluruhannya adalah mematuhi keperluan dalaman dan peraturan. Perniagaan baharu dan sedia ada ditadbir oleh Pelan Kredit yang dibangunkan sebagai sebahagian daripada proses perancangan perniagaan dan belanjawan tahunan. Pelan Kredit disemak semula sekurang-kurangnya setahun sekali bagi memastikan garis panduan dan kriteria mencerminkan persekitaran pasaran dan strategi portfolio. Kuasa melulus diwakilkan kepada Pengurusan Senior dan Kumpulan Jawatankuasa Kredit untuk melaksanakan polisi-polisi kredit dan memastikan piawaian-piawaian pemberian kredit yang kukuh. Lembaga Pengkaji Kredit dan Jawatankuasa Pemulihan mempunyai kuasa veto.

Fungsi Pengurusan Kredit Kumpulan yang bebas diketuai oleh Ketua Pegawai Kredit Kumpulan dengan kuasa pelaporan langsung kepada GCEO untuk memastikan penilaian kredit dan proses kelulusan yang munasabah. Pengurusan Risiko Kumpulan dengan kuasa pelaporan langsung kepada Lembaga Pengurusan Risiko Kumpulan dan Jawatankuasa Pematuhan mempunyai tanggungjawab berfungsi dalam pengurusan risiko kredit, untuk memastikan kepatuhan kepada standard risiko dan disiplin.

(iii) Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko disebabkan ketidakupayaan bank untuk membiayai kenaikan dalam aset dan memenuhi kewajipan apabila tiba masanya tanpa mengalami kerugian yang tidak boleh diterima. Risiko kecairan termasuk ketidakupayaan untuk menguruskan pengurangan atau perubahan secara drastik dalam sumber pembiayaan. Risiko kecairan juga timbul daripada kegagalan untuk mengenal pasti perubahan keadaan pasaran yang menjejaskan keupayaan untuk mencairkan aset-aset dengan cepat dengan nilai kerugian yang minimum.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kecairan mentadbir aktiviti pengurusan risiko kecairan Kumpulan ABB. Objektif pengurusan risiko kecairan adalah untuk memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi untuk memenuhi obligasi kontrak dan undang-undang tanpa menanggung kerugian yang tidak boleh diterima serta untuk menjalankan urus niaga yang baharu. Proses pengurusan kecairan Kumpulan ABB melibatkan pengwujudan polisi-polisi risiko kecairan, had prudential, pemantauan had risiko kecairan, ujian tekanan dan pengwujudan pelan pembiayaan luar jangka. Tindakan pengurusan risiko kecairan ini adalah tertakluk kepada kajian semula bagi memastikan relevan dalam konteks keadaan pasaran semasa dan landskap kawal selia.

Pengurusan risiko kecairan jangka pendek Kumpulan ABB berdasarkan kepada piawaian akhir Nisbah Kecairan Perlindungan ('LCR') BNM. LCR adalah keperluan kuantitatif yang bertujuan untuk memastikan Kumpulan ABB memegang aset kecairan berkualiti tinggi ('HQLA') yang mencukupi untuk menghadapi senario tekanan yang signifikan sepanjang tempoh 30 hari.

Profil risiko kecairan jangka panjang dinilai melalui Nisbah Bersih Pembiayaan Stabil ('NSFR') yang menggalakkan daya tahan sepanjang tempoh yang lebih lama bagi Kumpulan ABB untuk membiayai aktiviti-aktiviti dengan sumber pembiayaan kewangan yang lebih stabil secara berterusan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

47. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)

(g) Affin Bank Berhad (ABB) (sambungan)

(iii) Risiko Kecairan (sambungan)

Kumpulan ABB juga menggunakan petunjuk risiko kecairan sebagai petanda awal mengenai sebarang perubahan struktur pengurusan risiko kecairan. Petunjuk risiko kecairan termasuk petunjuk kualitatif dan kuantitatif dalaman dan luaran.

Ujian tekanan kecairan akan dilakukan secara berkala dan secara *ad-hoc* untuk mengukur ketahanan Kumpulan ABB sekiranya berlaku gangguan kecairan.

Pelan Kontigensi Pembiayaan menyediakan pendekatan yang sistematik dalam menangani gangguan kecairan. Dokumen itu merangkumi strategi-strategi, keputusan pihak berkuasa dan tindakan-tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku krisis kecairan dan kecemasan bagi membolehkan Kumpulan ABB untuk melaksanakan tindakan terhadap gangguan kecairan yang tidak dijangka dengan cara yang cekap dan berkesan.

Lembaga Jawatankuasa Risiko (BRMC) bertanggungjawab ke atas dasar kecairan Kumpulan ABB dan pengurusan strategik kecairan yang telah diwakilkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti Kumpulan ('GALCO'). Jawatankuasa Pengurusan kecairan ('LMC'), yang merupakan Jawatankuasa kecil GALCO, memperkukuhkan fungsi GALCO dengan menghala tumpuan khusus untuk isu-isu kecairan. BRMC bertindak memaklumkan secara kerap berhubung kedudukan kecairan Kumpulan ABB.

Analisis profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan ABB berdasarkan kontrak aliran tunai tidak terdiskaun seperti di jadual berikut:

ABB	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara 1-5 tahun RM'000
2018			
Pemiutang	**1,683,122**	**1,623,054**	**60,068**
2017			
Pemiutang	1,626,956	1,604,232	22,724

(iv) Pengurusan Risiko Operasi

Risiko operasi ditakrif sebagai risiko kerugian langsung dan tidak langsung yang timbul akibat ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, kakitangan dan sistem atau keadaan. Definisi termasuk risiko perundangan dan risiko terdedah kepada tindakan undang-undang dari pelbagai aspek aktiviti-aktiviti Kumpulan ABB, tetapi tidak termasuk strategi perniagaan, risiko reputasi dan sistemik.

Risiko Teknologi Maklumat ("IT") dan siber diuruskan sebagai sebahagian daripada aktiviti-aktiviti risiko operasi. Risiko IT dan siber merangkumi pelbagai bidang kritikal perniagaan seperti keselamatan, ketersediaan, prestasi dan pematuhan.

Rangka Kerja Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan ("GORMC") mengawal pengurusan risiko operasi secara keseluruhan dalam Kumpulan ABB. Rangka Kerja Pengurusan Risiko IT adalah rangka kerja yang diperluas dalam menentukan objektif kawalan dan piawaian minimum untuk membantu Jabatan IT / kakitangan yang berkaitan dalam mengurus risiko IT dan siber dalam operasi harian. Skop Rangka Kerja Pengurusan Risiko IT merangkumi tadbir urus risiko, pendekatan pengurusan risiko, proses pengurusan risiko, alat pengurusan risiko dan pengendalian yang dikecualikan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

47. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)

(g) Affin Bank Berhad (ABB) (sambungan)

(iv) Pengurusan Risiko Operasi (sambungan)

BRMC meluluskan semua perubahan polisi-polisi atau polisi yang berkaitan dengan risiko operasi. GORMC menyokong BRMC bagi meneliti dan memantau risiko operasi dan menyediakan forum untuk berbincang dan mengurus segala aspek risiko operasi termasuk kelemahan kawalan.

Fungsi Pengurusan Risiko Operasi ('ORM') dan Pengurusan Risiko IT ('ITRM') dalam lingkungan GRM beroperasi secara bebas untuk memudahkan unit perniagaan / sokongan menguruskan risiko dalam aktiviti yang berkaitan dengan fungsi operasi dan IT bagi Kumpulan ABB.

Risiko operasi diuruskan setiap hari melalui sistem dan proses yang telah ditetapkan untuk memastikan pematuhan terhadap dasar, garis panduan dan prosedur kawalan.

Kumpulan ABB menggunakan alat-alat risiko operasi berikut untuk mengenal pasti risiko dan kawalan dan penilaian:

- Risiko Kawalan Penilaian Diri ("RCSA")
- Piawaian-piawaian Kawalan Utama ("KCS")
- Petunjuk Risiko Utama ("KRI")
- Pangkalan Data Peristiwa Kerugian ("LED")

Analisis senario adalah lanjutan proses penilaian risiko di mana unit perniagaan / sokongan mengenal pasti peristiwa potensi risiko operasi dalam senario yang diberikan, menilai hasil yang berpotensi dan keperluan untuk tambahan kawalan pengurusan risiko atau penyelesaian mitigasi untuk setiap hasil yang berpotensi.

Sistem dan proses IT dinilai dan diuji secara teratur untuk ketahanan dan kesinambungan, dan sistem tersebut selamat daripada ancaman dalaman dan luaran. Risiko IT telah ditentukan secara rasmi sebagai sebahagian daripada penilaian risiko dan pemantauan skop. Risiko IT juga membolehkan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan memahami pendedahan yang lebih mendalam tentang risiko IT dan siber tertentu, mewujudkan penjelasan mengenai keperluan IT dan siber untuk organisasi, mengurus perdagangan dan menentukan keutamaan.

Pengenalan produk atau perkhidmatan baharu dinilai untuk mengenal pasti kesesuaian, potensi risiko dan kesediaan operasi. Penyelaras Risiko Operasi ('ORC') dilantik di unit perniagaan dan sokongan sebagai tunggak aktiviti ORM dalam unit masing-masing. ORC adalah bertanggungjawab untuk melaporkan aktiviti ORM dan berhubung dengan Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan mengenai semua kecacatan dan keputusan operasi.

(v) Risiko Kadar Faedah

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti Kumpulan ABB dikategorikan berdasarkan kontrak penilaian harga semula atau tempoh kematangan, yang mana lebih awal. Jurang di luar penyata kedudukan kewangan menunjukkan komitmen dan luar jangkaan yang sensitif terhadap kadar faedah.

ABB	Amaun dibawa RM'000	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara 1-5 tahun RM'000	Tidak sensitif faedah RM'000
2018				
Deposit	**2,018,470**	**450,000**	**10,000**	**1,777,086**
Wang tunai dan baki bank	**6,331,798**	**3,227,683**	**-**	**919,148**
2017				
Deposit	2,237,086	450,000	10,000	1,777,086
Wang tunai dan baki bank	4,146,831	3,227,683	-	919,148

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

47. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)

(g) Affin Bank Berhad (ABB) (sambungan)

(vi) Risiko Ketidakpatuhan Syariah

Risiko Ketidakpatuhan Syariah ("SNC") adalah risiko sekatan undang-undang atau pengawalseliaan, kesan kerugian kewangan atau bukan kewangan termasuk kerosakan reputasi, yang mungkin dialami oleh Kumpulan ABB akibat kegagalan mematuhi keputusan Majlis Penasihat Syariah ("SAC") Bank Negara Malaysia, piawaian mengenai perkara Syariah yang dikeluarkan oleh BNM menurut Seksyen 29 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, atau keputusan atau nasihat Jawatankuasa Syariah yang selaras dengan keputusan Majlis Penasihat Syariah.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syariah akan mengawal pengurusan risiko SNC di dalam Bank.

Jawatankuasa Syariah ditubuhkan untuk membincangkan isu-isu Syariah dan menyediakan resolusi serta bimbingan. GORMC bersama-sama dengan BRMC dan GBRMC membantu dalam pengawasan Pengurusan Risiko Syariah Kumpulan ABB secara keseluruhan.

Pengurusan Risiko Syariah merupakan sebahagian daripada fungsi kawalan pengurusan risiko bersepadu. Pengurusan Risiko Syariah membantu unit-unit perniagaan dan garis fungsian untuk mengenal pasti semua kemungkinan risiko-risiko SNC dan menyediakan langkah-langkah pencegahan.

Risiko SNC diuruskan secara proaktif dengan alat-alat berikut:

1. Laporan Peristiwa Risiko SNC kepada BNM
   Data ketidakpatuhan syariah dikumpul untuk penilaian, pemantauan dan pelaporan.

2. SNC dan Kawalan Penilaian Diri (RCSA)
   Membantu unit perniagaan dan saluran berfungsi untuk mengenal pasti dan menilai risiko dan kawalan risiko SNC secara sistematik. RCSA dilakukan setiap tahun atau apabila berlaku kejadian penting samada secara dalaman atau luaran.

3. Petunjuk Risiko Utama ("KRI")
   Dengan memantau pendedahan risiko utama bagi risiko SNC dari masa ke masa, ia memberikan amaran awal kepada pengurusan mengenai perubahan dalam persekitaran risiko dan kawalan.

4. Piawaian-piawaian Kawalan Utama ("KCS")
   Untuk mengesahkan keberkesanan langkah kawalan.

(vii) Risiko Perniagaan Berterusan

Risiko perniagaan berterusan adalah risiko kerugian aset, hasil, reputasi dan keyakinan pemegang saham atau pelanggan disebabkan oleh penamatan perkhidmatan dalam perniagaan dan operasi teknologi.

Rangka Kerja Pengurusan Perniagaan Berterusan mentadbir pengurusan isu perniagaan berterusan, selaras dengan Garis Panduan BNM berkenaaan Pengurusan Perniagaan Berterusan ("BCM").

BRMC meluluskan semua polisi dan segala perubahan berkaitan dengan pengurusan perniagaan berterusan. BRMC juga mengkaji, memantau dan membincangkan laporan pengurusan perniagaan berterusan yang dibentangkan dalam mesyuarat. GORMC menyokong BRMC dalam kajian dan pemantauan Risiko Perniagaan Berterusan dan menyediakan forum untuk berbincang dan mengurus segala aspek risiko operasi termasuk kelemahan kawalan.

Fungsi BCM adalah sebuah badan bebas yang menyelia pengurusan risiko perniagaan berterusan secara keseluruhan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

47. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

Syarikat-syarikat subsidiari/Perbadanan (sambungan)

(g) Affin Bank Berhad (ABB) (sambungan)

(vii) Risiko Perniagaan Berterusan (sambungan)

Penilaian Risiko dan Analisis Impak Perniagaan Tahunan adalah wajib dilaksanakan bagi setiap perniagaan dan unit sokongan dalam Kumpulan ABB. Hasil penilaian ini akan dikemukakan kepada senarai risiko yang memerlukan perniagaan dan unit sokongan untuk memperoleh pelan tindakan untuk menangani risiko-risiko tersebut.

Kawalan risiko ditubuhkan melalui pematuhan garis panduan BCM dan piawaian sepanjang pelaksanaan program BCM. Ujian yang ketat terhadap perniagaan berterusan dan pelan pemulihan bencana dilakukan dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan keberkesanan dan kelancaran pelaksanaan rancangan untuk menyambung dan memulihkan perniagaan yang tergendala.

Polisi-polisi dan proses-proses akan dilaksanakan untuk menyokong pemantauan dan laporan risiko perniagaan berterusan.

48. PENGUKURAN NILAI SAKSAMA

(a) Penentuan nilai saksama

Instrumen kewangan merangkumi aset dan liabiliti kewangan. Nilai saksama adalah harga yang akan diterima dari penjualan sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Anggaran nilai saksama instrumen kewangan adalah menghampiri amaun dibawa masing-masing seperti ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan kecuali daripada aset kewangan dan liabiliti kewangan berikut:

			Nilai Saksama			
Kumpulan	**Nota**	**Amaun Dibawa RM'000**	**Tahap 1 RM'000**	**Tahap 2 RM'000**	**Tahap 3 RM'000**	**Jumlah RM'000**
2018						
Aset Kewangan						
Pelaburan pada kos dilunaskan	**16**	**163,027**	**-**	**164,873**	**-**	**164,873**
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**18**	**48,254,072**	**-**	**48,068,915**	**-**	**48,068,915**
Liabiliti Kewangan						
Deposit dari pelanggan	**31**	**57,159,433**	**-**	**57,367,236**	**-**	**57,367,236**
Deposit dari bank dan institusi kewangan	**31**	**4,846,912**	**-**	**4,847,167**	**-**	**4,847,167**
Pinjaman	**31**	**3,053,812**	**-**	**3,095,750**	**-**	**3,095,750**
2017						
Aset Kewangan						
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	18	45,597,267	-	47,927,075	-	47,927,075
Liabiliti Kewangan						
Deposit dari pelanggan	31	50,734,568	-	50,931,606	-	50,931,606

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

48. PENGUKURAN NILAI SAKSAMA (sambungan)

(b) Hierarki nilai saksama

Aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama pada tarikh pelaporan dianalisis mengikut tahap dalam hierarki nilai saksama seperti berikut:

2018	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
Aset Kewangan				
Pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain				
- disebut harga	**617,882**	**-**	**-**	**617,882**
- tidak disebut harga	**-**	**10,697,952**	**708,693**	**11,406,645**
- lain-lain	**-**	**4,432,952**	**-**	**4,432,952**
Pelaburan pada nilai saksama ke untung atau rugi	**303,277**	**345,810**	**118,978**	**768,065**
Aset derivatif	**-**	**88,805**	**-**	**88,805**
	921,159	**15,565,519**	**827,671**	**17,314,349**
Aset Bukan Kewangan				
Pelaburan harta tanah	**-**	**-**	**2,518,878**	**2,518,878**
Aset biologi	**-**	**-**	**15,662**	**15,662**
Liabiliti Kewangan				
Liabiliti derivatif	**-**	**114,951**	**-**	**114,951**
LTAT				
Aset Kewangan				
Pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain				
- disebut harga	**437,065**	**-**	**-**	**437,065**
- tidak disebut harga	**-**	**-**	**537,371**	**537,371**
Pelaburan pada nilai saksama ke untung atau rugi	**280,413**	**-**	**-**	**280,413**
	717,478	**-**	**537,371**	**1,254,849**
Aset Bukan Kewangan				
Pelaburan harta tanah	**-**	**-**	**453,100**	**453,100**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

48. PENGUKURAN NILAI SAKSAMA (sambungan)

(b) Hierarki nilai saksama (sambungan)

2017	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
Aset Kewangan				
Sekuriti sedia untuk dijual				
- disebut harga	1,150,315	-	-	1,150,315
- tidak disebut harga	2,548	9,707,687	862,065	10,572,300
- lain-lain	-	4,405,992	-	4,405,992
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	270,380	59,505	-	329,885
Aset derivatif	-	173,125	-	173,125
	1,423,243	14,346,309	862,065	16,631,617
Aset Bukan Kewangan				
Pelaburan harta tanah	-	-	2,185,281	2,185,281
Liabiliti Kewangan				
Liabiliti derivatif	-	265,720	-	265,720
LTAT				
Aset Kewangan				
Sekuriti sedia untuk dijual				
- disebut harga	780,816	-	-	780,816
- tidak disebut harga	-	-	582,212	582,212
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	161,092	-	-	161,092
	941,908	-	582,212	1,524,120
Aset Bukan Kewangan				
Pelaburan harta tanah	-	-	447,800	447,800

Pada tarikh pelaporan, aset kewangan yang diukur dengan teknik-teknik penilaian menggunakan input yang tidak boleh diperhatikan dengan ketara (Tahap 3) termasuk saham tidak disebut harga.

Bagi kepentingan anggaran, Kumpulan dan LTAT menggunakan pendekatan yang terkini berdasarkan metodologi aliran tunai terdiskaun yang diluluskan untuk penilaian nilai saksama. Pelarasan ini menunjukkan nilai-nilai anggaran yang digunakan oleh Kumpulan dan LTAT bagi penilaian yang dihasilkan berdasarkan ketidaktentuan dalam input adalah sesuai.

Pelaburan harta tanah dinilai semula berdasarkan penilaian profesional bebas yang menggunakan pasaran terbuka sebagai asas penilaian. Penilaian dilaksanakan oleh penilai bebas bertauliah yang mengambil kira pengalaman dari segi lokasi dan kategori harta tanah yang dinilai. Perubahan nilai harta tanah pada Tahap 3 dianalisis secara tahunan apabila laporan penilaian dari penilai bebas diperolehi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

49. OBLIGASI PAJAKAN OPERASI

Kumpulan sebagai Pemajak

Pajakan operasi tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2018 RM'000	2017 RM'000
Tidak melebihi 1 tahun	**43,817**	13,776
Melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	**40,193**	12,874
Melebihi 5 tahun	**20,286**	9,201
	104,296	35,851

Kumpulan dan LTAT sebagai Pemberi Pajak

Kumpulan dan LTAT telah memeterai pajakan harta tanah komersial bagi pelaburan harta tanah. Pajakan yang tidak boleh dibatalkan ini mempunyai baki tempoh pajakan di antara satu hingga enam tahun. Semua pajakan memasukkan klausa yang membolehkan penyemakan semula ke atas caj sewaan apabila pembaharuan pajakan dibuat berdasarkan keadaan pasaran semasa.

Jumlah pembayaran pajakan minimum pada masa hadapan di bawah pajakan operasi tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		LTAT	
	2018 RM'000	2017 RM'000	**2018 RM'000**	2017 RM'000
Tidak melebihi 1 tahun	**97,281**	135,215	**10,567**	27,580
Melebihi 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	**61,010**	67,714	**4,378**	8,008
	158,291	202,929	**14,945**	35,588

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

50. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN

Urus niaga penting antara pihak berkaitan yang berlaku adalah seperti berikut:

	Kumpulan/LTAT	
	2018 RM'000	2017 RM'000
a) Urus niaga dengan syarikat-syarikat subsidiari/perbadanan		
i) Pendapatan		
Faedah daripada pasaran wang	**2,952**	1,663
Keuntungan daripada pasaran wang Perbankan Islam	**14**	134
Faedah daripada Nota Jangka Pertengahan	**18,617**	18,827
Keuntungan daripada Junior Sukuk Musharakah	**9,150**	9,150
Faedah daripada pendahuluan kepada PPHM	**12,351**	3,500
Sewaan	**787**	787
Dividen diterima	**181,200**	311,174
(Kerugian)/Keuntungan penjualan saham	**(65)**	108,403
	225,006	453,638
ii) Perbelanjaan		
Yuran pengurusan penyenggaraan bangunan dan inventori	**580**	744
Penyenggaraan bangunan	**5,357**	3,252
Yuran pengurusan portfolio	**279**	302
Perkhidmatan multimedia	**142**	83
	6,358	4,381
iii) Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari		
Pendahuluan kepada PPHM	**-**	112,000
Penjualan saham	**1,198**	2,501
Faedah/keuntungan terakru daripada deposit dan pasaran wang	**15**	62
Faedah terakru daripada Nota Jangka Pertengahan	**-**	41,227
Faedah terakru daripada pendahuluan kepada PPHM	**15,851**	3,500
Keuntungan terakru daripada Junior Sukuk Musharakah	**88**	88
Dividen belum terima	**145,374**	142,377
Pendapatan daripada pengurusan portfolio	**40**	1
	162,566	301,756
iv) Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari		
Yuran pengurusan penyenggaraan bangunan	**546**	433
Pembelian saham	**-**	8,346
Projek Taman LTAT, Bukit Jalil	**9,684**	8,480
Deposit dan jaminan	**271**	271
Yuran pengurusan portfolio	**64**	76
Pelbagai	**2,268**	566
	12,833	18,172

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

50. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN (sambungan)

b) Urus niaga dengan Kerajaan Malaysia

Boustead Holdings Berhad

i) Pada 10 April 2018, berdasarkan kertas kerja bertarikh 14 Mac 2018 yang diterima daripada Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMENTAH), syarikat sub subsidiari telah melaksanakan penyelenggaraan dan peningkatan Sistem Pengurusan Pertempuran bagi kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan nilai kontrak berjumlah RM44.8 juta. Pendapatan agregat yang diiktiraf bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 berjumlah RM23.4 juta.

Pada 23 Mac 2017, syarikat sub subsidiari telah menandatangani kontrak rasmi dengan Kerajaan Malaysia untuk menyediakan reka bentuk, pembinaan, pemasangan, pentaulihan, integrasi, uji cuba dan penghantaran empat unit pertama Kapal Misi Littoral (LMS) bernilai RM1.2 billion. Syarikat sub subsidiari telah melaksanakan sub-kontrak dengan China Shipbuilding Industry Corporation (CSIC) pada 22 April 2017. Pendapatan agregat diiktiraf di bawah kontrak ini bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 berjumlah RM118.6 juta (2017 : RM138.2 juta).

Pada 19 Mac 2015, syarikat sub subsidiari telah menerima surat lantikan daripada KEMENTAH untuk pentadbiran dan melaksanakan kontrak untuk bekalan dan penghantaran alat ganti, penyelenggaraan, Sokongan Logistik Bersepadu (ILS) dan latihan untuk Skuadron Kapal Ronda ke-17 TLDM untuk tempoh 3 tahun dengan jumlah kontrak bernilai RM96.3 juta. Kontrak ini telah dilanjutkan bagi tempoh 1 tahun. Pendapatan diiktiraf bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 berjumlah RM0.33 juta (2017 : RM0.48 juta).

Pada 7 September 2013, syarikat sub subsidiari telah menerima surat lantikan daripada KEMENTAH untuk membekal dan menghantar alat ganti, perkhidmatan penyelenggaraan dan latihan bagi Skuadron Frigate ke-23 TLDM pada nilai kontrak berjumlah RM70.0 juta. Pendapatan diiktiraf bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 berjumlah RM0.15 juta (2017: RM0.11 juta).

Pada 16 Disember 2011, syarikat sub subsidiari telah menerima surat lantikan daripada KEMENTAH untuk mereka bentuk, membina, melengkap, memasang, mengintegrasi, uji cuba dan menyerahkan 6 unit "*Second Generation Patrol Vessels Littoral Combat Ships (Frigate Class)"* (LCS) pada kontrak bernilai RM9.0 billion. Pendapatan agregat diiktiraf berdasarkan surat lantikan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 berjumlah RM871.7 juta (2017: RM1.0 billion). Kontrak dimuktamadkan pada 17 Julai 2014.

ii) Pada 16 Mac 2011, syarikat sub subsidiari telah menandatangani Perjanjian Konsesi dengan Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tempoh 10 tahun berakhir pada 30 November 2019 bagi hak dan kuasa untuk membeli, menyimpan, membekal dan mengedar produk yang diluluskan (ubat dan bukan ubat yang diluluskan oleh KKM) kepada Pelanggan Sektor Awam seperti hospital kerajaan, pejabat kesihatan, klinik kesihatan, klinik pergigian atau mana-mana institusi kesihatan atau fasiliti lain seumpamanya di Malaysia yang dikendalikan dan dikawal oleh KKM dan seperti yang ditetapkan oleh KKM dari masa ke semasa dan pembangunan Sistem Maklumat Farmasi dan Sistem Farmasi Klinik di hospital dan klinik kerajaan. Pendapatan agregat diiktiraf bagi tahun berjumlah RM1,502.0 juta (2017: RM1,411.0 juta).

Pada 2015, syarikat sub subsidiari telah menandatangani Perjanjian Pembekalan dengan tiga hospital pengajar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), iaitu Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya untuk perkhidmatan pembelian, penyimpanan, membekal dan menghantar ubat dan bukan ubat. Perjanjian Pembekalan akan tamat pada 30 November 2019. Pendapatan agregat diiktiraf bagi tahun berjumlah RM77.0 juta (2017: RM71.0 juta).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

51. PERKARA-PERKARA PENTING

a) Bantuan Bakti Negara

Pada 31 Julai 2017, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pengwujudan dana khas bagi veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak berpencen iaitu Bantuan Bakti Negara (BBN). Penubuhan dana ini bertujuan untuk menzahirkan rasa keprihatinan dan tanggungjawab pihak Kerajaan dalam usaha untuk memastikan kebajikan semua veteran ATM yang telah berkorban untuk menjaga kedaulatan negara terus terpelihara.

Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 30 November 2017 bersetuju supaya LTAT dibenarkan mendahulukan bayaran sehingga RM85.8 juta atau jumlah sebenar yang dibayar, yang mana lebih rendah setiap tahun untuk tempoh tiga (3) tahun pertama bagi pelaksanaan inisiatif BBN dan menyalurkan kepada penerima yang layak. Jumlah pembayaran BBN setakat 31 Disember 2018 berjumlah RM51.9 juta kepada 43,539 penerima yang layak.

Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia telah memberhentikan perlaksanaan inisiatif BBN dan telah mengembalikan pendahuluan bayaran yang telah dibuat oleh LTAT berjumlah RM51.9 juta pada 19 Julai 2019.

b) Boustead Holdings Berhad

i) Syarikat subsidiari telah menerbitkan empat pembiayaan Nota Jangka Pertengahan Islamik (IMTN) di bawah Program Sukuk RM2.0 bilion seperti berikut:

i. RM150 juta pada 24 April 2018, dengan tempoh matang 3 tahun pada kadar keuntungan sebanyak 5.7% setahun;
ii. RM200 juta pada 29 Ogos 2018, dengan tempoh matang 7 tahun pada kadar keuntungan sebanyak 6.2% setahun;
iii. RM150 juta pada 15 Oktober 2018, dengan kematangan 3 tahun pada kadar keuntungan sebanyak 5.7% setahun; dan
iv. RM200 juta pada 30 Januari 2019, dengan tempoh matang 7 tahun pada kadar keuntungan 6.2% setahun.

Semua terbitan adalah sebahagian daripada Program IMTN gabungan RM2.5 bilion bagi tempoh 10 tahun yang mana RM1.0 bilion telah dikeluarkan pada tahun kewangan sebelumnya. Program IMTN tiada kadar ditetapkan dan dilaksanakan di bawah Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berdasarkan *Unlisted Capital Market Products under The Lodge and Launch Framework*. Hasil daripada program IMTN akan digunakan untuk membiayai projek pembangunan harta tanah masa hadapan dan perbelanjaan modal, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan / atau syarikat bersekutu, keperluan modal kerja dan untuk membiayai pinjaman sedia ada syarikat subsidiari.

ii) Pada 24 Januari 2018, CIMB Islamic Trustee Berhad (CITB), yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi Boustead Plantations Berhad (BPB), telah menandatangani perjanjian jual beli dengan pihak-pihak berikut:

i. Sunrich Conquest Sdn Bhd (SCSB) untuk penjualan 82.84 hektar tanah pegangan bebas di Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang untuk pertimbangan tunai berjumlah RM81.1 juta; dan
ii. Titanium Greenview Sdn Bhd (TGSB) untuk penjualan 2 bidang tanah pegangan bebas yang berukuran 56.05 hektar di Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dengan pertimbangan tunai berjumlah RM54.9 juta.

Bayaran deposit berjumlah RM13.6 juta telah dibayar oleh pembeli. Penjualan tanah dijangka selesai pada suku pertama 2019.

iii) Pada 1 Ogos 2018, Boustead Rimba Nilai Sdn Bhd (BRNSB), anak syarikat milik penuh Boustead Plantation Berhad telah menandatangani perjanjian jual beli dengan Sit Seng & Sons Realty Sdn Bhd dan syarikat-syarikat berkaitannya untuk pengambilalihan tanah-tanah ladang kelapa sawit, di Daerah Beluran, Kinabatangan dan Labuk dan Sugut yang merangkumi 17 bidang tanah yang berukuran 12,144.99 ekar (4,915.25 hektar) bersama bangunan dan kilang yang mampu mengeluarkan 75 tan minyak kelapa sawit dalam masa satu jam yang didirikan di atasnya serta aset alih, jentera dan kenderaan untuk pertimbangan tunai berjumlah RM397.0 juta.

BRNSB telah membayar 10% deposit berjumlah RM39.7 juta. Pengambilalihan itu sedang menunggu syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian jual beli dipatuhi sepenuhnya dan dijangka selesai pada suku kedua 2019.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

51. PERKARA-PERKARA PENTING (sambungan)

b) Boustead Holdings Berhad (sambungan)

iv) Pada 28 Disember 2018, CIMB Islamic Trustee Berhad (Plaintif Pertama), pemegang amanah bagi BPB, dan BPB (Plaintif Kedua) memfailkan Writ Saman dan Kenyataan Tuntutan ke atas Setia Fontaines Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Setia Recreation Sdn Bhd) (Defendan) kerana melanggar perjanjian jual beli bertarikh 22 Disember 2016. Tuntutan ini adalah berkaitan dengan kerugian sebanyak RM37.2 juta termasuk cukai barangan dan perkhidmatan (CBP) yang terhutang oleh Defendan bersama dengan kadar faedah 8% setahun dan kos-kos lain yang ditentukan oleh Mahkamah.

Kumpulan, selepas berunding dengan peguam, berpendapat bahawa Kumpulan mempunyai pembelaan yang baik kepada tuntutan oleh Plaintif.

v) Pada tahun ini, MHS Aviation (MHSA) telah bersetuju berkenaan penyelesaian bersama dengan PETRONAS Carigali Sdn Bhd (PCSB) dan semua Rakan Kongsi Bersama berkenaan Notis Timbang Tara yang dikeluarkan oleh MHSA terhadap PCSB pada 1 September 2016. Notis Timbang Tara adalah berkaitan kontrak bertarikh 29 Jun 2011 yang ditandatangani antara MHSA dan PCSB untuk penyediaan Pesawat Sayap Putar, Peralatan dan Perkhidmatan (untuk Pesawat Jenis Bebanan Berat - EC225).

Berikutan penyelesaian, MHSA telah memasuki perjanjian sulit berasingan dengan PCSB dan semua Rakan Kongsi Bersama. Pada 4 April 2018, urusan timbang tara terhadap PCSB telah ditarik balik.

vi) Pada 30 Oktober 2017, Boustead Rimba Nilai Sdn Bhd (BRNSB), anak syarikat milik penuh Boustead Plantation Berhad (BPB), telah menandatangani perjanjian jual beli dengan Pertama Land & Development Sdn Bhd untuk pengambilalihan 42 bidang tanah perladangan yang berukuran 11,579.31 hektar di daerah Labuk dan Sugut, Sabah termasuk semua bangunan, jentera pertanian, kenderaan, peralatan dan kemudahan lain yang terletak di harta tanah tersebut dengan pertimbangan tunai berjumlah RM750.0 juta. Pengambilalihan telah disempurnakan pada 16 Mei 2018.

vii) Pada 22 Disember 2017, anak syarikat milik penuh Kumpulan, Mutiara Rini Sdn Bhd telah menandatangani perjanjian jual beli dengan LTAT untuk membeli tanah berukuran 6.59 hektar yang dipegang di bawah HSD 118499 PT 484 Seksyen 90, Bandar Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk pertimbangan tunai berjumlah RM143.5 juta. Pengambilalihan telah disempurnakan pada 11 Oktober 2018.

viii) Pada 15 Mac 2019, Boustead Hotel & Resorts Sdn Bhd (BHR), anak syarikat milik penuh Boustead Properties Berhad, di mana ianya merupakan anak syarikat milik penuh syarikat subsidiari, menandatangani perjanjian jual beli dengan Every Room A Home Sdn Bhd (Pembeli), untuk cadangan penjualan Hotel Royale Chulan Bukit Bintang yang terletak di 2 petak tanah pegangan bebas yang berukuran 3,189 meter persegi yang terletak di GRN 70145, Lot 1297 dan GRN 70146, Lot 1298, kedua-duanya Seksyen 67, Daerah Kuala Lumpur (Harta) dan perniagaannya, termasuk kelengkapan dan perabot tidak termasuk muhibah, untuk pertimbangan tunai berjumlah RM197.0 juta (Pertimbangan Penjualan) (Cadangan Penjualan). Cadangan Penjualan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

i. Kelulusan Lembaga BHR;
ii. Kelulusan Lembaga Pembeli;
iii. Pembeli melengkapkan amalan ketekunan yang wajar terhadap harta tanah tersebut dan berpuas hati dengan hasilnya;
iv. Kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan; dan
v. Syarat-syarat lain yang ditetapkan di dalam perjanjian jual beli.

Pembeli telah membayar deposit berjumlah RM19.7 juta iaitu 10% daripada Pertimbangan Penjualan. Baki 90% Pertimbangan Penjualan berjumlah RM177.3 juta akan diselesaikan dalam masa 3 bulan dari tarikh perjanjian jual beli atau 1 bulan dari Tarikh Tidak Bersyarat (seperti yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli), yang mana terkemudian. Cadangan Penjualan dijangka selesai pada suku ketiga 2019.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

51. PERKARA-PERKARA PENTING (sambungan)

b) Boustead Holdings Berhad (sambungan)

ix) Pada 23 Mac 2017, sebuah syarikat sub subsidiari menandatangani kontrak rasmi dengan Kerajaan Malaysia untuk menyediakan reka bentuk, pembinaan, pemasangan, pentauliahan, integrasi, uji cuba dan penghantaran empat unit pertama Kapal Misi Littoral (LMS) bernilai RM1.2 bilion. Syarikat sub subsidiari tersebut telah melaksanakan sub-kontrak dengan China Shipbuilding Industry Corporation (CSIC) pada 22 April 2017.

Pada 14 Mac 2019, Kerajaan Malaysia telah bersetuju dan memutuskan untuk melaksanakan semakan semula harga kontrak kepada RM1.0 bilion dan kesemua empat unit LMS ini akan dibina dan diserahkan di China.

52. ANGKA PERBANDINGAN

Persembahan dan klasifikasi item-item tertentu di dalam penyata kewangan ini telah diubah suai. Angka-angka perbandingan bagi item-item tersebut telah dikelaskan semula sejajar dengan tahun semasa.



LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	194
PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN	196
PENYATA PERUBAHAN EKUITI	197
PENYATA ALIRAN TUNAI	199
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	201

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

DITUBUHKAN DIBAWAH AKTA TABUNG ANGKATAN TENTERA 1973 (AKTA 101)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	**31 Disember 2018 RM'000**	31 Disember 2017 (dinyatakan semula) RM'000	1 Januari 2017 (dinyatakan semula) RM'000
ASET				
Aset Bukan Semasa				
Harta tanah, loji dan peralatan	3	**78,694**	81,511	84,429
Inventori	4	**-**	34,560	381,884
Pelaburan harta tanah	5	**453,472**	448,172	426,098
Syarikat-syarikat subsidiari	6	**5,093,506**	5,109,026	5,052,347
Syarikat-syarikat bersekutu	7	**209,958**	209,958	201,539
Pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain	8	**974,436**	-	-
Sekuriti sedia untuk dijual	9	**-**	1,602,520	1,862,817
Pelaburan pada nilai saksama ke untung atau rugi	10	**150,225**	-	-
Sekuriti dipegang hingga matang	11	**-**	150,000	150,000
Pelaburan pada kos dilunaskan	12	**519,285**	-	-
Pinjaman dan akaun belum terima	13	**127,875**	419,887	395,340
Jumlah Aset Bukan Semasa		**7,607,451**	8,055,634	8,554,454
Aset Semasa				
Inventori	4	**1,358,980**	962,722	390,919
Pelaburan pada nilai saksama ke untung atau rugi	10	**130,188**	-	-
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	14	**-**	161,092	135,433
Pinjaman dan akaun belum terima	13	**151,748**	287,251	125,161
Deposit	15	**117,057**	130,070	167,794
Wang tunai dan baki bank		**15,140**	23,503	7,158
Jumlah Aset Semasa		**1,773,113**	1,564,638	826,465
JUMLAH ASET		**9,380,564**	9,620,272	9,380,919

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (sambungan)

PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	**31 Disember 2018 RM'000**	31 Disember 2017 (dinyatakan semula) RM'000	1 Januari 2017 (dinyatakan semula) RM'000
EKUITI DAN LIABILITI				
Ekuiti				
Akaun caruman ahli	16	**8,822,585**	8,787,262	8,616,592
Kumpulan wang rizab	17	**176,452**	175,745	172,332
Rizab pendapatan komprehensif lain		**(169,960)**	-	-
Rizab sekuriti sedia untuk dijual		**-**	22,370	(267,823)
Keuntungan tertahan/(Kerugian terkumpul)		**38,712**	(170,805)	65,949
Jumlah Ekuiti		**8,867,789**	8,814,572	8,587,050
Liabiliti Bukan Semasa				
Liabiliti manfaat kakitangan	18	**67,578**	64,779	73,163
Skim Anuiti Veteran (SAVe)	19	**977**	-	-
Pemiutang	20	**71,358**	9,010	9,631
Liabiliti cukai tertunda	21	**4,621**	-	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		**144,534**	73,789	82,794
Liabiliti Semasa				
Peruntukan faedah unit amanah	22	**-**	188,422	170,726
Pemiutang	20	**368,221**	543,489	540,349
Skim Anuiti Veteran (SAVe)	19	**20**	-	-
Jumlah Liabiliti Semasa		**368,241**	731,911	711,075
JUMLAH LIABILITI		**512,775**	805,700	793,869
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		**9,380,564**	9,620,272	9,380,919

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	**2018 RM'000**	2017 (dinyatakan semula) RM'000
Pendapatan	23	**422,766**	518,288
Pendapatan-pendapatan lain	24	**1,136**	10,166
Jumlah pendapatan bagi tahun		**423,902**	528,454
(Kerugian)/Keuntungan nilai saksama bersih pelaburan pada nilai saksama ke untung atau rugi	25	**(32,083)**	1,289
Rosot nilai dan peruntukan kerugian kredit dijangka	26	**(82,874)**	-
Perbelanjaan kakitangan	27	**(41,092)**	(37,300)
Perbelanjaan operasi	28	**(35,518)**	(28,944)
Susut nilai		**(3,211)**	(3,689)
Untung sebelum cukai dan zakat		**229,124**	459,810
Cukai dan zakat	29	**(8,089)**	(350)
Untung bersih bagi tahun		**221,035**	459,460
Pendapatan komprehensif lain			
Item mungkin/akan dikelas semula ke untung atau rugi			
Keuntungan bersih ke atas sekuriti sedia untuk dijual			
- Perubahan ke atas nilai saksama		**-**	208,495
- Pindah ke untung atau rugi atas jualan		**-**	81,698
		-	290,193
Item tidak akan dikelas semula ke untung atau rugi			
Kerugian bersih pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain			
- Perubahan ke atas nilai saksama		**(146,905)**	-
		(146,905)	-
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain bagi tahun		**(146,905)**	290,193
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		**74,130**	749,653

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	Akaun Caruman Ahli RM'000	Kumpulan Wang Rizab RM'000	Rizab Pendapatan Komprehensif Lain RM'000	Rizab Sekuriti Sedia Untuk Dijual RM'000	Rizab Penilaian Semula Aset RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
2018								
Baki pada 1 Januari, seperti dinyatakan sebelumnya		**8,787,262**	**175,745**	**-**	**22,370**	**32,704**	**259,998**	**9,278,079**
Pelarasan tahun terdahulu	2.3(iii)	-	-	-	-	-	(441,479)	(441,479)
Kesan ke atas Pemakaian MFRS 1	2.3(iii)	-	-	-	-	(32,704)	10,676	(22,028)
Kesan ke atas Pemakaian MFRS 9	2.3(ii)	-	-	22,370	(22,370)	-	(116,688)	(116,688)
Baki pada 1 Januari, seperti dinyatakan semula		**8,787,262**	**175,745**	**22,370**	**-**	**-**	(287,493)	**8,697,884**
Untung bersih bagi tahun		-	-	-	-	-	221,035	221,035
Kerugian komprehensif lain bagi tahun		-	-	(146,905)	-	-	-	(146,905)
Jumlah (kerugian)/ pendapatan komprehensif bagi tahun		-	-	(146,905)	-	-	221,035	74,130
Pindah ke keuntungan tertahan ke atas penyahiktirafan pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain		-	-	(45,425)	-	-	45,425	-
Transaksi dengan pemilik								
Pengasingan dari akaun dorman		(5,702)	-	-	-	-	-	(5,702)
Pindah dari keuntungan tertahan		-	707	-	-	-	(707)	-
Pelarasan caruman/dividen	30	(228,545)	-	-	-	-	228,448	(97)
Caruman diterima pada tahun		883,765	-	-	-	-	-	883,765
Dividen pada kadar 2% dalam tahun		161,180	-	-	-	-	(161,180)	-
Pengeluaran caruman pada tahun		(752,431)	-	-	-	-	-	(752,431)
Pengeluaran perumahan pada tahun		(22,944)	-	-	-	-	-	(22,944)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya		-	-	-	-	-	(6,816)	(6,816)
Jumlah transaksi dengan pemilik		**35,323**	**707**	**-**	**-**	**-**	59,745	**95,775**
Baki pada 31 Disember		**8,822,585**	**176,452**	(169,960)	**-**	**-**	**38,712**	**8,867,789**

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI (sambungan)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	Akaun Caruman Ahli RM'000	Kumpulan Wang Rizab RM'000	Rizab Sekuriti Sedia Untuk Dijual RM'000	Rizab Penilaian Semula Aset RM'000	Kerugian Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
2017							
Baki pada 1 Januari, seperti dinyatakan sebelumnya		8,616,592	172,332	(267,823)	10,676	294,046	8,825,823
Pelarasan tahun terdahulu	2.3(iii)	-	-	-	-	(238,773)	(238,773)
Kesan ke atas Pemakaian MFRS 1		-	-	-	(10,676)	10,676	-
Baki pada 1 Januari, seperti dinyatakan semula		8,616,592	172,332	(267,823)	-	65,949	8,587,050
Untung bersih bagi tahun		-	-	-	-	459,460	459,460
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun		-	-	290,193	-	-	290,193
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		-	-	290,193	-	459,460	749,653
Transaksi dengan pemilik							
Pengasingan ke akaun dorman		(17,068)	-	-	-	-	(17,068)
Pindah dari keuntungan tertahan		-	3,413	-	-	(3,413)	-
Pelarasan caruman	30	(78)	-	-	-	17	(61)
Caruman diterima pada tahun		870,314	-	-	-	-	870,314
Dividen pada kadar 6% pada tahun dan pada kadar 6% atas pengeluaran		498,384	-	-	-	(498,384)	-
Pengeluaran caruman pada tahun		(1,160,735)	-	-	-	-	(1,160,735)
Pengeluaran perumahan pada tahun		(20,147)	-	-	-	-	(20,147)
Faedah unit amanah pada kadar 6.5% pada tahun		-	-	-	-	(188,422)	(188,422)
Bayaran di bawah skim faedah kematian dan hilang upaya		-	-	-	-	(6,012)	(6,012)
Jumlah transaksi dengan pemilik		170,670	3,413	-	-	(696,214)	(522,131)
Baki pada 31 Disember		8,787,262	175,745	22,370	-	(170,805)	8,814,572

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Operasi			
Penerimaan tunai daripada geran		**-**	20,250
Penerimaan tunai daripada pendapatan-pendapatan lain		**130**	-
Penerimaan tunai daripada pelanggan		**16,858**	5,674
Penerimaan pendahuluan daripada kerajaan untuk pembangunan Kuarters Kerajaan		**595**	4,837
Penerimaan deposit penjualan harta tanah		**1,360**	-
Penerimaan sewaan lain		**826**	820
Bayaran tunai kepada kakitangan		**(36,261)**	(40,478)
Bayaran tunai kepada pembekal		**(63,600)**	(42,104)
Penerimaan daripada/(Pendahuluan kepada) PPHM		**112,000**	(112,000)
Tunai janaan daripada/(digunakan untuk) aktiviti-aktiviti operasi		**31,908**	(163,001)
Bayaran faedah unit amanah		**(188,422)**	(170,726)
Bayaran Pendahuluan Bantuan Bakti Negara (BBN)		**(10,320)**	(41,668)
Bayaran Pendahuluan Skim Anuiti Veteran (SAVe)		**(39)**	-
Bayaran di bawah skim faedah kematian & hilang upaya		**(6,816)**	(6,012)
Bayaran geran kepada PERHEBAT		**-**	(20,250)
Bayaran manfaat kakitangan		**(3,700)**	(4,939)
Bayaran pendahuluan kepada PPHM untuk pembangunan Kuarters Kerajaan		**(595)**	(4,837)
Bayaran zakat		**(575)**	(350)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti-aktiviti operasi		**(178,559)**	(411,783)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Pelaburan			
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan		**(345)**	(958)
Pembelian pembangunan harta tanah		**-**	(580)
Pelaburan harta tanah		**(9,003)**	(6,883)
Pelaburan tambahan dalam syarikat-syarikat subsidiari		**(60,167)**	(232,285)
Pembelian syarikat-syarikat bersekutu		**-**	(8,420)
Pembelian pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain		**(141,943)**	-
Pembelian sekuriti sedia untuk dijual		**-**	(23,353)
Pelaburan dalam pelaburan pada nilai saksama ke untung atau rugi		**7,664**	-
Pelaburan dalam sekuriti dipegang untuk urusniaga		**-**	(2,034)
Pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan		**(360,383)**	(169,979)
Penerimaan faedah dan keuntungan		**3,588**	13,360

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Pelaburan (sambungan)			
Penerimaan keuntungan daripada pelaburan pada nilai saksama ke untung atau rugi		**9,150**	-
Penerimaan keuntungan daripada sekuriti dipegang hingga matang		**-**	9,150
Penjualan syarikat-syarikat subsidiari		**-**	215,320
Penjualan pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain		**378,295**	-
Penjualan sekuriti sedia untuk dijual		**-**	524,210
Penjualan harta tanah, loji dan peralatan		**47**	-
Penjualan pembangunan harta tanah		**129,162**	-
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat subsidiari		**137,159**	311,646
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		**23,996**	25,702
Dividen diterima daripada pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain		**29,514**	-
Dividen diterima daripada sekuriti sedia untuk dijual		**-**	28,754
Pendapatan lain daripada syarikat-syarikat bersekutu		**632**	1,057
Pemulangan modal Nota Jangka Pertengahan		**3,000**	3,000
Penerimaan sewaan daripada pelaburan harta tanah		**31,919**	31,422
Tunai bersih daripada aktiviti-aktiviti pelaburan		**182,285**	719,129
Aliran Tunai Daripada Aktiviti-Aktiviti Pembiayaan			
Penerimaan caruman ahli		**884,089**	870,759
Pengeluaran caruman ahli		**(909,191)**	(1,199,484)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti-aktiviti pembiayaan		**(25,102)**	(328,725)
Pengurangan bersih tunai dan kesetaraan tunai		**(21,376)**	(21,379)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari		**153,573**	174,952
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	31	**132,197**	153,573

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian pelengkap penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang lebih dikenali dengan singkatan LTAT, telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Parlimen. Pejabat berdaftar adalah di Tingkat 12, Bangunan LTAT, Jalan Bukit Bintang, Peti Surat 11542, 50748 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengikut Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) adalah bagi mentadbir dan melabur kumpulan wang caruman pegawai-pegawai dan anggota-anggota lain-lain pangkat, Angkatan Tentera Malaysia yang mencarum secara wajib dan Anggota Kerahan Angkatan Sukarela yang mencarum secara sukarela. Aktiviti ini meliputi proses mengumpul, mengurus dan melabur dana wang caruman dalam inventori (nota 4), pelaburan harta tanah (nota 5), syarikat-syarikat subsidiari (nota 6), syarikat-syarikat bersekutu (nota 7), pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain (nota 8), pelaburan pada nilai saksama ke untung atau rugi (nota 10), pelaburan pada kos dilunaskan (nota 12) dan deposit (nota 15).

LTAT juga melaksanakan program-program latihan peralihan bagi anggota angkatan tentera yang akan atau yang telah bersara.

Bilangan keseluruhan pegawai dan kakitangan LTAT setakat 31 Disember 2018 ialah 259 orang (31 Disember 2017: 258 orang).

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan

(a) Pernyataan Pematuhan

Penyata Kewangan LTAT telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101).

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah penyata kewangan pertama LTAT yang disediakan mengikut piawaian MFRS. LTAT telah mengaplikasikan MFRS 1 Penggunaan Pertama Kali Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia.

Bagi tempoh sehingga dan termasuk tahun berakhir 31 Disember 2017, LTAT telah menyediakan penyata kewangan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS).

Dalam menyediakan baki mula penyata kedudukan kewangan MFRS pada 1 Januari 2017 (yang merupakan tarikh peralihan), LTAT telah membuat pelarasan amaun yang dinyatakan sebelumnya di dalam penyata kewangan yang disediakan mengikut FRS.

Penerangan peralihan daripada FRS kepada MFRS memberi kesan kepada penyata kewangan LTAT didedahkan di dalam Nota 2.3 (ii) di dalam penyata kewangan.

(b) Asas Pengukuran

Penyata Kewangan LTAT telah disediakan mengikut kelaziman kos kecuali bagi harta tanah tertentu dan instrumen kewangan yang diukur pada amaun penilaian semula atau nilai saksama pada akhir setiap tarikh pelaporan seperti yang dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan di bawah.

(c) Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan yang Signifikan

Penyediaan Penyata Kewangan LTAT memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Andaian utama berkaitan dengan masa depan dan sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko signifikan menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang seperti di bawah:

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

(c) Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan yang Signifikan (sambungan)

(i) Rosot Nilai Harta Tanah, Loji dan Peralatan

LTAT mengkaji semula amaun dibawa bagi harta tanah, loji dan peralatan pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai.

Jika sebarang petunjuk wujud, jumlah aset boleh diperolehi semula atau nilai kegunaan dianggarkan. Penentuan nilai kegunaan bagi harta tanah, loji dan peralatan memerlukan penentuan aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana daripada penggunaan berterusan dan pelupusan aset tersebut. Penyediaan anggaran aliran tunai masa hadapan melibatkan pertimbangan dan anggaran yang signifikan.

Walau bagaimanapun, LTAT percaya bahawa andaian yang wajar dan munasabah, perubahan yang signifikan dalam andaian boleh memberi kesan ke atas penilaian jumlah yang boleh diperolehi dan boleh membawa kepada caj rosot nilai masa hadapan. Sebarang rosot nilai yang terhasil mungkin memberi kesan material ke atas kedudukan kewangan dan operasi LTAT.

(ii) Peruntukan Kerugian Kredit Dijangka ke atas Akaun Belum Terima dan Aset Kontrak

LTAT menilai risiko kredit pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat peningkatan yang signifikan dalam risiko kredit sejak dari pengiktirafan awal secara individu. Untuk menentukan sama ada terdapat peningkatan yang signifikan dalam risiko kredit, LTAT mempertimbangkan faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang dan keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran.

Sekiranya terdapat peningkatan yang signifikan dalam risiko kredit, LTAT menentukan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat dengan mengambil kira kerugian dan kebarangkalian kepada setiap pelanggan. Aset kewangan dihapuskan sama ada sebahagian atau sepenuhnya apabila tiada prospek pemulihan yang realistik. Ini biasanya berlaku apabila LTAT menentukan bahawa penghutang tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik jumlah tertakluk kepada hapus kira.

(iii) Pembangunan Harta Tanah

LTAT mengiktiraf hasil dan perbelanjaan pembangunan harta tanah dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah input berdasarkan kos yang ditanggung sehingga kini relatif dengan jumlah kos yang dijangka untuk memenuhi obligasi prestasi.

Pertimbangan signifikan diperlukan dalam penentuan peringkat kesiapan, tahap kos pembangunan harta tanah yang ditanggung, anggaran jumlah hasil dan kos pembangunan harta tanah, dan juga pulangan bagi kos pembangunan harta tanah. Dalam membuat pertimbangan, LTAT menilai berdasarkan pengalaman lepas dan juga bergantung kepada kerja pakar.

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan

(a) Syarikat-syarikat Subsidiari

Subsidiari adalah entiti-entiti termasuk entiti berstruktur, yang dikawal oleh LTAT.

LTAT mengawal entiti apabila ia terdedah, atau mempunyai hak ke atas pulangan boleh ubah daripada penglibatan dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan menerusi kuasanya ke atas entiti. Apabila menilai kawalan, potensi hak mengundi dipertimbangkan hanya apabila hak-hak tersebut adalah substantif. LTAT juga mempertimbangkan kuasa *de facto* ke atas pelaburan walaupun tidak mempunyai majoriti hak mengundi tetapi mempunyai keupayaan untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti pelaburan yang memberi kesan signifikan terhadap pulangan pelaburan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(a) Syarikat-syarikat Subsidiari (sambungan)

Dividen yang diterima daripada subsidiari direkodkan sebagai komponen pendapatan dalam penyata untung atau rugi.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak rosot nilai (jika ada).

(b) Syarikat-syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti-entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan, di mana LTAT mempunyai pengaruh signifikan, tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas keputusan-keputusan dasar operasi dan kewangan. Bagi penjualan pelaburan, perbezaan antara hasil penjualan bersih dan amaun dibawa dicaj atau kredit ke untung atau rugi.

Pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak rosot nilai (jika ada).

(c) Aset Kewangan

Dasar perakaunan diterima pakai dari 1 Januari 2018

(i) Pengiktirafan Awal dan Pengukuran

Aset kewangan diklasifikasikan, pada pengiktirafan awal, yang kemudian diukur pada kos dilunaskan, nilai saksama pendapatan komprehensif lain dan nilai saksama ke untung atau rugi.

Pada pengiktirafan awal klasifikasi aset kewangan bergantung kepada ciri-ciri aliran tunai kontrak aset kewangan dan model perniagaan LTAT untuk menguruskan aset kewangan.

Bagi memastikan aset kewangan diklasifikasikan dan diukur pada kos dilunaskan atau nilai saksama pendapatan komprehensif lain, ia perlu meningkatkan aliran tunai Hanya Pembayaran Prinsipal dan Faedah (SPPI) atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Penilaian ini dirujuk sebagai ujian SPPI dan dilaksanakan pada tahap instrumen.

Model perniagaan LTAT untuk menguruskan aset kewangan merujuk kepada pengurusan aset kewangan bagi menjana aliran tunai. Model perniagaan menentukan sama ada aliran tunai akan dihasilkan dari aliran tunai kontrak, penjualan aset kewangan atau kedua-duanya.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penghantaran aset dalam jangka masa yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkenaan (amalan biasa urus niaga), diiktiraf pada tarikh niaga iaitu tarikh LTAT komited untuk membeli atau menjual aset itu.

(ii) Pengukuran Berikutnya

Bagi tujuan pengukuran berikutnya, aset kewangan dikelaskan dalam tiga kategori:

- Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang)
- Aset kewangan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain tidak akan dikelas semula ke untung atau rugi kumulatif apabila berlaku penyahiktirafan (instrumen ekuiti)
- Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(c) Aset Kewangan (sambungan)

Dasar perakaunan diterima pakai dari 1 Januari 2018 (sambungan)

(ii) Pengukuran Berikutnya (sambungan)

1) Aset Kewangan Pada Kos Dilunaskan (instrumen hutang)

Kategori ini adalah relevan kepada LTAT. LTAT mengukur aset kewangan pada kos dilunaskan jika kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Aset kewangan dipegang dalam suatu model perniagaan dengan objektif untuk mengumpul aliran tunai kontrak; dan
- Terma kontrak aset kewangan memanjangkan tempoh tertentu kepada aliran tunai SPPI atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan.

Aset kewangan pada kos dilunaskan kemudiannya diukur dengan menggunakan kaedah faedah efektif dan tertakluk kepada kerugian kredit dijangka. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila aset tersebut dinyahiktiraf, diubah suai atau kerugian kredit dijangka.

Aset kewangan LTAT pada kos dilunaskan terdiri daripada akaun belum terima (tidak termasuk prabayaran dan pendahuluan yang dibayar kepada pembekal) deposit, wang tunai dan baki bank.

2) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Pendapatan Komprehensif Lain (instrumen ekuiti)

Selepas pengiktirafan awal, LTAT boleh memilih untuk mengklasifikasikan pelaburan ekuiti yang tidak boleh ditarik balik sebagai instrumen ekuiti yang ditetapkan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain apabila memenuhi definisi ekuiti di bawah MFRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan dan tidak dipegang untuk urus niaga. Klasifikasi instrumen ditentukan berdasarkan asas instrumen.

Keuntungan dan kerugian ke atas aset kewangan ini tidak akan dikelas semula ke untung atau rugi. Dividen diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata untung atau rugi apabila hak pembayaran telah dikenalpasti, kecuali apabila LTAT mendapat manfaat daripada hasil tersebut sebagai pemulihan sebahagian daripada kos aset kewangan, dalam hal ini, keuntungan sedemikian direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain. Instrumen ekuiti yang ditetapkan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain tidak tertakluk kepada penilaian rosot nilai.

3) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama ke Untung atau Rugi

Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi termasuk aset kewangan yang dipegang untuk urus niaga, aset kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal pada nilai saksama ke untung atau rugi, atau aset kewangan yang mandatori diukur pada nilai saksama. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk urus niaga sekiranya ia diperoleh untuk tujuan jualan atau belian semula dalam tempoh terdekat.

Aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dengan perubahan bersih dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(c) Aset Kewangan (sambungan)

Dasar perakaunan diterima pakai sebelum 1 Januari 2018

(i) Pengiktirafan Awal dan Pengukuran

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, LTAT menjadi pihak kepada peruntukan kontrak aset kewangan.

Apabila aset kewangan diiktiraf pada permulaannya, ia diukur pada nilai saksama, manakala bagi aset kewangan bukan pada nilai saksama ke untung atau rugi, kos urusniaga dilibatkan secara langsung.

Pembelian dan penjualan pelaburan diiktiraf atau dinyah iktiraf pada tarikh urus niaga, iaitu tarikh LTAT membeli dan menjual aset tersebut.

(ii) Kategori dan Pengukuran

1) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama ke Untung atau Rugi

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi sekiranya ia dipegang untuk urus niaga atau ditentukan sedemikian semasa pengiktirafan awal.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

2) Pinjaman dan Akaun Belum Terima

Aset kewangan tidak disebut harga dalam pasaran aktif dengan pembayaran tetap atau berjadual diklasifikasikan sebagai pinjaman dan akaun belum terima. Aset kewangan yang dikelaskan dalam kategori ini termasuk wang tunai dan baki bank, pinjaman dan pendahuluan.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan akaun belum terima diukur pada kos diunaskan menggunakan kaedah faedah efektif, ditolak rosot nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan akaun belum terima dinyah iktiraf atau rosot nilai dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan akaun belum terima diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tarikh matang melebihi 12 bulan selepas tarikh pelaporan diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

3) Sekuriti Sedia Untuk Dijual

Sekuriti sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori lain aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan di bawah sekuriti sedia untuk dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Sekuriti sedia untuk dijual dinyatakan pada nilai saksama kecuali apabila tiada harga pasaran disebut harga dalam pasaran aktif dan nilai saksama tidak dapat diukur dengan tepat adalah dinyatakan pada kos. Dalam ketiadaan harga pasaran yang boleh dilihat, teknik penilaian akan digunakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(c) Aset Kewangan (sambungan)

Dasar perakaunan diterima pakai sebelum 1 Januari 2018 (sambungan)

(ii) Kategori dan Pengukuran (sambungan)

4) Sekuriti Dipegang Hingga Matang

Sekuriti dipegang hingga matang adalah aset-aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau berjadual dan tarikh matang yang ditetapkan di mana LTAT mempunyai tujuan dan keupayaan positif untuk memegangnya sehingga tarikh matang.

Selepas pengiktirafan awal, sekuriti dipegang hingga matang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

Semua aset kewangan kecuali sekuriti dipegang untuk urus niaga adalah tertakluk kepada penilaian rosot nilai.

(iii) Amalan Biasa Pembelian atau Penjualan Aset Kewangan

Amalan biasa pembelian atau penjualan adalah pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak di mana terma memerlukan penghantaran aset dalam jangka masa yang ditentukan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkenaan.

Amalan biasa pembelian atau penjualan aset kewangan diiktiraf dan dinyah iktiraf, di mana sesuai menggunakan perakaunan tarikh niaga. Perakaunan tarikh niaga merujuk kepada:

a) Pengiktirafan aset yang akan diterima dan liabiliti dibayar pada tarikh niaga; dan

b) Penyahiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan sebarang keuntungan atau kerugian atas penjualan dan pengiktirafan penerimaan daripada pembeli untuk pembayaran pada tarikh niaga.

(iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tidak lagi wujud, atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak yang lain tanpa memegang sejumlah amaun yang signifikan ke atas risiko dan ganjaran daripada pemindahan tersebut. Apabila aset kewangan telah dinyah iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara amaun dibawa dan jumlah diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian yang telah diiktiraf dalam ekuiti akan diiktiraf ke untung atau rugi.

(d) Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan berikutnya diukur pada kos kecuali yang dikategorikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama ke untung atau rugi.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama ke untung atau rugi adalah diukur berikutnya pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(e) Pengukuran Nilai Saksama

LTAT mengukur aset kewangan dan aset bukan kewangan seperti pelaburan harta tanah, pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan.

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima dari penjualan sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi penjualan aset tersebut atau memindahkan liabiliti sama ada:

- di pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
- jika tiada pasaran yang utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Pasaran utama atau paling menguntungkan mestilah boleh diakses oleh LTAT.

Peserta pasaran akan menggunakan nilai saksama bagi aset atau liabiliti bagi menetapkan harga aset atau liabiliti, dengan andaian bahawa peserta pasaran bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset dengan baik atau menjual kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut secara baik.

LTAT menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan di mana data adalah mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh dilihat dan meminimumkan penggunaan input yang tidak dapat dilihat.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan mengikut hierarki nilai saksama, berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan seperti berikut:

Tahap 1: Harga pasaran disebut harga tidak terlaras dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.

Tahap 2: Input selain daripada harga pasaran disebut harga yang dilihat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3: Input yang tidak dapat dilihat untuk aset dan liabiliti.

Bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, LTAT akan memastikan sama ada terdapat pemindahan yang telah berlaku antara tahap dalam hierarki dengan pengkategorian nilai semula (berdasarkan input paras terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tarikh pelaporan.

(f) Harta Tanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Semua harta tanah, loji dan peralatan pada mulanya direkodkan pada kos selepas susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos tersebut adalah termasuk kos penggantian sebahagian loji dan peralatan lain jika kriteria pengiktirafan dipenuhi.

Kos berikutnya dimasukkan ke dalam amaun dibawa atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang sesuai, apabila kemungkinan terdapat manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut dan kos aset boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti adalah dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tahun kewangan di mana ia ditanggung.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(f) Harta Tanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai (sambungan)

Tanah milik bebas mempunyai jangka hayat kegunaan yang tidak terhad dan tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajak jangka panjang dilunaskan sepanjang jangka masa pajakan. Bangunan dalam binaan tidak disusut nilai memandangkan aset tersebut belum sedia untuk diguna. Susut nilai kerja dalam perlaksanaan bermula apabila aset sedia untuk digunakan.

Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang tempoh anggaran jangka hayat kegunaannya pada kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan

• Milik bebas	2%
• Pegangan pajak jangka panjang	2% - 20%
Loji dan peralatan lain	20%

Amaun dibawa bagi harta tanah, loji dan peralatan dikaji semula bagi rosot nilai apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan amaun dibawa mungkin tidak dapat diperolehi semula.

Nilai sisa, jangka hayat kegunaan dan kaedah susut nilai dikaji pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Harta tanah, loji dan peralatan dinyah iktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada lagi manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya.

Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun dibawa bersih diiktiraf dalam untung atau rugi.

Susut nilai pada tahun hanya dikira bagi harta tanah, loji dan peralatan yang dibeli sebelum 1 Julai. Susut nilai bagi pembelian selepas 30 Jun akan disusut nilai pada tahun berikutnya. Harta tanah, loji dan peralatan dengan nilai belian kurang dari RM2,000 per unit akan dihapus kira sepenuhnya pada tahun pembelian.

(g) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos atau nilai realisasi bersih, kos ditentukan berdasarkan purata wajaran.

(i) Pembangunan Harta Tanah

Pembangunan harta tanah (diklasifikasikan dalam aset bukan semasa) meliputi tabungan tanah yang dalam proses penyediaan untuk pembangunan tetapi belum dilancarkan, atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi biasa.

Kos yang berkaitan dengan pemerolehan tanah termasuklah harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

Tanah untuk pembangunan harta tanah dipindahkan kepada pembangunan harta tanah dalam perlaksanaan (diklasifikasikan dalam aset semasa) pada ketika aktiviti pembangunan harta tanah telah dimulakan dan di mana ia dapat ditunjukkan bahawa aktiviti tersebut dapat diselesaikan dalam kitaran operasi biasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(g) Inventori (sambungan)

(ii) Pembangunan Harta Tanah dalam Pelaksanaan

Pembangunan harta tanah dalam pelaksanaan terdiri daripada kos tanah dalam pembangunan berserta kos pembangunan yang berkaitan untuk keseluruhan projek dan kos langsung bangunan.

Kos pembangunan harta tanah kemudiannya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila kawalan ke atas inventori dipindahkan kepada pelanggan. Kos pembangunan harta tanah unit tidak terjual dipindahkan ke harta tanah yang disiapkan sebaik sahaja pembangunan selesai.

(iii) Harta Tanah Siap

Kos merangkumi kos pembelian tanah termasuk semua kos berkaitan yang ditanggung selepas pembelian bagi tujuan penyediaan guna tanah, kos pembangunan yang berkaitan dengan projek dan kos langsung bangunan.

Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan biasa, kurang anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

(h) Pelaburan Harta Tanah

Pelaburan harta tanah adalah harta tanah yang dipegang untuk memperolehi pendapatan sewa atau peningkatan modal atau kedua-duanya, dan bukan untuk tujuan pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan, pentadbiran, atau operasi perniagaan.

Harta tanah yang disewakan kepada syarikat-syarikat subsidiari LTAT untuk menjalankan operasi perniagaan dianggap sebagai dikuduki sendiri dan bukan pelaburan harta tanah. Pelaburan harta tanah terdiri daripada pelaburan harta tanah yang telah siap dan harta tanah yang sedang dibina atau dibangunkan untuk kegunaan masa hadapan.

Pelaburan harta tanah pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urus niaga. Pelaburan harta tanah dalam pembinaan diukur pada nilai saksama, atau apabila nilai saksama tidak dapat ditentukan dengan tepat, ianya diukur pada kos ditolak rosot nilai.

Amaun dibawa termasuklah kos menggantikan sebahagian pelaburan harta tanah yang wujud pada masa kos ditanggung jika kriteria pengiktirafan dipenuhi.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan harta tanah diukur pada nilai saksama yang ditentukan oleh LTAT dengan merujuk kepada bukti pasaran harga urus niaga bagi harta tanah yang serupa, dan penilaian dilakukan oleh penilai bebas berdaftar yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman terkini di lokasi dan kategori harta tanah yang dinilai. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksama pelaburan harta tanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun ianya berlaku.

Pelaburan harta tanah dinyah iktiraf apabila ia telah dilupuskan atau apabila pelaburan harta tanah tersebut ditarik balik penggunaan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada pelupusan berkenaan. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dengan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh pelaburan harta tanah dinyah iktiraf.

Pemindahan dibuat kepada atau daripada pelaburan harta tanah hanya apabila terdapat perubahan dalam penggunaan. Bagi pindahan daripada pelaburan harta tanah kepada harta tanah yang dikuduki pemilik, kos yang dianggarkan bagi perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam penggunaan. Bagi pindahan daripada harta tanah yang dikuduki pemilik kepada pelaburan harta tanah, harta tanah diambil kira mengikut dasar perakaunan untuk harta tanah, loji dan peralatan pada tarikh perubahan dalam penggunaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(i) Pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika terdapat perpindahan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

Harta tanah sewa pajak merupakan pajakan kewangan dan diklasifikasikan dalam harta tanah, loji dan peralatan.

(j) Rosot Nilai Aset Kewangan

Dasar perakaunan diterima pakai dari 1 Januari 2018

Bagi akaun belum terima dan aset kontrak, LTAT menggunakan pendekatan mudah untuk mengira peruntukan kerugian kredit dijangka. Oleh itu, LTAT tidak menjejaki perubahan dalam risiko kredit, tetapi mengiktiraf peruntukan kerugian berdasarkan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat pada setiap tarikh pelaporan. LTAT telah menetapkan matriks peruntukan berdasarkan sejarah kerugian kredit, diselaraskan untuk faktor-faktor pandangan hadapan khusus kepada penghutang dan persekitaran ekonomi.

LTAT menganggap aset kewangan adalah gagal apabila bayaran kontrak melebihi 90 hari selepas tamat tempoh. Walau bagaimanapun, dalam kes tertentu, LTAT juga boleh mempertimbangkan aset kewangan adalah gagal apabila maklumat dalaman atau luaran menunjukkan bahawa LTAT tidak mungkin menerima jumlah kontrak yang belum dijelaskan sepenuhnya, sebelum mengambil kira sebarang peningkatan kredit yang dipegang oleh LTAT. Aset kewangan dihapus kira apabila tiada jangkaan yang munasabah untuk memulihkan aliran tunai kontrak.

Dasar perakaunan diterima pakai sebelum 1 Januari 2018

1) Aset Kewangan

Amaun dibawa bagi semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai sekuriti dipegang untuk urus niaga, syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu) adalah dinilai pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat petunjuk nyata rosot nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut.

Kerugian yang dijangkakan akibat daripada peristiwa masa hadapan, sekiranya berlaku, adalah tidak diiktiraf.

Untuk pelaburan ekuiti, penurunan dalam nilai saksama daripada kos yang signifikan atau berlanjutan adalah petunjuk nyata rosot nilai.

Peruntukan kerugian kredit dijangka bagi pinjaman dan akaun belum terima adalah diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur dengan mengambil kira perbezaan di antara amaun dibawa aset tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset tersebut. Amaun dibawa aset tersebut dikurangkan dengan menggunakan akaun peruntukan.

Rosot nilai sekuriti sedia untuk dijual adalah diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur sebagai perbezaan di antara kos dengan nilai saksama semasa aset tersebut ditolak rosot nilai yang diiktiraf terdahulu. Apabila penurunan nilai saksama kewangan sedia untuk dijual diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kerugian kumulatif dalam pendapatan komprehensif lain akan diklasifikasikan semula dari ekuiti dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Rosot nilai instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dibawa pada kos akan diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa aset kewangan yang sama.

Rosot nilai yang diiktiraf dalam untung atau rugi bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak dipelaraskan semula melalui untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(j) Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

Dasar perakaunan diterima pakai sebelum 1 Januari 2018 (sambungan)

2) Aset Bukan Kewangan

Amaun dibawa untuk aset-aset bukan kewangan dikaji pada setiap tarikh pelaporan bagi mengenal pasti sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Jika terdapat tanda-tanda rosot nilai, amaun dibawa akan terus disusutkan kepada jumlah diperolehi semula. Rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali bagi aset yang dinilai semula, di mana penilaian semula dibawa ke pendapatan komprehensif lain.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya diselaraskan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk penentuan jumlah aset yang boleh diperolehi semula apabila rosot nilai terakhir diiktiraf. Jika itu berlaku, amaun aset dibawa dinaikkan kepada jumlah yang boleh diperolehi semula. Peningkatan tidak boleh melebihi amaun dibawa yang mungkin telah ditentukan (ditolak susut nilai), sekiranya tiada rosot nilai diiktiraf sebelum ini. Pelarasan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali aset tersebut diukur pada amaun dinilai semula, di mana pelarasan dianggap sebagai peningkatan penilaian semula.

(k) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai mengandungi deposit, wang tunai dan baki bank yang mudah alih tunai dan tertakluk kepada jumlah risiko tidak ketara semasa perubahan nilai.

(l) Pemiutang

Pemiutang adalah dinyatakan pada kos.

(m) Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing diiktiraf pada kadar pertukaran yang lazim pada tarikh urus niaga.

Pada setiap akhir tempoh pelaporan, butiran kewangan yang didominasi dalam mata wang asing diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh tersebut.

Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama yang didominasi dalam mata wang asing diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul, jika ada diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain apabila berlaku.

(n) Percukaian

Cukai yang diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun adalah cukai tertunda ke atas keuntungan cukai harta tanah yang kena dibayar ke atas pelupusan harta tanah dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sedang digubal pada tarikh pelaporan.

(o) Manfaat Kakitangan

(i) Manfaat Jangka Pendek

Gaji, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan LTAT pada tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(o) Manfaat Kakitangan (sambungan)

(ii) Pelan Caruman Tetap

Caruman yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam untung atau rugi apabila berlaku.

(iii) Manfaat Perubatan Selepas Persaraan

LTAT telah memperuntukkan manfaat perubatan selepas persaraan kepada kakitangannya yang telah bersara dan pasangan. Pesara yang dilantik sebagai pegawai kontrak akan menggunakan manfaat ini selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak. Peruntukan manfaat perubatan ini meliputi kos rawatan sepenuhnya di hospital/klinik Panel dan Kerajaan.

Peruntukan ini diakru sebagai perbelanjaan di dalam pendapatan komprehensif lain dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai peruntukan manfaat perubatan selepas persaraan.

Amaun liabiliti selepas persaraan dikira berdasarkan penilaian aktuari dengan menganggarkan amaun manfaat yang diperolehi oleh kakitangan sebagai balasan perkhidmatan mereka dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Manfaat tersebut ditentukan oleh aktuari menggunakan kaedah Unjuran Kredit Unit Aktuari. LTAT mengiktiraf keuntungan atau kerugian aktuari dalam pendapatan komprehensif lain.

Andaian utama yang digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

(a) Kadar inflasi terhadap kos rawatan ialah 5% setahun (2017: 5%); dan
(b) Kadar diskaun ialah pada 5.8% setahun (2017: 5.8%).

(iv) Manfaat Pelan Ganjaran

Manfaat pelan ganjaran menyediakan sejumlah manfaat yang ditakrifkan melalui gaji dan tempoh perkhidmatan.

Peruntukan ini diakru sebagai perbelanjaan di dalam pendapatan komprehensif lain dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai peruntukan manfaat pelan ganjaran.

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari ini ialah:

(a) Kadar diskaun ialah 5.3% setahun (2017: 5.3%); dan
(b) Kadar kenaikan gaji ialah 4.5% setahun (2017: 4.5%).

(p) Geran Kerajaan

Geran tahunan yang diterima daripada Kerajaan seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 23, Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973 (Akta 101), adalah diiktiraf atas asas tunai.

(q) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen dari pelaburan saham adalah diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk pembayaran dividen telah dapat dipastikan.

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan (sambungan)

(q) Pengiktirafan Pendapatan (sambungan)

Hasil daripada pembangunan harta tanah diiktiraf apabila dan apabila kawalan ke atas aset dipindahkan kepada pelanggan. Bergantung pada syarat-syarat kontrak dan undang-undang yang terpakai untuk kontrak, hak kawalan ke atas aset boleh dipindahkan dari semasa ke semasa atau dalam satu masa. Kawalan ke atas aset dipindahkan dari masa ke semasa jika prestasi LTAT tidak memperolehi aset dengan kegunaan alternatif kepada LTAT dan LTAT mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk pembayaran untuk prestasi selesai setakat ini.

Sekiranya kawalan pemindahan aset dari semasa ke semasa, pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh kontrak dengan menggunakan kaedah input yang berdasarkan kos yang dikenakan sehingga kini berbanding dengan jumlah kos yang dijangkakan untuk memenuhi kewajipan prestasi tersebut. Jika tidak, pendapatan diiktiraf pada satu ketika apabila pelanggan memperoleh kawalan aset tersebut.

LTAT mengiktiraf jualan pada satu ketika dalam masa jualan harta tanah siap, apabila kawalan harta tanah telah dipindahkan kepada pembeli, ketika harta tanah telah siap dan diserahkan kepada pelanggan.

(r) Bayaran Balik Perbelanjaan, Pelarasan ke atas Pendapatan dan Perbelanjaan

Bayaran balik perbelanjaan dan pelarasan terlebih dan terkurang dinyatakan sebelumnya bagi pendapatan atau perbelanjaan adalah dipelaraskan ke akaun-akaun berkenaan pada tahun semasa.

2.3 Perubahan dalam Dasar Perakaunan

i) Menerima Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS 1)

Penyata kewangan LTAT yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah disediakan mengikut FRS. Kecuali untuk perbezaan tertentu, keperluan-keperluan di bawah FRS dan MFRS adalah sama. Dasar-dasar utama perakaunan yang diterima pakai dalam penyediaan penyata kewangan ini konsisten dengan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 kecuali seperti berikut:

(a) Harta Tanah, Loji dan Peralatan

LTAT mencatat tanah dan bangunan pegangan pajakan dan bangunan milik bebas pada amaun dinilai semula tetapi tidak menerima pakai dasar penilaian semula dan terus membawa amaun tanah dan bangunan berdasarkan penilaian semula terdahulu tertakluk kepada kesinambungan dasar susut nilai dan keperluan bagi melupuskan aset-aset kepada jumlah yang boleh diperolehi bagi pelarasan rosot nilai.

Semasa peralihan kepada MFRS, LTAT telah memilih untuk mengukur semua harta tanah, loji dan peralatan dengan model kos di bawah MFRS 116 Harta Tanah, Loji dan Peralatan.

LTAT memilih amaun penilaian semula tanah dan bangunan pada tarikh penilaian semula 1 Januari 2017 sebagai kos dianggap dan amaun ini adalah setanding dengan nilai saksama pada tarikh tersebut. Lebihan penilaian semula sebanyak RM10.7 juta pada 1 Januari 2017 telah dipindahkan ke keuntungan tertahan pada tempoh peralihan kepada MFRS.

(b) Hasil Dari Kontrak Dengan Pelanggan

MFRS 15 Hasil dari kontrak dengan pelanggan (berkuatkuasa dari 1 Januari 2018) menggantikan MFRS 118 Hasil dan MFRS 111 Kontrak Pembinaan dan interpretasi yang berkaitan. Prinsip teras dalam MFRS 15 ialah entiti mengiktiraf pendapatan untuk menggambarkan pemindahan barang atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan dengan suatu jumlah yang entiti itu menjangkakan berhak sebagai pertukaran bagi barang atau perkhidmatan itu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Perubahan dalam Dasar Perakaunan (sambungan)

i) Menerima Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS 1) (sambungan)

(b) Hasil Dari Kontrak Dengan Pelanggan (sambungan)

Hasil diiktiraf apabila pelanggan memperoleh kawalan ke atas barangan atau perkhidmatan, iaitu pelanggan boleh menggunakan secara langsung dan mendapat manfaat daripada barangan atau perkhidmatan tersebut.

Lima langkah baharu digunakan sebelum pendapatan boleh diiktiraf:

1. Kenal pasti kontrak dengan pelanggan;
2. Kenal pasti obligasi secara berasingan;
3. Tentukan harga transaksi kontrak;
4. Mengagihkan harga urus niaga kepada setiap obligasi berasingan; dan
5. Mengiktiraf hasil apabila setiap obligasi dipenuhi.

Penerimaan pakai piawaian MFRS 15 di atas tidak memberi kesan yang signifikan ke atas prestasi atau kedudukan kewangan LTAT.

(c) Instrumen Kewangan

MFRS 1 membenarkan pengecualian daripada keperluan untuk menyatakan semula perbandingan maklumat kepada MFRS 9 Instrumen Kewangan. Oleh itu, LTAT menerima pakai keperluan FRS menggantikan keperluan MFRS 9 untuk perbandingan maklumat dalam skop MFRS 9.

i) Klasifikasi dan Pengukuran

Keperluan klasifikasi dan pengukuran MFRS 9 tidak mempunyai kesan yang signifikan kepada LTAT. LTAT terus mengukur semua aset kewangan yang sebelum ini dipegang pada nilai saksama di bawah MFRS 139, dengan pengecualian berikut:

- Saham Keutamaan Boleh Tukar Tebus dan Nota Jangka Pertengahan yang sebelum ini masing-masing diklasifikasikan sebagai sekuriti sedia untuk dijual dan pinjaman dan akaun belum terima untuk mengumpul aliran tunai kontrak dan meningkatkan aliran tunai mewakili SPPI. Instrumen ini dikelas dan diukur sebagai pelaburan pada kos dilunaskan.

- Junior Sukuk Musharakah yang sebelum ini diklasifikasikan sebagai sekuriti dipegang hingga matang, dikelas dan diukur sebagai pelaburan pada nilai saksama ke untung atau rugi.

- Instrumen ekuiti disebut harga dan tidak disebut harga sebelum ini diklasifikasikan sebagai sekuriti sedia untuk dijual, kini dikelaskan dan diukur sebagai pelaburan pada nilai saksama pendapatan komprehensif lain tanpa pindah ke untung atau rugi atas jualan. LTAT memilih mengklasifikasikan ekuiti disebut harga dan tidak disebut harga yang tidak boleh ditarik balik di bawah kategori ini kerana bercadang memegang pelaburan ini untuk jangka masa hadapan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Perubahan dalam Dasar Perakaunan (sambungan)

i) Menerima Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS 1) (sambungan)

(c) Instrumen Kewangan (sambungan)

i) Klasifikasi dan Pengukuran (sambungan)

Kesimpulannya, dengan menerima pakai MFRS 9, LTAT telah mengklasifikasikan semula seperti yang dikehendaki atau yang dipilih:

	MFRS 9 Kategori Pengukuran		
Pada 1 Januari 2018	**Nilai Saksama ke Untung atau Rugi RM'000**	**Kos Dilunaskan RM'000**	**Nilai Saksama Pendapatan Komprehensif Lain RM'000**
MFRS 139 kategori pengukuran			
Sekuriti sedia untuk dijual			
- saham disebut harga	-	-	780,816
- saham tidak disebut harga	-	-	582,212
- saham keutamaan boleh tebus tidak disebut harga	-	174,300	-
- saham keutamaan boleh tebus tidak disebutharga	-	10,027	-
Sekuriti dipegang hingga matang			
- junior Sukuk Musharakah	150,000	-	-
Pinjaman dan akaun belum terima			
- Nota Jangka Pertengahan	-	268,000	-
Deposit	-	130,070	-
Wang tunai dan baki bank	-	23,503	-
Sekuriti dipegang untuk urus niaga			
- saham disebut harga	161,092	-	-

